

**Jilid IV
Bil. 3**



**Hari Khamis
11hb Mac, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 325]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 395]**

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD, BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

HARGA MINYAK PETROL

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah harga minyak petrol akan dikurangkan memandangkan pada masa ini beberapa negara-negara pengeluar minyak petrol telah mengurangkan harga minyak mentahnya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengkaji kesan penurunan harga minyak mentah dan implikasinya terhadap harga runcit barang-barang petroleum di negara ini dan akan membuat perakuan yang perlu kepada Kerajaan. Buat sementara waktu, saya tidak dapat menyatakan sama ada harga petrol akan turun ataupun tidak. Saya hanya dapat memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahwa Kerajaan akan mengkaji segala kemungkinan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian telah pun berhubung ataupun membuat

perjumpaan dengan persatuan penjual-penjual minyak di negara ini bagi kepentingan penurunan harga minyak petrol.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya belum berhubung dengan penjual-penjual minyak tetapi pada lazimnya kita berhubung dengan syarikat petroleum yang membekalkan barang-barang itu.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar OPEC sudah turunkan harga minyak 3 kali dalam 6 bulan ini dan menurut jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan mengambil masa lagi mengkaji untuk menurunkan harga petrol atau lain-lain.

Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar sebuah negeri yang dekat dengan kita sahaja dalam sebulan iaitu pada bulan Februari yang lepas sudah turun 10 sen segelen. Kenapa Kementerian yang berkenaan mengambil satu masa yang panjang untuk mengkaji harga ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Apabila harga minyak mentah seluruh dunia naik maka harga petrol kita naik dengan segera. Tetapi sekarang harga minyak mentah telah turun, mengapa harga petrol kita tidak turun segera? Apakah langkah untuk mengubah situasi ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar bahawa harga minyak mentah telah turun. Harga minyak mentah yang ditetapkan oleh OPEC iaitu market price pada masa dahulu US\$32 satu barrel, tidak turun

lagi. Apa yang turun cuma spot price dan premium. Oleh kerana itu sekarang pembekalan ada berlebihan. Jadi, ada kemungkinan syarikat minyak yang memperolehi petroleum crude boleh dapat crude daripada sumber-sumber yang mana harga telah turun. Oleh kerana itu ada kemungkinan Kementerian saya mengkaji semula harga barang-barang petroleum dan ini pun kita mesti banding dengan apa yang ada di pasaran bebas yang mana di Malaysia kita ini kita ikut apa yang dikatakan bukom posting. Tetapi walaupun bukom posting telah jatuh tetapi pada masa ini apa yang kita untung akibat daripada penurunan harga bukom posting telah dioffset oleh kerana exchange rate US dollar dengan Malaysian ringgit telah naik. Jadi ini ialah yang mana kita akan mengambil masa sedikit untuk mengkaji kemungkinan penurunan harga.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, pengurangan harga minyak petrol adalah salah satu daripada punca penurunan harga barang-barang keperluan dan penduduk negara kita berasa lega.

Soalannya, sekiranya syarikat minyak tidak mahu menurunkan harga minyak petrol ini, apakah langkah-langkah Kementerian ini.

Dato' Lew Sip Hon: Syarikat menurunkan harga ini bukan terpulang kepada keputusan syarikat kerana barang-barang petroleum adalah barang jadual (controlled price) yang mana harga itu ditetapkan oleh Kerajaan. Jadi, kalau Kerajaan menetapkan atau memutuskan barang-barang itu dijual dengan sekian harga, syarikat minyak mesti mematuhi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian sedar beberapa kenyataan daripada pihak Kementerian sendiri telah pun membayangkan kepada rakyat bahawa harga minyak ini memang akan turun. Jadi, bilakah agaknya kajian-kajian yang sedang dijalankan dapat diselesaikan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, apa-apa pengumuman yang dibuat oleh Kementerian

telah dikatakan bahawa Kementerian sekarang sedang mengkaji masalah ini dan tidak boleh dikatakan boleh turun atau tidak. Tetapi kemungkinan satu atau daripada barang-barang itu ada sebab penurunannya itu tetapi sampai masa sekarang ini kita belum habis meneliti perkara ini dan seberapa segera yang boleh kita telah membuat penelitian, kita mesti membuat perakuan kepada Kerajaan dan dengan seberapa yang boleh Kerajaan mesti membuat perakuan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melawat ke negeri-negeri OPEC, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berunding mengenai harga minyak dengan negara-negara itu.

Yang kedua, kita ada minyak yang banyak di Terengganu dan Sarawak, berapa barrelkah yang kita dapat pada satu hari. Bolehkah dalam masa lima tahun kita mempunyai self-sufficient minyak di negara ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan kedua itu luar daripada soalan asal.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila harga minyak naik, Kerajaan telah mengatakan bahawa Kerajaan ada memberi subsidi untuk menanggung perbelanjaan kenaikan harga minyak. Saya hendak bertanya dalam perkara ini atas dua soalan. Pertama, dengan menurunkan harga minyak, sejauh manakah akan terlibat subsidi ataupun pertolongan pihak Kerajaan kepada orang ramai sekiranya harga minyak ini turun.

Soalan saya yang kedua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat buat soalan itu satu-satu dahulu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan ada memberi subsidi kepada khususnya disel dengan petroleum. Dan juga ada cukai ke atas barang lain seperti gasoline. Jadi, harga yang ditetapkan mestilah mengambil kira apakah kesan cukai dan juga apakah kesan subsidi dan ini akan diambil

perhatian dalam kajian yang mana harga itu akan berubah. Jadi, subsidi itu ada diambil dalam kiraan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya, sama ada Kerajaan mempunyai satu formula yang telah ditetapkan dahulu iaitu bagi satu masa harga minyak di pasaran dunia sampai kepada satu peringkat harga minyak dijual di pasaran tempatan ini diubahsuai. Tidakkah ada satu formula yang ditetapkan dahulu dan bukanlah mengkaji dari semasa ke semasa untuk mengubah harga itu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada menggunakan satu formula untuk mengira apakah harga dan ini sejak dahulu bulan Ogos yang mana kita ada menetapkan harga baharu kita telah gunakan yang dikatakan "bukum posting" tetapi yang kita tidak boleh buat seperti Singapura ialah Singapura ada satu automatic formula yang mana kalau 'bukum posting' turun barang-barang petroleum tetapi oleh kerana Malaysia ialah sebuah negara yang dikatakan nett exporter, jadi kita tidak boleh ikut automatic formula itu dan lagi atas sebab-sebab tertentu yang tidak sama dengan Singapura yang mana kita beri subsidi begitu banyak kepada disel dan kerosene. Harga disel dan kerosene di Malaysia ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan harga yang ada di rantau sini. Jadi, atas banyak sebab-sebab, kita tidak boleh dengan otomatiknya kalau harga 'bukum posting' itu turun, kita mesti turunkan, kalau harga naik, kita naik—tidak boleh.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan subsidi. Ini juga ada kaitannya dengan kedudukan negara kita sebagai pembekal ataupun pengeksporan minyak. Jadi, dengan turun harganya bekalan minyak seluruh dunia, adakah ini juga akan menjejaskan pendapatan negara kita daripada mengeksport minyak melalui PETRONAS dan kalau kita terjejas, sebanyak manakah yang terjejas.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, subsidi ini, saya rasa tidak bersangkutan dengan apa yang diperolehi oleh PETRONAS atas

pengeksporan minyak mentah, kerana harga minyak mentah ini bergantung kepada harga OPEC dan juga harga pasaran. Subsidi ini dikeluarkan daripada Kerajaan untuk membantu pengguna supaya pengguna tidak perlu bayar satu harga selaras dengan harga pasaran. Ini ialah makna subsidi. Jadi, kemampuan kadar subsidi yang dibayar kepada tiap-tiap barang petroleum atas kemampuan Kerajaan yang mana kita dapat hasil daripada cukai dan sebaliknya kita ada subsidi yang mana kita beri subsidi supaya pengguna-pengguna dapat beli barang dengan harga kurang daripada apa yang ada di pasaran bebas.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, bahawa negara-negara pengeluar minyak petrol telah mengurangkan harga minyak mentahnya, jadi saya hendak tahu di Dewan yang mulia ini, manakah negara-negara yang telah menurunkan harga minyak petrol dan berapa peratuskah penurunannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu luar daripada soalan asal.

AHLI EXCO SEPENUH MASA

2. **Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada arahan Kerajaan Persekutuan agar semua Ahli EXCO mesti bekerja sepenuh masa telah dilaksanakan sepenuhnya. Sudahkah Kerajaan Persekutuan membuat penyiasatan sama ada semua ahli EXCO Negeri telah berkhidmat sepenuh masa.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Semenanjung telah pun menjalankan tugas sepenuh masa. Oleh itu persoalan mengenai penyiasatan sama ada mereka telah berkhidmat sepenuh masa tidak berbangkit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah semua Menteri-menteri Kerajaan Negeri di Sabah dan Sarawak juga ada bekerja sepenuh masa yang setaraf semacam EXCO di Semenanjung Malaysia.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Menteri-menteri di Sabah ada Kementerian-kementeriannya dan mereka bekerja sepenuh masa.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dengan izin, adakah seorang leave without pay pun dikira bekerja sepenuh masa. Oleh kerana Ahli EXCO di Johor sehingga hari ini adalah Managing Director dalam bank tetapi dia Ahli EXCO dan telah meminta leave without pay sahaja, adakah ini juga full-time dalam Kerajaan Negeri.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sama ada dengan ada tugas yang diberikan yang difikir munasabah oleh Kerajaan Negeri itu, adalah dianggap sebagai menjalankan kerja mereka itu juga.

Tuan Lim Cho Hock: Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa di negeri Perak ada seorang Ahli EXCO dari MCA, Yang Berhormat Encik Peter Chin. Beliau adalah seorang Arkitek dan pemaju perumahan. Hampir tiap-tiap hari dia boleh dikatakan sentiasa

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tumpukan sekarang apa soalnya.

Tuan Lim Cho Hock: Hampir tiap-tiap hari beliau ikut lorong belakang pergi ke pejabatnya sendiri di Brewster Road, Ipoh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta, apa soalan tambahannya—teruskan.

Tuan Lim Cho Hock: Dan masuk dari pintu belakang ke pejabatnya dan bekerja di sana (*Ketawa*). Bolehkah Kerajaan siasat perkara ini dan mengambil tindakan yang keras seperti singkirkan beliau dari Barisan Nasional ataupun Kerajaan ataupun Ahli EXCO.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini tidak berbangkit daripada soalan asal.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Speaker, ada sangkut (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kata tidak ada sangkut, kalau itu soalnya.

Tuan Lim Cho Hock: Dia seorang EXCO (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, itu kenyataan. Cuba beri tahu apa soalnya.

Tuan Lim Cho Hock: Soalnya bolehkah Kerajaan siasat perkara ini oleh kerana banyak orang tiap-tiap hari nampak kereta rasminya di lorong belakang (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk! Yang Berhormat, soal No. 2 itu cuma ada dua perkara sahaja. Yang pertama soal itu berkata: "menyatakan sama ada arahan Kerajaan Persekutuan agar semua Ahli EXCO mesti bekerja sepenuh masa". Soal yang kedua ini ialah: "penyiasatan sama ada semua ahli EXCO Negeri telah berkhidmat sepenuh masa", itu sahaja. Sekarang kalau hendak tambah?

Tuan Lim Cho Hock: Bahagian yang pertama!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Lim Cho Hock: Saya kata Ahli EXCO dari MCA di Perak, Peter Chin tidak bekerja full time.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, jadi apa soalnya?

Tuan Lim Cho Hock: Soalan saya bolehkah Kerajaan siasat perkara ini, perkara yang saya bangkitkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik! (*Ketawa*).

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sedar yang adanya kejadian seumpama itu.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Jika Ahli EXCO mesti bekerja sepenuh masa perusahaan asal mereka ialah diganti oleh isteri mereka. Adakah ini mempengaruhi kerja mereka?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak berapa dengar, cuba soal sekali lagi!

Tuan Chan Kok Kit: Jika Ahli EXCO mesti bekerja sepenuh masa perusahaan asal mereka ialah digantikan oleh isteri mereka. Adakah ini mempengaruhi kerja mereka?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal ini umum sangat, tetapi kalau Yang Berhormat hendak jawab?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sedar adanya kejadian yang seumpama itu kerana semua ahli-ahli Kerajaan adalah diminta supaya melepaskan segala perniagaan-perniagaan yang ada semasa mereka mengambil jawatan sebagai ahli Kerajaan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan saya ada minta bolehkah Kerajaan siasat EXCO Member di Ipoh ada bekerja full time atau tidak, tetapi Kerajaan beri jawapan, tidak ada. Tetapi kalau ada informasi yang cukup beri kepada Kerajaan bolehkah ambil tindakan. Apa tindakan Kerajaan boleh ambil?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini syarahkanah, ucapan ataupun soalan?

Tuan V. David: Soalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Tuan V. David: Soalnya kalau kita ada beri informasi yang cukup, bolehkah ambil tindakan?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya harap Yang Berhormat dapat kemukakan apa-apa maklumat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa arahan ialah semua EXCO melepaskan perniagaan mereka. Tadi Yang Berhormat dari Kluang ada bertanya bahawa sama ada seseorang dalam keadaan cuti tanpa bayaran ini memenuhi arahan ini bahawa dia sudah melepaskan semua perniagaan atau urusan perniagaan.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, maksud melepaskan perniagaannya itu ialah perniagaan yang dipunyainya sendiri, ini untuk mengelakkan daripada berlakunya conflict of interest semasa dia menjalankan kerja sebagai ahli Kerajaan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa beliau tidak sedar adanya berlaku kejadian sebagaimana beberapa orang anggota EXCO tidak bekerja sepenuh masa. Saya ingin bertanya kepada beliau pernahkah beliau menerima aduan mengenai perkara ini daripada Anggota-anggota Parlimen daripada parti Pembangkang?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

MINYAK DIESEL DI PENGKALAN TENTERA LAUT KUANTAN—PEMBELIAN

3. **Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan ke dalam kes menipu pembelian minyak diesel bernilai setengah juta ringgit di pengkalan Tentera Laut di Kuantan sudah siap; jika ya, sila umumkan hasil siasatan tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kes mengenai penipuan pembelian minyak diesel di pengkalan Tentera Laut di Kuantan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih dalam penyiasatan. Tindakan sesuai akan diambil apabila sahaja penyiasatan berkaitan selesai dijalankan.

DASAR EKONOMI BARU—KEMAJUAN

4. **Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) setakat hari ini dan apakah perancangan

Kerajaan di masa hadapan untuk memesatkan lagi pelaksanaannya.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah berpuas hati dengan kemajuan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dicapai setakat ini. Dari segi matlamat membasmi kemiskinan pada keseluruhannya kadar kemiskinan purata negara telah turun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2% dalam tahun 1980 dan kadar ini adalah lebih baik dari matlamat rangka rancangan jangka panjang iaitu bagi tahun 1980.

Mengenai program penyusunan semula masyarakat pula kejayaan telah juga dicapai dalam memperbaiki jurang tahap pencapaian antara bumiputera dan bukan bumiputera. Dalam sektor syarikat modal saham bagi pemastautin di Malaysia telah bertambah daripada 38.3% kepada 52.5% sementara hakmilik orang asing berkurangan dari 61.7% kepada 47.5% dalam tempoh yang sama. Modal saham milik bumiputera dan agensi-agensia amanah bumiputera telah meningkat dengan pesat pada kadar purata 31.3% setahun mejadi bahagiannya bertambah dari 4.3% dalam tahun 1971 kepada 12.4% sungguhpun pertambahan ini adalah kurang daripada 16% seperti yang dijangka dalam rangka rancangan jangka panjang tahun 1980. Masyarakat bumiputera juga mencapai kemajuan yang menggalakkan dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta latihan dalam berbagai peringkat dan pengkhususan.

Walaupun kita telah mencapai kejayaan seperti yang saya sebutkan tadi, Kerajaan sedar masih banyak lagi usaha yang diperlukan untuk memesatkan lagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Perancangan Kerajaan untuk memesatkan lagi pencapaian ini telahpun digariskan di dalam buku Rancangan Malaysia Keempat. Untuk membasmi kemiskinan Kerajaan, antara lain, akan melaksanakan program-program menambahkan daya pengeluaran melalui pembangunan tanah, penanaman semula dan pemberian subsidi serta program-program yang dapat memperbaiki mutu kehidupan seperti memberi kemudahan air dan elektrik, kesihatan, perumahan dan pelajaran. Bagi jangka masa yang masih

tinggal untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru tumpuan khas akan diberi kepada golongan yang termiskin seperti isi rumah pertanian yang memiliki keluasan tanah yang tidak ekonomik, buruh-buruh pertanian, nelayan-nelayan, petani-petani yang menjalankan kegiatan secara berpindah dan petani tanaman campuran. Memandangkan bahawa sektor ini masih ketinggalan, lebih-lebih lagi apabila dibanding dengan tahap pencapaian sektor-sektor lain maka Kerajaan sedang menggubal satu strategi yang lebih komprehensif dan teratur untuk kepentingan kemajuan masyarakat sektor ini.

Strategi untuk mencapai matlamat kasar 30% hakmilik dalam sektor syarikat dipegang oleh masyarakat bumiputera 40% oleh rakyat Malaysia yang lain dan 30% oleh warganegara asing akan diteruskan. Peranan agensi-agensia amanah bumiputera akan dipertingkatkan lagi sementara pelaksanaan Skim Amanah Saham Nasional juga akan dipergiatkan supaya lebih ramai daripada masyarakat bumiputera dalam menyertai skim ini.

Bagi mempercepatkan proses penyusunan semula corak pekerjaan pula, Kerajaan akan menitikberatkan bidang pelajaran dan latihan di kalangan rakyat, khususnya bagi meninggikan lagi jumlah keluaran masyarakat bumiputera dalam aliran profesional dan kemahiran yang lain. Peluang-peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian akan terus dibuka untuk membolehkan mereka menceburkan diri. Bantuan-bantuan dalam bentuk kewangan, kemudahan pemasaran, latihan dan teknikal akan terus disediakan untuk mereka itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia sudah diadakan empat rancangan lima tahun. Tetapi kita bacakan rancangan ketiga berkata: Kerajaan ada membina rumah-rumah sampai 34% sahaja, yang 60% tidak ada jadikan.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan V. David: Soalan ini, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu Dewan ini bagaimana Kerajaan fikir rancangan yang akan datang, kalau

rancangan yang lama tidak dibuatkan, contohnya rumah tidak akan jadi 100%—belum dibina; bagaimana ini boleh jadi baik pada masa akan datang.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengakui bahawa pencapaian di peringkat perumahan bagi rakyat jelata memang masih belum mencukupi. Maka oleh sebab itulah satu kajian yang khusus telahpun dibuat dan Kerajaan menerima kenyataan bahawa satu daripada sebab-sebabnya maka kelambatan ataupun rancangan pembinaan perumahan ini tidak begitu jaya seperti dimaksudkan ialah berbagai-bagai faktor kompleks seperti kekurangan bahan-bahan binaan, seperti kekurangan tanah misalnya yang dikurniakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan berbagai-bagai faktor yang lain. Walau bagaimanapun untuk mengatasi masalah ini maka Kerajaan sedang juga menggubal satu strategi baru dan sebenarnya Kerajaan baru sahaja membuat keputusan supaya satu kajian menyeluruh, mendalam dan komprehensif juga berhubung dengan segala aspek pembinaan rumah untuk kegunaan awam disediakan supaya setelah laporan ini dibuat nanti satu strategi baru akan dapat ditentukan bagi mempesatkan dan mengejar kelambatan yang telah berlaku di kalangan ini khususnya.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kemajuan yang memuaskan seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, berapa peratuskah agaknya penglibatan bumiputera di dalam bidang ekonomi yang akan dicapai di dalam tahun 1990 mengikut anggaran Kerajaan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kurang nyata sedikit soalan. Kalau boleh Yang Berhormat sebut terang-terang soalan itu.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengatakan bahawa kita sangat berpuas hati dengan kemajuan setakat hari ini. Saya bersetuju dan saya ucapkan tahniah. Jadi, oleh kerana kita sangat berjaya di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan mengikut keadaan jaya sekarang ini dan

jikalau kita meneruskan usaha-usaha seperti dalam keadaan sekarang ini pada tahun 1990 agaknya setakat manakah, berapa peratuskah pencapaian penglibatan bumiputera di dalam bidang ekonomi?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, takrif aktiviti ekonomi ini luas dan di dalam strategi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita telah dibelahbahagikan berbagai-bagai sektor yang tertentu. Jadi, puratanya tidaklah dapat diberi jawapan dari segi tahap kejayaan setakat ini, tetapi seperti saya telah senaraikan tadi di dalam sektor-sektor yang tertentu ada yang berjaya lebih daripada dijangka, ada yang masih kurang lagi dan itulah yang dikenal pasti oleh Kerajaan dengan tujuan supaya perseimbangan aktiviti ekonomi dengan keadaan masyarakat di dalam negara kita ini akan tercapai apabila tiba jangka masa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu jangka masa 20 tahun yang akan tamat pada tahun 1990.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru maka pihak bumiputera juga mestilah mempunyai peningkatan yang baik di segi pemilikan rumah dan sebagainya. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah rancangan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa penduduk-penduduk yang ada di luar bandar hari ini sekurang-kurangnya mempunyai tapak-tapak rumah yang bernilai, misalnya sekurang-kurangnya tapak-tapak rumah yang ada di tepi-tepi jalan ataupun rancangan-rancangan tapak rumah yang tersusun?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah merupakan satu soal yang abstract juga hendak dijawab oleh sebab nilai tapak rumah ataupun tempat kediaman rakyat jelata ini berbeza bukan kerana ianya seorang bumiputera ataupun bukan bumiputera ataupun tempatnya, tetapi begitu banyak fakta-fakta yang tertentu. Tetapi pada keseluruhannya seperti saya sebutkan tadi bagi penduduk-penduduk luar bandar yang masih ketinggalan dan kita menerima hakikat masih ketinggalan, maka strategi yang tertentu sedang digubal dan akan dilancarkan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan tentang tidak berjayanya kita mencapai akan jumlah kepunyaan bumiputera dalam sektor syarikat dari 4.3% cuma kepada 12.4%, sedangkan matlamat kita ialah 16%. Jadi, saya ingin bertanya kepada beliau supaya dapat menjelaskan apakah strategi baru yang lebih komprehensif dan agresif terhadap pencapaian matlamat ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada strategi yang nampaknya begitu berjaya ialah strategi pelaksanaan Skim Amanah Saham Nasional. Skim Amanah Saham Nasional ini seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum baru sahaja dilancarkan di dalam tahun lepas dan tahap pencapaian skim ini di luar jangkaan dari segi kejayaannya. Jadi, oleh sebab ianya baru sahaja dilancarkan pada tahun 1981, maka pada tahun-tahun akan datang—sebenarnya saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan (PNB) telahpun memastikan dan sedang mengenal pasti bagaimana strategi, di sektor manakah kita harus mempesatkan kempen-kempen supaya lebih ramai lagi bumiputera di seluruh negara meliputi segala lapisan masyarakat dan rakyat akan dapat bersama-sama menyertai di dalam skim ini. Setakat ini kalaulah kita mengikut tahap kejayaan yang dicapai di dalam jangka masa yang begitu pendek, maka di dalam jangka masa yang begitu pendek juga tidak beberapa tahun yang akan datang insya Allah tahap pencapaian yang saya katakan masih ketinggalan ini akan dapat diatasi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun sebagaimana yang diketahui umum banyak telah pun tercapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tetapi perkara ini sudah tentu kita akan sampai ke tahap yang lebih tinggi jika soal pelaksanaan itu dapat dikemaskinikan sepanjang masa. Jadi, soalan saya, adakah sesuatu jawatankuasa tetap—bukan jawatankuasa ad-hoc, yang sepanjang masa dapat menyesuaikan aturan peraturan pelaksanaan di atas pelaksanaan projek-projek itu. Apa

yang terdapat sekarang ini ialah jawatankuasa yang ditubuhkan dari masa ke semasa. Maksud saya adakah suatu Standing Committee yang tetap?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada Jawatankuasa Kabinet yang tetap yang bernama Majlis Tindakan Negara. Majlis Tindakan Negara ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sendiri menjadi ahlinya dan beberapa orang Menteri yang bertanggungjawab dari segi pelaksanaan juga menjadi anggotanya. Jawatankuasa ini bermesyuarat, semenjak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, seminggu sekali. Kalau pada masa dahulunya dua minggu sekali ataupun kadangkala sebulan sekali tetapi seminggu sekali kita mengadakan mesyuarat dan kita memanggil ataupun menjemput tiap-tiap Jabatan yang difikirkan lemah pentadbirannya, pelaksanaannya supaya mereka ini membentangkan laporan dan memberi taklimat kepada Jawatankuasa dan dalam masa itulah maka ahli-ahli Jawatankuasa Kabinet dengan pegawai-pegawainya sendiri memperbaiki keadaan pentadbiran pada keseluruhannya dan membuat sesuatu keputusan supaya apa juga lambat dapat dipercepatkan.

Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tindakan Negara ini mendapat satu asas sebagai, boleh dikatakan guide berasas kepada laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang telahpun dicetak dan disebarkan kepada semua agensi-agensi Kerajaan untuk dipatuhi dan diikuti oleh semua agensi-agensi berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan No. 5 Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada sedikit pembetulan, "sama ada beliau sedar bahawa 'terdapat'".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu ayat nombor berapa?

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Baris dua, "sama ada beliau sedar bahawa 'terdapat' doktor-doktor....."

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Doktor-doktor!

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Perkataan "terdapat".

ROMBONGAN PERUBATAN JEMAAH HAJI—ALAT-ALAT KELENGKAPAN

5. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat doktor-doktor yang bertugas di Tanah Suci dalam musim Haji yang baru lepas (1981) tidak di lengkapi dengan sebarang alatan memeriksa para pesakit sewaktu melawat khemah-khemah Jemaah dan apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi perkara ini dan kadar bandingan jumlah doktor dan kakitangan perubatan yang dihantar ke sana dengan jumlah bakal haji yang semakin bertambah.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor yang melawat khemah-khemah jemaah haji hanya membawa alat-alat diagnosis yang asas seperti stetoskop dan alat perakam tekanan darah. Alat-alat diagnosis yang lengkap dan mencukupi terdapat di klinik/khemah perubatan di Arafah dan Mina. Adalah tidak mungkin untuk doktor-doktor membawa kesemua jenis alat-alat diagnosis yang ada semasa lawatan ke khemah-khemah jemaah kerana bukan semua alat-alat diagnosis itu "portable" dan sekiranya pesakit-pesakit memerlukan pemeriksaan lanjut, pemeriksaan akan dibuat di klinik di mana terdapat alat-alat diagnosis yang lebih lengkap.

Bilangan anggota Rombongan Perubatan adalah ditambah dari setahun ke setahun berasaskan anggaran pertambahan bilangan jemaah haji. Pada tahun 1980, 104 anggota Rombongan Perubatan telah dihantar untuk memberi khidmat bagi 15,200 orang jemaah haji. Bilangan anggota Rombongan telah

ditambah menjadi 134 orang untuk memberi khidmat bagi 22,000 jemaah haji dalam tahun 1981.

Kementerian Kesihatan sedang mengkaji untuk menetapkan kadar yang sesuai bilangan antara kakitangan Rombongan Perubatan dengan jemaah haji berasaskan pengalaman-pengalaman pada tahun-tahun yang lepas.

JEPUN—BANTUAN TEKNIKAL/ SAINTIFIK

6. **Tuan Au How Cheong** minta Perdana Menteri menyatakan dalam apa bidang Malaysia ingin mencontohi Jepun dan apakah langkah-langkah tertentu akan diambil untuk mencapai tujuan itu.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang dalam proses menilai dan menentukan bidang yang mana Negeri Jepun boleh membantu Malaysia dengan secara langsung. Sebagai satu perkara dasar, kita adalah tertarik untuk mencontohi Jepun khususnya mengenai sifat teknikal dan saintifik yang diamalkan oleh tenaga buruh mereka, pendekatan terhadap kerja dan ethika perkhidmatan yang diamalkan oleh pekerja-pekerja Jepun serta juga pendekatan mereka dalam lapangan pengangkutan, industri berat dan perbadanan perdagangan antarabangsa. Buat masa ini, penyerapan dan pertukaran aspek-aspek teknologi yang tinggi dalam bidang industri berat sedang berlaku secara sistematik di antara Malaysia dengan Jepun, iaitu melalui pembangunan, beberapa projek yang sedang dilaksanakan, dan ini akan diikuti seterusnya pada masa hadapan melalui sistem latihan di institusi-institusi teknikal dan saintifik di Negeri Jepun.

Adalah sangat mustahak diingatkan bahawa dalam pertukaran teknologi dan juga dalam latihan kakitangan saintifik dan teknikal, kita akan sentiasa menumpukan kepada pembangunan dan kemajuan sistem ethika kita sendiri mengikut nilai-nilai kebudayaan dan aspirasi rakyat kita.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah masanya Kerajaan akan mengiktiraf degree dari universiti negeri Jepun?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Adakah Kerajaan akan mengiktiraf degree dari universiti Jepun?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sungguhpun soalan itu tidak berkait, tetapi ada sedikit samar, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab!

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidak berapa lengkap soalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehkah ulang sekali lagi Yang Berhormat?

Tuan Chan Kok Kit: Adakah Kerajaan akan mengiktiraf (recognize) degree universiti Jepun?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Antara terap dengan iktiraf lain maknanya. Tuan Yang di-Pertua, perkara mengiktiraf ijazah keluaran universiti Jepun sedang diberi pertimbangan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

MAMPU—MENINGKATKAN KECEKAPAN

7. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Rakyat (MAMPU) telah menjalankan satu kajian tentang kecekapan Perkhidmatan Awam, sebab-sebab terdapat kelewatan dalam kajian tersebut dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk meningkatkan kecekapan Perkhidmatan Awam.

Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu, satu kajian memang telah dijalankan bagi meninjau tanggapan masyarakat atau tanggapan orang ramai mengenai kecekapan Perkhidmatan Awam di negara ini. Kajian itu telah dijalankan pada awal tahun 1981 oleh syarikat swasta supaya

tidak ada tuduhan berat sebelah. Lapornya telah diserahkan oleh syarikat itu pada penghujung tahun 1981 dahulu dan tidak ada kelewatan yang telah timbul.

Kajian itu telah menumpukan perhatian kepada tanggapan orang ramai terhadap beberapa aspek perkhidmatan awam pada keseluruhannya dan aspek-aspek khidmat yang diberikan oleh Jabatan-jabatan tertentu termasuk pejabat-pejabat Daerah. Soalan-soalan yang ditanya kepada 2,000 responden yang dipilih secara rambang ialah sama ada mereka puas hati dengan khidmat yang diberikan, sama ada kelewatan-kelewatan tertentu pernah berlaku, ada tidaknya penyelewengan, puas hati atau tidak dengan layanan yang diterima dan sebagainya.

Laporan itu telah dibincangkan di peringkat pentadbiran Persekutuan seluruhnya dan sudah dimajukan kepada Ketua-ketua Jabatan berkenaan untuk mendapat perhatian dan tindakan-tindakan yang perlu. Pada amnya 80% dari responden menunjukkan mereka puas hati dengan perkhidmatan awam yang ada sekarang dan pandangan-pandangan yang negative tentang aspek-aspek tertentu hanya meningkat dari 4% hingga 15%. Ketua-ketua Pejabat telah diminta untuk memperbaiki lagi keadaan perkhidmatan yang diberikan di mana pandangan-pandangan negative itu mendapat peratusan yang tinggi.

Tindakan-tindakan lain untuk meningkatkan lagi prestasi dan penghasilan kerja dalam perkhidmatan awam sedang berjalan dengan tegas. Keadaan datang lambat atau pulang lebih awal dari sepatutnya telah dibanteras dengan penggunaan sistem Kad Perakam Waktu. Kursus-kursus latihan telah ditambah dan sistem pengurusan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan sedang terus diperbaiki dan dipermodenkan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum tidak ada sistem pentadbiran awam dalam dunia ini yang dapat memuaskan kehendak-kehendak rakyat 100%. Separuh manusia memang tidak tahu berasa puas hati atau berterima kasih atas kemudahan-kemudahan yang telah didapati. Ada juga sebilangan manusia yang mungkin puas hati tetapi sengaja berlagak seperti tidak puas hati oleh

sebab semata-mata kerana hendak berlagak sebagai pembangkang Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan hanya boleh terus berusaha untuk menambah kecekapan pentadbirannya dan rakyat tentu sekali dapat melihat hasil usaha ini dengan jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kerajaan akan mengumumkan laporan ini untuk pengetahuan orang ramai?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang dari awal lagi untuk mengemukakan laporan itu untuk pengetahuan orang ramai tetapi laporan yang dibuat itu khusus untuk digunakan oleh jabatan-jabatan Kerajaan sebagai tujuan untuk memperbaiki lagi prestasi perkhidmatan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar sebagai contoh Bandaraya macam mana MAMPU beri latihan kakitangan di sana sampai sekarang kita tidak nampak efficiency yang baru dalam Bandaraya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri keterangan adakah MAMPU beri latihan kepada kakitangan Bandaraya?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, latihan yang dijalankan oleh MAMPU dan juga yang dijalankan oleh INTAN adalah juga melibatkan penyertaan pegawai-pegawai dari Bandaraya.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa sambutan terhadap soalan yang dibuat kepada kakitangan Kerajaan 80% berpuas hati dan 20% tidak puas hati. Saya ingin bertanya kepada beliau apakah jumlah 20% yang tidak berpuas hati itu boleh menjejaskan pentadbiran kita.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak yang 20% tidak berpuas hati itu boleh menjejaskan pentadbiran Kerajaan.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH

8. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau

bercadang mengadakan banyak lagi sekolah-sekolah tambahan berasrama penuh diseluruh negara bagi menempatkan beribu-ribu murid yang mencapai 5A di dalam peperiksaan penilaian Darjah V, 1980, tetapi tiada dapat ditempatkan ke sekolah berasrama dan kini mereka belajar di tingkatan 1 di sekolah menengah yang biasa, belajar bercampur dengan murid-murid yang kelulusannya kurang dari 5A.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar ramai murid-murid yang lulus Peperiksaan Penilaian Darjah V tahun 1980 dengan mendapat 5A telah tidak ditempatkan di sekolah-sekolah berasrama penuh kerana tempat yang sedia ada di sekolah-sekolah tersebut adalah terhad bilangannya, juga perlu ditegaskan di sini bahawa kelulusan 5A bukanlah menjadi syarat mutlak bagi membolehkan murid berkenaan secara automatik memasuki Tingkatan Satu di sekolah-sekolah berasrama penuh. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mempunyai projek-projek yang sedang dalam peringkat pembinaan dan sedang dalam peringkat perancangan bagi menambah bilangan sekolah berasrama penuh yang ada sekarang. Keterangan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

Sekolah yang ada sehingga tahun 1982 22 buah projek Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang dalam peringkat pembinaan, 6 buah dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat 10 buah yang mana kesemua jumlahnya akan berada 38 buah berasrama penuh.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa ramai murid-murid yang telah memasuki Peperiksaan Penilaian Darjah V tahun 1980 yang berjaya mendapat 5A dan berapa ramai yang telah ditempatkan di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Bilangan yang mendapat 5A ialah 4,611 orang dan yang telah

ditempatkan di sekolah berasrama penuh ialah 3,297.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa keutamaan akan diberi pada murid-murid luar bandar yang mendapat 5A untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh ini. Jadi adakah sekolah berasrama penuh yang ada hari ini cukup untuk menampung murid-murid luar bandar yang mendapat kelulusan seperti ini jika tidak dipertimbangkan murid-murid dalam bandar.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa memang benar bahawa tekaan kita keutamaan memang diberi kepada sekolah-sekolah yang berada di luar bandar dan sebagai keutamaannya kita memberi sekolah kebangsaan sebagai yang diutamakan.

Yang keduanya sekolah rendah kebangsaan luar bandar; dan

Yang ketiganya sekolah rendah kebangsaan dan sebagai menunjukkan pecahannya:

Bilangan 5A dari sekolah kebangsaan 867 murid.

Bilangan 4A dan 1B dari sekolah kebangsaan yang dipilih iaitu sekolah luar bandar 705 orang.

Bilangan 5A dari sekolah rendah kebangsaan dari luar bandar yang dipilih 812 orang.

Bilangan 5A dari sekolah rendah kebangsaan dari bandar iaitu 913 dan jumlah peratus yang kita tempatkan kepada murid-murid di sekolah-sekolah luar bandar ialah 72%, kerana matlamat utama skim sekolah-sekolah berasrama penuh ini ialah bagi mendapatkan peluang murid-murid di luar bandar dapat memasuki sekolah-sekolah yang lengkap dan sekolah-sekolah berasrama penuh ini adalah merupakan sekolah-sekolah yang mana dari segi pembelajarannya adalah rendah.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini terdapat di Gerik di mana seorang murid perempuan mendapat 5A, tetapi tidak dapat masuk ke sekolah berasrama penuh, tetapi seorang murid lelaki yang mendapat 4A dan 1B dapat memasuki sekolah berasrama penuh, jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan perkara ini.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini berlaku, tetapi sekiranya Yang Berhormat boleh memajukan kepada saya kes yang tepat, maka saya sedia menyiasat perkara ini.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan benar bahawa murid-murid yang mendapat 5A di luar bandar diutamakan daripada dalam bandar. Soalan saya apakah kriteria yang dibuat sedangkan murid-murid yang belajar di bandar itu kebanyakannya datang dari luar bandar. Jadi adakah Kementerian menyedari bahawa murid-murid yang belajar dalam bandar itu banyak yang datang daripada luar bandar juga.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, itu disedari dan diakui dan Kementerian Pelajaran juga akui bahawa ada juga masalah kemiskinan yang berlaku di dalam bandar kerana itulah kita juga memberi tempat kepada murid-murid yang kurang berada, tetapi mempunyai potensi-potensi diberi tempat kepada sekolah-sekolah berasrama penuh. Jadi sungguhpun kita memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar, tetapi kita juga cuba memenuhi keperluan dan kehendak masalah golongan yang kurang berada yang miskin, tetapi mempunyai potensi di kawasan dalam bandar.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sama ada peluang bagi murid luar bandar ini untuk mendapatkan sekolah berasrama penuh ialah kerana Kementerian Pelajaran telah menimbangakan juga murid yang mempunyai kelulusan yang sama daripada dalam bandar

untuk masuk sekolah-sekolah berasrama penuh ini dan sama ada dasar Kerajaan itu memberi keutamaan kepada murid luar bandar juga bersedia mempertimbangkan murid itu jikalau dia dapat 4A, tetapi daripada luar bandar sepatutnya mendapat tempat dan diberi priority daripada murid yang dapat 5A, tetapi daripada dalam bandar.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah apa yang telah dibuat sepertimana yang telah saya beri perangkaan 705 murid-murid daripada sekolah kebangsaan iaitu di luar bandar diberi tempat di sekolah berasrama penuh yang mendapat 4A dan 1B iaitu tidak mendapat 5A.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha Kementerian Pelajaran bagi menyediakan semua sekolah-sekolah menengah dalam negara ini supaya semua murid-murid dapat menikmati peluang belajar sama dengan murid-murid yang masuk ke sekolah menengah berasrama penuh, dengan itu tentulah rebutan daripada murid-murid yang hendak masuk ke sekolah berasrama penuh ini dapat diselesaikan.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua ibubapa yang suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berasrama penuh, ada juga ibubapa yang suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah harian. Walau bagaimanapun, kita akan mempertimbangkan apa yang Yang Berhormat telah nyatakan tadi.

PROJEK ELEKTRIK LUAR BANDAR

9. **Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah-masalah yang timbul dalam menyelenggarakan Projek Letrik Luar Bandar disebabkan oleh keenggaran sebilangan kecil penduduk Luar Bandar membenarkan pokok-pokok milik mereka ditebang bagi memudahkan laluan tali api. Jika sedar, bilakah Kerajaan dapat

menggunakan tali yang bersalut getah sepenuhnya semoga masalah-masalah seumpama ini dapat dibesreskan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam pelaksanaan rancangan-rancangan bekalan elektrik luarbandar terdapat sedikit sebanyak masalah seperti masalah mendapat tanah tapak untuk pencawang, masalah laluan saluran talian elektrik yang melibatkan penanaman tiang dan masalah penebangan pokok-pokok dan pemotongan ranting-ranting. Masalah-masalah ini dianggap masalah-masalah kecil tetapi ianya turut menghalang pelancaran dalam menyiapkan satu-satu projek. Walau bagaimanapun, dalam usaha mengatasi masalah laluan saluran talian elektrik Lembaga Letrik Negara telah memperkenalkan sistem Pengalir Bertebat (Insulated Mains) bagi voltan 33kV ke bawah. Sistem ini didapati sesuai sebab ianya tidak memerlukan penebangan pokok-pokok yang menghalang dan penggunaannya sedang diperluaskan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan bekalan elektrik luar bandar.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Parlimen Gerik hari ini masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang berlaku. Jadi, saya ingin bertanya apakah kuasa-kuasa yang ada pada Pegawai-pegawai Daerah untuk memastikan bahawa saluran laluan talian elektrik ini dapat masuk ke kampung-kampung tanpa mendapat halangan daripada pihak penduduk?

Datuk Sanusi bin Junid: Kuasa ini memang sudah ada pada Kerajaan. Insya Allah, apabila Barisan Nasional menang dalam pilihanraya nanti kita akan teruskan pelancarannya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi penebangan pokok bagi laluan talian elektrik itu telah timbul satu masalah di kawasan saya di mana untuk negeri Pulau Pinang dibayar ganti-rugi tetapi di negeri

Kedah tidak dibayar ganti-rugi mengenai penebangan pokok. Jadi, saya ingin tahu apakah dasar sebenarnya mengenai soal itu?

Datuk Sanusi bin Junid: Saya akan menyelidiki mengenai perkara ini.

KERETAPI TENAGA ELEKTRIK

10. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah cadangan pemodenan untuk mengubahsuai keretapi diesel kepada keretapi dengan tenaga elektrik akan dimulakan dan berikan butir-butir yang lebih lanjut mengenai rancangan itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan landasan-landasan kembar elektrik tolok standard dari Butterworth ke Johor Bahru dan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu. Rancangan mengadakan landasan-landasan kembar ini adalah bagi mengatasi kesesakan operasi tren-tren di atas landasan tunggal seperti sekarang ini yang banyak mengakibatkan kelewatan.

Sementara itu rancangan mengubah kepada keretapi tenaga elektrik adalah perlu bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga dan pencemaran alam. Walaupun rancangan ini akan memakan belanja yang banyak tetapi faedahnya juga banyak bagi memenuhi keperluan pengangkutan rel di masa-masa yang akan datang.

Mengenai rancangan mengadakan landasan-landasan kembar elektrik tolok standard ini, "Terms of Referencenya" telahpun dihantar kepada Kerajaan Jepun melalui Bahagian Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 9hb Disember tahun yang sudah. Adalah dijangkakan bahawa pihak-pihak yang berkenaan akan dapat memulakan kajian bagi projek-projek ini dengan menghantar "contact teamnya" dalam bulan April akan datang ini.

Rancangan membina landasan kembar elektrik tolok standard antara Butterworth ke Johor Bahru dijangka akan menelan belanja lebih kurang \$10 billion. Landasan yang baru itu akan mengikut seberapa yang boleh

larasan landasan yang ada sekarang ini, kecuali di mana larasan sekarang tidak dapat diikuti kerana adanya selekoh-selekoh yang tajam.

Rancangan membina landasan berkembar elektrik tolok standard dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu adalah landasan baru melalui Mentakab, Kuantan dan Kuala Trengganu. Larasan bagi pembinaan landasan ini belum dapat ditentukan sehingga kajian kejuruteraan diperbuat. Adalah dijangkakan bahawa kerja pembinaan bagi kedua-dua landasan ini akan dapat dimulakan pada akhir tahun 1983 atau awal tahun 1984.

KEJADIAN JENAYAH—TINDAKAN MEMBANTERAS

11. **Tuan Haji Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa kejadian-kejadian jenayah seperti pembunuhan, culikan, rompakan, samun, rogol, dan sebagainya bertambah-tambah sejak kebelakangan ini berlaku di negara kita ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menghilangkan kebimbangan orang ramai berhubung dengan hal tersebut.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar menyatakan bahawa kejadian jenayah bertambah-tambah sejak kebelakangan ini. Angka-angka kejadian jenayah yang dilaporkan menunjukkan bahawa pada keseluruhannya jumlah kejadian jenayah pada tahun 1981 telah berkurangan sebanyak 0.3%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penurunan ini adalah buat pertama kalinya dalam jangka beberapa tahun yang lalu secara perbandingan namun begitu pihak Polis terus menjalankan tindakan-tindakan membenteras jenayah. Antara tindakan-tindakan yang akan terus dijalankan ialah:

- (1) Meningkatkan serbuan-serbuan mengejut di tempat-tempat yang disyaki sebagai sarang penjenayah.
- (2) Memperhebatkan lagi rondaan-rondaan di kawasan yang selalu berlakunya jenayah.

- (3) Pemeriksaan yang rapi di tempat-tempat seperti kelab-kelab malam, tempat-tempat perjudian dan rumah-rumah pelacuran.
- (4) Di tempat-tempat di mana perniagaan yang melibatkan wang tunai dan barang-barang berharga seperti bank dan kedai-kedai emas, pengawasan dan rondaan yang lebih rapi akan diadakan oleh Polis beruniform dan yang tidak beruniform. Mereka akan dibekalkan dengan senjata yang lengkap.

Di samping itu langkah-langkah jangka panjang yang berikut adalah juga sedang dilaksanakan:

- (1) Mengambil lebih ramai lagi anggota-anggota Polis baru iaitu seramai 11,000 orang setahun sehingga mencapai matlamat 120,000 orang.
- (2) Memperbesar dan memperkemas-kinkan lagi Jabatan Siasatan Jenayah khususnya Cawangan Anti Dadah kerana dadah adalah didapati merupakan salah satu punca berlakunya perbuatan-perbuatan jenayah.
- (3) Di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Seremban dan lain-lain, pihak Polis akan memperkenalkan rondaan motosikal "ala "Chips" ataupun KONMAS (Konstabel Masyarakat) lengkap dengan alat-alat hubungan radio di samping rondaan yang dilakukan oleh kereta peronda berjalan seperti biasa. Rondaan polis berjalan kaki juga diteruskan.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil ini kadar kejadian jenayah di negara kita akan dapat diturunkan.

MISI PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI—HASIL

12. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan bahawa banyak misi perdagangan telah dihantar ke luar negeri apakah hasil yang konkrit yang telah dicapai dalam bidang pelaburan dan sama ada Kementerian bercadang hendak menggalakkan pelaburan tempatan dan jika ya, sejauh manakah usaha ini telah mencapai kejayaan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hasil daripada sesuatu rombongan galakan pelaburan itu hanya akan diperolehi dalam jangkamasa yang panjang. Walau bagaimanapun, dalam jangkamasa 1978-1981 Kementerian saya melalui MIDA telah menganjurkan sejumlah 13 rombongan galakan pelaburan ke negara-negara pengeksporth modal. Hasil daripada rombongan galakan pelaburan tersebut adalah sangat menggalakkan. Jumlah kelulusan projek-projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing pada umumnya adalah semakin meningkat sebagaimana ditunjukkan di bawah:

| | 1978 | 1979 | 1980 | 1981 |
|--|-------|---------|-------|---------|
| Jumlah Projek-projek milik Pelaburan Asing dan Usahasama yang diluluskan | 232 | 276 | 260 | 306 |
| Jumlah Cadangan Modal Asing Dibayar (M\$ Juta) | 177.8 | 495.6 | 248.2 | 495.3 |
| Jumlah Cadangan Modal Dibayar (M\$ Juta) | 480.2 | 1,254.7 | 752.9 | 1,710.3 |

Pelaburan asing adalah perlu digalakkan kerana pelaburan tersebut membantu mengadakan peluang-peluang untuk para pelabur tempatan terutamanya di dalam projek-projek yang melibatkan teknologi yang dan untuk pasaran eksport. Bagi projek-

projek tersebut, penglibatan pelabur asing adalah penting oleh kerana para pelabur tempatan masih kekurangan pengetahuan dalam teknologi yang tinggi dan pengurusan pemasaran eksport.

Sukacita juga dimaklumkan, di setiap seminar pelaburan di luar negeri, Kerajaan sentiasa menekankan kepada dasarnya yang menggalakkan penyertaan pelabur asing secara usahasama dengan pelabur tempatan. Secara tidak langsung seminar pelaburan di luar negeri ini juga menolong meninggikan penglibatan pelaburan tempatan, terutamanya di dalam projek-projek yang melibatkan teknologi yang tinggi dan untuk pasaran eksport.

Di samping menggalakkan pelaburan asing, para pelabur tempatan juga digalakkan menanam modal mereka sama ada secara persendirian ataupun usahasama dengan rakan asing mereka. Di dalam usaha menggalakkan pelaburan tempatan ini, di masa-masa lepas, Kerajaan telah mengambil

tindakan yang khusus dengan mengadakan majlis-majlis dialog dengan para pelabur tempatan dan juga menganjurkan seminar-seminar galakan pelaburan di dalam negeri. Selain dari itu, Kerajaan juga ada menerbitkan risalah-risalah/buku-buku penerangan mengenai peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negara ini dan ianya diedarkan kepada bakal-bakal pelabur tempatan secara percuma.

Hasil daripada usaha menggalakkan pelaburan tempatan ini adalah sangat memuaskan di mana bilangan kelulusan projek-projek yang dipunyai sepenuhnya oleh pelabur tempatan dan projek usahasama adalah semakin meningkat sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini:

| | 1978 | 1979 | 1980 | 1981 |
|--|------|------|------|------|
| Jumlah Projek Diluluskan dimiliki sepenuhnya oleh Pelabur Tempatan | 196 | 208 | 200 | 308 |
| Jumlah Projek Usahasama di mana majoriti ekuiti dimiliki oleh Pelabur Tempatan | 54 | 176 | 159 | 187 |

Bagi tahun 1982 pula, Kerajaan akan mengadakan beberapa lagi seminar pelaburan tempatan bagi menggalakkan pelaburan tempatan dalam sektor perkilangan. Seminar-seminar tempatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Dialog dengan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia di Kuala Lumpur—Jun, 1982.
- (ii) Seminar mengenai Peluang Pelaburan Dalam Industri Sokongan (ancillary industries) dan Kejuruteraan Persis (precision instruments) di Kuala Lumpur—Oktober, 1982.

Selain dari mengadakan seminar-seminar pelaburan tempatan, para pelabur tempatan juga dijemput dan digalak untuk menganggotai rombongan galakan pelaburan Malaysia melawat keluar negeri. Dengan menyertai rombongan ini para pelabur tempatan tersebut akan berpeluang mengadakan hubungan secara langsung dengan bakal-bakal pelabur asing yang

menghadiri seminar-seminar pelaburan Malaysia di luar negeri dan membincangkan projek-projek usahasama yang dicadangkan dengan bakal-bakal rakan usahasama asing mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

(Masa bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

BIRO PENGADUAN AWAM—JUMLAH ADUAN

13. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak pengaduan awam yang telah diterima oleh Biro Pengaduan Awam daripada 1-1-1982 hingga sekarang dan berapa banyak pengaduan yang telah diselesaikan;

- (b) apakah langkah yang telah diambil setakat ini untuk memperkuat Biro Pengaduan Awam berhubung tenaga pekerja dan menjadikannya berkesan dalam mengendalikan pengaduan rakyat; dan
- (c) bilakah tarikh Biro Pengaduan Awam akan dipindahkan keluar dari kompleks pejabat Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat—

- (a) Jumlah aduan yang telah diterima oleh Biro Pengaduan Awam dari 1-1-82 hingga 28-2-82 ialah 1,472. Bilangan aduan yang dapat diselesaikan dalam tempoh masa ini ialah 123.
- (b) Pada awal tahun 1981, Biro telah memohon tambah tenaga pekerja dan seramai dua orang pegawai dan dua orang kakitangan telah diluluskan untuk Biro Pengaduan Awam mulai 1-3-82 (2 orang P.T.A., seorang kerani, seorang penghantar cepat).
- (c) Ruangan-ruangan untuk pejabat Biro Pengaduan Awam telah diperolehi di Bangunan Wahida, 38 Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Proses kerja-kerja ubahsuaian sedang dibuat dan akan dijangka siap dalam tempoh 3 bulan dari kerja ubahsuaian dimulakan. Biro ini akan berpindah ke tempat tersebut apabila kesemua kerja-kerja ubahsuaian sempurna disiapkan.

TANAH RUNTUH (SINK-HOLES)

14. Tuan P. Patto minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah bilangan "sink-holes" atau "cave-in" yang telah berlaku sejak Januari 1981 dalam negara kita dengan memberi sebab-sebab utama kejadian-kejadian tersebut boleh berlaku dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya kejadian-kejadian itu.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Suka saya jelaskan di sini bahawa "sink-holes" adalah merupakan suatu kejadian alam semulajadi di mana batu hampar sesuatu kawasan itu ialah batu kapur. Disebabkan proses hakisan dan larutan batu kapur oleh saluran air bawah tanah, rongga dan gua akan terjadi. Lama-kelamaan, apabila gua ini menjadi besar dan tidak dapat menanggung beban tanah yang berada di atasnya, tanah tersebut akan jatuh dengan mengakibatkan kejadian "sink-holes".

Di sepanjang tahun 1981, terdapat tiga kejadian "sink-holes" seperti berikut:

- (i) 27hb Mei, 1981—di Kuala Dipang, Perak.
- (ii) 9hb September, 1981—di Kampung Raja di kawasan Kuala Dipang, Perak.
- (iii) 3hb Disember, 1981—Kampung Baru Bukit Merah, Menglembu, Perak.

Kejadian "sink-holes" bukanlah merupakan satu kejadian yang luarbiasa di kawasan-kawasan yang terdapat batu hamparnya terdiri daripada batu kapur, dan ini telah dibuktikan oleh kejadian-kejadian "sink-holes" yang berlaku di Lembah Kinta di mana sebahagian besar daripada batu hamparnya ialah batu kapur. Seperti kebanyakan kejadian-kejadian alam semula jadi, adalah sukar untuk meramalkan bila dan di mana sesuatu kejadian "sink-holes" mungkin berlaku. Oleh yang demikian, langkah-langkah untuk mencegah berlakunya kejadian-kejadian tersebut tidaklah boleh dilaksanakan. Apa yang dapat dilakukan hanyalah selepas kejadian "sink-holes" di mana apabila didapati keadaan tanah menjadi stabil semula, lubang-lubang "sink-holes" akan ditimbus dan mereka yang terjejas akan dibenarkan kembali ke kawasan tersebut.

SUBSIDI KEPADA TANAMAN LADA HITAM

15. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan harga lada yang rendah sama ada Kerajaan akan memberi subsidi sama seperti yang diberi pada

skim padi di Sarawak untuk membantu penanam-penanam lada yang miskin.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Soal pemberian subsidi sama sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu kepada tanaman lada hitam. Sememangnya perkara ini di dalam kajian mendalam oleh Kementerian saya. Kajian mendalam ini hendaklah dipastikan terlebih dahulu bagi memastikan implikasi-implikasi dan kaedah-kaedahnya kepada penanam-penanam.

LAWATAN PERDANA MENTERI KOREA UTARA—HASIL RUNDINGAN

16. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan apakah kejayaan yang telah tercapai di dalam perundingan beliau dengan Y.A.B. Perdana Menteri Republik Rakyat Demokratik Korea di dalam lawatannya baharu-baharu ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Korea (Korea Utara) Encik Li Jong Ok yang telah melakukan lawatan ke Malaysia dari 11-15hb Februari, 1982 adalah bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran dengan Y.A.B. Perdana Menteri mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama dan mencari jalan bagi meningkatkan hubungan ekonomi duahala antara kedua-dua negara.

Semasa berbincang dengan Y.A.B. Perdana Menteri, Perdana Menteri Korea Utara itu telah menyentuh tentang keadaan dunia yang bertambah buruk akibat dari perlumbaan senjata dan persaingan kuasa-kuasa besar. Beliau menegaskan bahawa memang perlu bagi negara-negara kecil tidak melibatkan diri dalam pertelingkahan kuasa-kuasa besar. Untuk mencapai maksud tersebut adalah penting bagi negara-negara berkecuali memperkuat pergerakan tersebut, memelihara dan mempertahankan kemurnian pergerakan serta menyokong prinsip-prinsip asalnya. Tuan Li juga menghargai peranan Malaysia dalam

memperkuatkan perpaduan dan persefahaman Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Beliau juga menyokong usaha-usaha ASEAN bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Tenggara dan menyokong cadangan ZOPFAN kita.

Y.A.B. Perdana Menteri bersetuju bahawa negara-negara kecil tidak sepatutnya terlibat dalam persaingan kuasa-kuasa besar dan sepatutnya bekerjasama mewujudkan kedamaian dan keselamatan dunia.

Berhubung dengan hubungan duahala, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju mencari jalan meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang perdagangan dan ekonomi keuntungan bersama. Kerajaan Korea Utara bersetuju membeli lebih barangan kita seperti getah, bijih timah, minyak sawit dan kayu balak. Kerajaan negara itu akan menghantar satu delegasi ke Malaysia untuk mengkaji keperluan-keperluan minyak sawit untuk kegunaan industri dan makanan.

Dalam bidang ekonomi dan teknik, Kerajaan Korea Utara telah mengemukakan beberapa cadangan projek usahasama dalam perlombongan bijih timah dan emas dan projek eksplorasi/eksplotasi bersama sumber-sumber arang batu di Sabah dan Sarawak. Kerajaan negara tersebut mengatakan ianya mampu membekalkan jentera untuk maksud ini. Dalam bidang kerjasama tenaga, Kerajaan Korea Utara telah menawarkan bantuan teknik dalam membangunkan projek kuasa hidro. Dalam soal ini, Lembaga Letrik Negara telah bersetuju sebuah janakuasa turbine Korea Utara untuk maksud-maksud pengujian.

Kerajaan Korea Utara juga menawarkan untuk membantu kita dalam pembangunan pertanian dari segi memberikan bantuan teknik dan membekalkan alat kelengkapan Utara untuk maksud-maksud pengujian.

Kita telah mengambil ingatan tentang cadangan-cadangan Kerajaan Korea Utara dan memberitahunya bahawa kita perlu menimbang lagi cadangan-cadangan

tersebut khususnya berhubung dengan kerjasama dalam bidang tenaga dan pertanian.

Semasa lawatan itu, satu perjanjian perkhidmatan udara telah ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 15hb Februari, 1982. Perjanjian tersebut merupakan satu perjanjian yang asas, tanpa mempunyai rujukan kepada butir-butir operational.

Secara keseluruhannya, lawatan tersebut telah memberikan peluang kepada kedua-dua Perdana Menteri bertukar-tukar pandangan dan membaharui hubungan supaya dapat memperkuat lagi hubungan baik di antara kedua-dua buah negara. Memang dirasakan bahawa telah ada potensi dalam memperluaskan kerjasama duahala di antara kedua buah negara khususnya dalam perdagangan langsung dan projek-projek kuasa hidro.

KAWALAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

17. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bertujuan memperkenalkan kawalan-kawalan kewangan yang lebih berhasil dan berguna dalam sektor awam untuk mencegah pembaziran dan salah-tadbir wang-wang awam, dan juga menyatakan langkah-langkah yang telah diperkenalkan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Sistem kawalan dan pengurusan kewangan Kerajaan sekarang pada keseluruhannya adalah mencukupi dan memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperkemas dan memperbaikinya lagi dari masa kesemasa bila difikirkan perlu.

Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah melicinkan lagi sistem belanjawan negara supaya wang awam dapat diperuntukkan secara yang lebih bermakna dan berfaedah dengan tujuan mengelakkan sebarang pembaziran.

Di samping itu, Kerajaan telah juga melaksanakan sistem "Audit Dalam" di agensi-agensi utama bagi mempertingkatkan lagi mutu kawalan dalam agensi-agensi

tersebut. Sistem "Audit Dalam" ini akan diperluaskan kepada agensi-agensi lain dari masa kesemasa mengikut keperluannya masing-masing.

Akta Audit, 1957 telahpun dipinda bagi membolehkan Ketua Audit Negara meluaskan bidang auditannya bagi meliputi bukan sahaja bidang perakaunan semata-mata tetapi juga bidang ekonomi dan kecekapan perbelanjaan awam di agensi-agensi, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan.

Bagi melicinkan lagi pengurusan kewangan, tatacara dan garis panduan berhubung dengan pelbagai aspek tugas dan kerja kewangan akan dikeluarkan dari masa kesemasa. Setakat ini, Tatacara Pengurusan Stor telahpun dikeluarkan.

Kerajaan juga sedang mengambil langkah tertentu bagi menjamin supaya rekod-rekod kewangan disimpan dan dikemaskinikan agar kawalan yang lebih baik dan sempurna dapat dicapai. Satu daripada langkah jangka panjang yang dicadangkan untuk dilaksanakan ialah memperkenalkan sistem maklumat belanjawan dan perakaunan bersepadu dengan tujuan untuk melicinkan dan memperkemas sistem maklumat kewangan negara.

Akhirnya, Kerajaan juga sedang mengambil langkah-langkah yang positif untuk meningkatkan lagi latihan, khususnya dalam bidang perakaunan dan pengurusan kewangan awam, yang meliputi semua peringkat pegawai dan kakitangan Kerajaan.

PROGRAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

18. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan program-program yang telah diambil oleh Kementeriaannya bagi mempertimbangkan pembangunan fizikal penduduk Islam luar bandar dengan kemajuan kerohanian.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Sanusi bin Junid): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerusi Bahagian Kemajuan

Masyarakat (KEMAS) telah, sedang dan akan menyusun berbagai-bagai program pembangunan bagi meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Di samping memperhebatkan pembangunan kebendaan, Kerajaan juga tidak melupakan pembangunan kerohanian, kedua-duanya adalah sepadu dan bersatu. Pembangunan kebendaan akan sia-sia dan musnah tanpa pembangunan kerohanian. Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mempunyai unit ugamanya yang antara lain mempunyai objektif-objektif yang berikut:

- (1) Membentuk pembangunan kemanusiaan mengikut akidah Islam.
- (2) Memberi didikan dan bimbingan dalam pembangunan kerohanian.
- (3) Membantu usaha-usaha pembangunan dan rancangan Kerajaan berasaskan prinsip-prinsip Islam.

Hingga akhir tahun 1981, pihak KEMAS telahpun berjaya membuka sebanyak 4,485 buah kelas Kumpulan Ugama Islam dengan pesertanya seramai 87,270 orang. Angka-angka ini akan terus meningkat dari setahun ke setahun. Selain dari itu nilai-nilai keugamaan juga diserahkan di dalam hampir semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh (KEMAS) seperti kumpulan-kumpulan Ekonomi Rumah Tangga, Kelas-kelas Tabika, Rancangan Desa Usaha, Rancangan Rumah Sempurna yang terdapat di seluruh negara.

PENDAFTARAN PENGUNDI— KECICIRAN NAMA

19. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya yang menjalankan Pendaftaran Pengundi baharu-baharu ini didapati ramai nama pengundi di kawasan yang tertentu telah tercicir. Jika sedar apakah langkah Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjamin nama yang tercicir itu dapat dimasukkan semula supaya dapat mengundi pada pilihanraya akan datang.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Soal keciciran nama tidak harus menjadi issue kerana perkara ini jika berlaku boleh diatasi sekiranya tuntutan-tuntutan dibuat di dalam tempoh tuntutan dan bantuan semasa rang-rang daftar pemilih dipamerkan dari 1 Februari hingga 14 Februari 1982 yang lepas. Masalah keciciran nama tidak ada dilaporkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan Suruhanjaya tidak menerima aduan-aduan mengenai hal ini.

BIJIH TIMAH—PENGELUARAN

20. **Datuk Lee Boon Peng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada pengumuman yang dibuat oleh beliau baru-baru ini, bahawa Malaysia akan mengurangkan produksi bijih timahnya hingga lebih kurang 15,000 tan atau 25% daripada hasil keluaran tahunan negara kita, telah menjadikan harga-harga bijih timah itu stabil di pasaran dunia itu. Sementara itu, adakah cadangan ini akan diterima oleh persatuan negara-negara pengeluar termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand; apakah tindakan-tindakan lain sedang diambil oleh Kerajaan supaya menolong pengeluar-pengeluar bahan lain Malaysia seperti getah, lada dan kelapa sawit.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Pengumuman oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang berhubung dengan pengurangan pengeluaran bijih timah Malaysia sebanyak 25% mulai tahun 1983 adalah satu-satu langkah dalam pengurusan bekalan bijih timah sejajar dengan keadaan pasarannya supaya permintaan dan bekalan timah dapat diimbangkan dan harganya menasabah. Buat masa ini Kementerian sedang mengkaji cara-cara bagi melaksanakan pengurangan pengeluaran itu dengan sebaik-baiknya.

Berkenaan dengan cadangan Malaysia untuk menubuhkan satu Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah, saya telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini semalam semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

Di dalam usaha-usahanya untuk menstabilkan pasaran timah, Majlis Timah Antarabangsa telah pun bermesyuarat pada awal minggu ini bagi menimbangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertahankan harga lantai sama ada melalui Setok Penimbal dan/atau kawalan eksport. Memandangkan akan keadaan yang mendesak, Majlis tersebut telah memutuskan untuk memanggil kesemua baki sumbangan bagi membolehkan Pengurus Setok Penimbal meningkatkan kegiatannya di dalam pasaran timah.

Mengenai getah pula, sebagai langkah untuk mengurangkan bekalan yang berlebihan dalam pasaran, pihak Pertubuhan Antarabangsa Getah Asli atau INRO telahpun memulakan pembelian di beberapa pasaran supaya harga bahan ini dapat dipertahankan. Untuk tujuan ini, INRO telah membuat panggilan pertama dan kedua untuk mendapatkan peruntukan wang sebanyak 288 juta ringgit dari negara-negara pengeluar dan pengguna yang membolehkan Pengurus Setok Penimbal membeli sebanyak lebih kurang 150,000 tan. Dalam mesyuarat Majlis Getah Asli Antarabangsa yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada minggu lalu, panggilan ketiga bagi peruntukan wang sebanyak 200 juta ringgit akan dibuat untuk melengkapkan Pengurus Setok Penimbal dengan sumber kewangan yang lebih. Selain dari itu MARDEC dan RISDA akan terus mempergiatkan pembelian getah dari pekebun-pekebun kecil untuk menjamin pekebun-pekebun kecil tidak menghadapi masalah menjual getah mereka pada masa ini, ketika keadaan pasaran adalah masih lembab.

Mengenai kelapa sawit pula, masalah bekalan yang berlebihan tidak timbul pada masa ini. Sebaliknya, kekurangan dalam bekalan minyak sawit mentah bagi kegunaan dalam negeri ini telah menyebabkan harga berada di paras yang lumayan kepada pengeluar-pengeluar bahan ini.

Bagi lada, Pertubuhan Lada Antarabangsa telah memulakan peraturan untuk mencapai harga eksport minima bagi lada hitam yang terhad kepada gred Asta setakat ini. Di samping itu, Jumaah Pemasaran Lada Hitam

sedang memberi pertimbangan ke atas skim untuk membeli lada hitam terus dari pengeluar-pengeluar lada hitam sebagai satu usaha untuk menstabilkan harga lada hitam.

STOK PENIMBAL HARGA GETAH

21. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah Kerajaan melaksanakan Stok Penimbal Harga Getah bagi menstabilkan harga getah dalam negara ini. Dan tidakkah pihak Kerajaan bercadang memberi subsidi harga getah kepada para pekebun kecil akibat dari penurunan harga getah sekarang ini mengalami kesan buruk.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Malaysia akan terus menggunakan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa untuk menstabilkan harga getah melalui operasi stok penimbal di mana segala perbelanjaan yang besar berhubung dengan pembiayaan skim stok penimbal getah dapatlah ditanggung bersama oleh negara-negara pengeluar dan pengguna getah asli. Dengan perjalanan operasi stok penimbal, kemerosotan harga getah telah ditahankan walaupun keadaan pasaran getah dunia masih lembab.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada pekebun-pekebun kecil getah dalam usaha mengurangkan kesulitan dan bebanan mereka dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Menambah kadar bantuan tanam semula.
- (b) Memberi pinjaman sara hidup tanpa faedah kepada pekebun kecil yang menanam semula.
- (c) Memberi subsidi input-input pertanian seperti baja dan benih untuk tanaman kontan melalui RISDA.
- (d) Mengulangkaji struktur cukai eksport dari masa ke semasa berdasarkan kos pengeluaran dan pengiraan berbeza di antara gred-gred yang tinggi dan rendah.

Di samping langkah-langkah di atas, Kerajaan juga melalui peruntukan-peruntukan khas yang dikeluarkan telah mengarahkan agensi-agensi pusat seperti RISDA dan MARDEC supaya meningkatkan pembelian getah mereka secara terus daripada pekebun-pekebun kecil untuk menyediakan ruang pasaran serta memberi harga yang berpatutan kepada mereka dalam menghadapi keadaan pasaran sekarang.

RUMAH BAGI GOLONGAN BERPENDAPATAN SEDERHANA— PEMBINAAN

22. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar rancangan-rancangan telah disediakan oleh Kementerianya untuk membina rumah-rumah bagi rakyat yang berpendapatan sederhana (middle-income group); jika ya, berapa banyakkah unit rumah itu akan dibina di negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan di bandar-bandar manakah di negeri Pulau Pinang rumah-rumah itu akan dibina.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa ini belum menyediakan rancangan-rancangan untuk membina rumah-rumah bagi rakyat yang berpendapatan sederhana. Pada masa ini Kementerian saya menumpukan usaha-usaha kepada pembinaan rumah awam kos rendah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Walaupun demikian Kementerian saya memang sedar kesulitan rakyat yang berpendapatan sederhana bagi memiliki rumah mereka sendiri dan Kementerian saya juga sedar bahawa sebahagian besar rakyat yang ingin memiliki rumah adalah terdiri dari golongan yang berpendapatan sederhana. Oleh yang demikian, Kementerian saya sedang mengkaji masalah ini dan pada peringkat sekarang Kementerian saya menggalakkan serta meminta kerjasama

pemaju-pemaju swasta bagi membina rumah kos sederhana untuk golongan yang tersebut.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini rancangan untuk membina rumah kos sederhana adalah disediakan dan dijalankan oleh hampir semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri termasuklah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (P.D.C.).

SUBSIDI BAJA PADI

23. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah subsidi baja, subsidi harga padi kepada petani-petani dan juga berapakah jumlah subsidi serta bantuan-bantuan yang diberikan kepada nelayan-nelayan bagi tahun 1976 sehingga 1981 bagi seluruh negara.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Rancangan Skim Subsidi Baja Padi telah dijalankan sebanyak 2 kali. Kali pertama telah dijalankan dalam tahun 1974/75 dan yang kedua dalam tahun 1979/81.

Jumlah baja yang telah diedarkan kepada petani-petani di seluruh negara bagi rancangan pertama (1974/75) ialah sebanyak 498,148 metric tan dan bernilai sebanyak \$23,713,133. Bagi tahun 1979 hingga tahun 1981, jumlah baja yang dikeluarkan di bawah skim tersebut ialah sebanyak 392,692.69 metric tan dan nilainya sebanyak \$240,146,181.07.

Skim subsidi harga padi pula telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada 10hb Januari, 1980. Skim ini adalah dalam bentuk pemberian kupon atas nilai \$2.00 bagi tiap-tiap sepikul berat bersih padi yang dijual oleh pesawah-pesawah dan mulai 16hb Julai, 1980 nilai subsidi ini telah dinaikkan kepada \$10.00 bagi tiap-tiap sepikul berat bersih padi.

Sejak skim ini mula dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sehingga akhir tahun 1981 sebanyak 1,342,809 kupon bernilai

\$222,288,946.75 telah dikeluarkan pada pesawah-pesawah.

| Tahun | Bil. Kupon | Nilai Kupon |
|-------|------------|------------------|
| 1980 | 1,070,485 | \$ 44,977,197.06 |
| 1981 | 1,272,324 | \$177,291,749.69 |

Bagi Negeri Sabah pula skim ini hanya mula dilaksanakan pada 15hb November, 1981. Sehingga tahun 1981 sebanyak 4,701 kupon bernilai \$316,309.20 telah dikeluarkan kepada pesawah-pesawah.

Bagi Negeri Sarawak pula skim ini hanya mula dilaksanakan pada awal tahun 1982.

Sementara jumlah subsidi yang diberikan kepada nelayan-nelayan seluruh negara tidak termasuk Sabah sejak tahun 1976 hingga 1981 adalah seperti berikut:

| Tahun | Semenanjung Nilai Subsidi (\$) | Sarawak Perbelanjaan (\$) |
|---------|---|---------------------------------|
| 1976 .. | 979,626.77 | 43,715 |
| 1977 .. | 11,525,888.15 | 373,060 |
| 1978 .. | 6,535,292.30 | 555,050 |
| 1979 .. | 10,276,925.21 | 3,536,696 |
| 1980 .. | 6,100,868.25 | 3,261,558 |
| 1981 .. | 14,810,156.76 | |
| JUMLAH | <u>50,228,757.44</u> | <u>7,770.079</u> |

PEGAWAI KERAJAAN BERGIAT POLITIK

24. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan yang dibenarkan bergiat dalam politik dengan memberikan nama partai-partai yang dianggotai mereka; dan sama ada beliau sedar ramai kakitangan Kerajaan seperti pegawai-pegawai, guru-guru dan sebagainya bergiat dengan cergas serta memegang jawatan dalam politik partai-partai UMNO, MCA, MIC tanpa memperoleh kebenaran dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka ini.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan pada masa ini tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai jumlah

pegawai-pegawai kerajaan yang telah diberi kebenaran bergiat dalam politik. Pegawai-pegawai dalam kumpulan 'B' boleh bergiat dalam politik setelah mendapat kebenaran daripada Kerajaan. Pegawai-pegawai yang berkenaan adalah terdiri daripada mereka yang berada di dalam berbagai jenis perkhidmatan, Kementerian, Jabatan, Agensi, termasuk di negeri-negeri. Oleh hal yang demikian, perangkaan yang lengkap mengenai perkara ini adalah sukar diperolehi oleh kerana ianya berubah daripada masa ke semasa. Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan 'A' tidak dibenarkan langsung mengambil bahagian di dalam politik, sebagaimana yang terkandung di dalam Perintah Am 19 Bab 'D' 1980.

UNIVERSITI TEMPATAN— PENGAMBILAN PELAJAR

25. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran memandangkan terdapat tempat yang terhad di universiti dan kolej-kolej tempatan dan seberang laut untuk pelajar-pelajar Malaysia serta peningkatan kos pelajaran di universiti-universiti dan kolej-kolej di seberang laut, apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementeriaannya selain dari menambahkan sebanyak 2% pengambilan pelajar-pelajar bukan Melayu ke dalam universiti-universiti tempatan untuk menyelamatkan masa depan pelajar-pelajar kita dari "damnation".

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Selain dari langkah-langkah yang sedang diambil, Kerajaan juga sedang mengambil tindakan menambahkan kemudahan-kemudahan universiti-universiti yang ada sekarang di dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan menubuhkan kampus-kampus, kampus-kampus cawangan serta fakulti-fakulti baru. Bilangan kemasukan pelajar-pelajar sekarang ialah kira-kira 6,000 orang setahun dan ini akan dapat dipertingkatkan sehingga 10,000 setahun apabila rancangan-rancangan ini

dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dapat disempurnakan.

LEMBAGA LETRIK NEGARA— KEMAJUAN PROJEK

26. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah usaha-usaha yang hendak dijalankan supaya Lembaga Letrik Negara dapat melaksanakan projek di bawah tanggungjawabnya lebih cepat, lebih jimat dan lebih sempurna.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Letrik Negara telah berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan lebih cepat, jimat dan sempurna.

Ini dapat dilihat dari segi penyeliaan kemajuan projek-projek yang berkenaan, di mana beberapa 'alat pengurusan' telah dijalankan seperti 'Barcharts', untuk mengesan projek-projek yang tidak begitu "complex", dan "Critical Path Analysis" bagi projek-projek yang besar dan rumit seperti pembinaan stesyen-stesyen janaelektrik. Di samping itu juga, mesyuarat-mesyuarat kemajuan diadakan setiap bulan dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat, untuk memastikan masalah-masalah yang rumit dapat diberikan perhatian yang segera. Jurutera-jurutera dan juruteknik-juruteknik Lembaga Letrik Negara pula sentiasa meneliti semua projek yang berkenaan untuk menentukan bahawa projek-projek tersebut siap mengikut penentuan tertentu Lembaga Letrik Negara.

Untuk memastikan bahawa pelaksanaan projek-projek tersebut lebih ekonomikal, rekabentuknya adalah berdasarkan kepada "least cost solutions" dengan tidak mengenyahkan kualitinya. Ini dilakukan dengan memastikan bahawa rekabentuk tersebut adalah berdasarkan kepada rekabentuk piawai antarabangsa. Kontrek-kontrek yang berkenaan diberi mengikut dasar tender terbuka supaya lebih banyak

tawaran-tawaran diterima. Dengan ini juga kos projek berkenaan dapat ditetapkan di peringkat yang minima dan dengan menetapkan piawaiannya, maka kualitinya tidak akan terganggu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, izin lalu bagi talian-talian penghantaran dan tapak-tapak untuk pencawang serta projek-projek utama yang lain lazimnya ditentukan lebih awal lagi iaitu sebelum kontrak-kontrak yang berkenaan ditawarkan.

KEMELESETAN EKONOMI/INFLASI

27. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah hasil dan kemajuan telah dicapai dari strategi Belanjawan Tahun 1982 dalam usaha memerangi kemelesetan ekonomi dan inflasi serta memerangsangkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara kita, bagaimanakah Malaysia akan berikhtiar untuk menghadapi kemungkinan ketibaan keadaan ekonomi dunia yang lebih meleset supaya negara kita dapat dibebaskan daripada dipengaruhi pukulan ekonomi dunia ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, ekonomi Malaysia adalah sebuah ekonomi terbuka, oleh itu tidak dapat mengelakkan dari kesan-kesan yang buruk akibat dari kemelesetan ekonomi dunia sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berusaha untuk mengatasi kesan-kesan ini ke atas ekonomi dalam negeri. Sepertimana yang telah dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan, Strategi Belanjawan 1982 bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dengan mempergiatkan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri kerana kita menjangka sektor eksport akan menjadi lemah disebabkan kurangan permintaan dari negara-negara perindustrian dan oleh itu tidak dapat memberi dorongan yang kuat kepada pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah jangka panjang dan pendek sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan tahun ini termasuklah penghapusan atau pengurangan

cukai-cukai, meluaskan pemberian subsidi-subsidi dan lain-lain insentif bertujuan untuk:

- (i) mengekalkan pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan kegiatan sektor dalam negeri;
- (ii) mengurangkan inflasi melalui penambahan penawaran barangan keperluan asas dan penting; dan
- (iii) membaiki kedudukan imbalan pembayaran jangka panjang.

Oleh kerana langkah-langkah belanjawan tahun 1982 sekarang ini sedang dilaksanakan maka adalah terlalu awal untuk dinilai kesannya ke atas pertumbuhan Keluaran Negara Kasar, harga pengguna dan imbalan pembayaran. Walau bagaimanapun anggaran permulaan menunjukkan bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar dijangka akan menjadi rendah sedikit daripada kadar 6.8% yang dianggarkan dalam Belanjawan 1982. Ini adalah disebabkan kemelesetan ekonomi negara-negara perindustrian yang dijangka akan berterusan lebih panjang daripada yang dijangkakan semasa anggaran Belanjawan tahun 1982. Inflasi dijangka akan berada pada kadar 8.0%, iaitu lebih rendah daripada 9.6% dalam tahun 1981 berikutan dari kejatuhan kadar inflasi di negara-negara perindustrian.

Kerajaan sentiasa mengawal perkembangan ekonomi negara kita dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berada di peringkat yang tinggi supaya kesejahteraan penduduk Malaysia tidak akan terjejas.

OPERASI BERKAS DAN OPERASI KEMAS—KEJAYAAN

28. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah Kerajaan berjaya dalam Operasi Berkas dan Operasi Kemas yang dilancarkan baru-baru ini dengan menyatakan:

- (a) jumlah penagih dadah laki-laki dan wanita yang telah ditangkap dan berapa pula yang telah dihantar ke Pusat Pemulihan; dan

- (b) jumlah pengedar dadah telah ditangkap dalam tahun 1981 dan apakah hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Dari tarikh pelancaran Operasi Berkas pada 28hb Disember 1981 hingga 28hb Februari 1982 seramai 6,916 orang yang terdiri dari 6,643 lelaki dan 273 perempuan telah diberkas di seluruh negara. Bilangan yang telah dihantar ke pusat-pusat pemulihan ialah seramai 502 orang.
- (b) Dalam tahun 1981, 134 orang telah ditangkap kerana mengedar dadah. Dari jumlah ini 5 orang telah dijatuhi hukuman penjara seumur hidup. Yang lain masih menunggu pembicaraan.

Daripada pandangan Polis "Operasi Berkas" merupakan satu tindakan yang berjaya kerana ia dapat menurunkan tahap jenayah melibatkan harta benda sebanyak 6%. Dengan tindakan ini penagih-penagih dapat dikesan dan diberi rawatan, walaupun pada ketika ini ramai lagi yang tidak dapat dikesan dan seterusnya diberi rawatan.

FELDA MENJADI AGEN PERUBAHAN

29. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar bahawa FELDA adalah menjadi agens perubahan, menukar corak muka bumi dengan membuka tanah hutan lebih dari 1.23 juta ekar, dan tidak banyak yang dilakukan untuk menukar sikap peneroka sendiri, kerana masih banyak peneroka yang tidak mahu mengerjakan tanah kepunyaan mereka sendiri.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Sehingga sekarang ini FELDA telah dapat membuka seluas lebih kurang 564,622.4 hektar tanah yang dimajukan dengan berbagai jenis tanaman termasuk kelapa sawit, getah, koko, tebu dan kopi. Bilangan peneroka yang telah ditempatkan ialah seramai 71,033 keluarga.

Memang benar FELDA menjadi agen perubahan kerana FELDA juga menitik

beratkan aspek-aspek pembangunan masyarakat peneroka supaya sikap serta sistem nilai mereka sejajar dengan keperluan pembangunan. Sejak dari awal lagi, selaras dan selari dengan pembangunan ekonomi, FELDA telah merancang dan melaksanakan beberapa kegiatan dan projek pembangunan peneroka.

Setiap peneroka FELDA dikehendaki menandatangani surat perjanjian ketika mereka mula masuk ke rancangan FELDA. Surat perjanjian ini ada menggariskan setiap peneroka perlu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan membaja, menanam semula atau kerja-kerja lain yang berkaitan supaya keadaan ladang sentiasa baik dan terkawal. Peraturan-peraturan dan sistem kerja juga diadakan bagi memastikan peneroka-peneroka mematuhi syarat-syarat tersebut. Ini bermakna jika ada peneroka-peneroka yang tidak mengerjakan ladang seperti yang diarahkan maka boleh dikenakan denda dan jika ada kes-kes peneroka-peneroka yang tidak mematuhi sistem dan peraturan penempatan tindakan tatatertib akan diambil sehingga kepada penyingkiran dari rancangan. Peraturan-peraturan sedemikian telah dirancang dan dipersetujui oleh pentadbiran FELDA dan peneroka.

Memang didapati ada peneroka-peneroka yang tidak mengerjakan ladang-ladang mereka tetapi bilangannya adalah kecil dan mereka ini terdiri dari peneroka-peneroka yang telah uzur, tua dan terlibat dalam bidang perniagaan. Walau bagaimanapun, mereka diminta memastikan bahawa ladang-ladang mereka dijaga dengan baik dan bersih sama ada dikerjakan oleh ahli-ahli keluarga sendiri atau diupah kepada orang lain.

Jadi adalah tidak benar yang ramai peneroka-peneroka FELDA tidak mahu bekerja di ladang kepunyaan mereka sendiri.

DEFISIT IMBANGAN PERDAGANGAN

30. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar defisit imbalan perdagangan kita adalah sebanyak \$2.18 billion untuk tahun lalu dan ini adalah

bertentangan dengan ramalan yang dibuat olehnya dalam ucapan belanjawan sebelum itu di mana beliau meramalkan defisit imbalan perdagangan adalah dijangka lebih \$100 juta sahaja; sila beri sebab-sebab mengapa berlaku defisit ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan tersebut.

Dato Mak Hon Kam: Jumlah kurangan imbalan perdagangan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar sama sekali. Kurangan imbalan perdagangan yang disebut oleh Y.B.M. Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan bagi tahun 1982 itu adalah untuk seluruh Malaysia dan berdasarkan maklumat yang ada pada masa itu. Tetapi sekarang ini mengikut perangkaan yang baru diterima jumlah kurangan imbalan perdagangan telah meningkat sedikit kepada \$399.4 juta bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 1981. Jumlah kurangan bagi keseluruhan tahun 1981 belum lagi diketahui kerana maklumatnya belum ada lagi.

Kurangan dalam imbalan perdagangan ini adalah kerana ekonomi di negara-negara perindustrian, yang mana merupakan pasaran utama eksport barangan utama kita, telah mengalami rosotan yang lebih lama dan lebih buruk daripada yang dijangkakan. Kemelesetan ekonomi yang berlarutan ini adalah disebabkan oleh penggunaan dasar-dasar fiskal dan kewangan yang ketat, terutamanya di Amerika Syarikat, yang mana telah mempengaruhi permintaan dan pengeluaran dunia. Oleh sebab itu, permintaan ke atas eksport barangan kita, baik bahan mentah atau barang perkilangan, terus merosot dalam tahun 1981.

Oleh yang demikian, jumlah eksport telah merosot sebanyak 9.9% kepada \$21,446 juta dalam 10 bulan pertama 1981, sedangkan dalam jangkamasa yang sama, jumlah import meningkat sebanyak 13.4% kepada \$21,845 juta bagi memenuhi keperluan penggunaan dan pelaburan dalam negeri dibandingkan dengan kenaikan sebanyak 40.2% dalam tahun 1980. Harga barangan kita juga turut merosot di pasaran antarabangsa.

Oleh kerana Malaysia mempunyai ekonomi yang terbuka maka segala perubahan yang berlaku di luar negeri akan memberi kesan ke atas perdagangan dan pertumbuhan ekonomi negara. Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam Ucapan Belanjawan, satu dari matlamat Belanjawan ialah untuk mengambil tindakan untuk menguatkan imbalan pembayaran termasuk imbalan perdagangan kita. Langkah-langkah termasuk pembiayaan semula eksport untuk membantu perkembangan industri eksport, skim galakan perkapalan iaitu pengecualian cukai pendapatan diberi pada syarikat perkapalan untuk tempoh 24 tahun dan pengurangan cukai atas keuntungan yang diperolehi oleh syarikat insuran, yang diumumkan dalam Belanjawan 1982, bertujuan untuk memperbaiki imbalan perdagangan dalam jangkamasa panjang.

Selain daripada itu berat muatan kapal-kapal MISC yang ada sekarang akan dipertambahkan lagi supaya kita dapat mengangkut barang-barang eksport sendiri dengan tiada payah menyewa kapal-kapal asing. Satu perkhidmatan perkapalan yang kedua juga akan ditubuhkan pada masa akan datang. Untuk makluman Dewan ini, satu Jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk mengkaji bagaimana kita dapat mengurangkan bayaran "invisible" atau perkhidmatan kepada luar negeri dan Jawatankuasa ini akan membuat syor-syor kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.

TAHANAN I.S.A. DIJADIKAN ANAK ANGKAT

31. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah sepatutnya rasional cadangan orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu dijadikan anak angkat Negara-negara lain. Adakah Yang Berhormat bersetuju seseorang warganegara itu ada mempunyai hak dan kebebasan untuk menyebarkan pandangan-pandangan politik tanpa dikenakan pembuangan dengan cara tidak langsung ke negara lain dalam bentuk menjadi anak angkat negeri-negeri itu.

Dato' Musa Hitam: Undang-undang ISA atau Akta Keselamatan Dalam Negeri bukanlah satu undang-undang yang diwujudkan untuk menekan rakyat. Ianya telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen mengikut sistem demokrasi berparlimen semata-mata bagi menjamin keselamatan di negara ini.

Saya suka menegaskan di sini, bahawa hak asasi seperti kebebasan bersuara dan agama adalah terjamin oleh Perlembagaan kita kepada setiap rakyat di negara ini. Ini dapat dibuktikan dengan adanya berbagai parti politik yang bergerak di negara ini. Walau bagaimanapun, semenjak negara kita belum merdeka lagi hinggalah ke masa ini, anasir-anasir anti Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang begitu aktif mengancam kebebasan yang telah diperjuangkan oleh negarawan-negarawan kita, sama ada pasukan-pasukan keselamatan atau penganjur-penganjur nasional di segala lapisan khususnya ancaman-ancaman ini datangnya dari pihak Komunis dan pelampau perkauman dan agama.

Kerajaan tidak bertolak ansur kepada pihak-pihak berkenaan ini oleh sebab kita lebih berpengalaman pahit maung yang disebabkan oleh anasir-anasir itu. Akta ISA telah digubal berasas kepada pengalaman pahit kita yang unik dan tersendiri.

Kritik-kritik yang telah dilemparkan kepada Kerajaan dalam melaksanakan undang-undang ISA ini ialah berasas kepada tohmah di mana kononnya pentadbiran Kerajaan kita tidak menepati konsep apa yang mereka anggap sebagai kebebasan hak asasi dan keadilan. Konsep hak asasi dan keadilan amat senang diputar belitkan di segi tafsiran dan penerimaan atau persepsinya lebih-lebih lagi dipandang dari segi kacamata yang berlainan bergantung kepada dari sistem politik mana datangnya seseorang yang memberi pendapat itu.

Seseorang yang memegang kewarganegaraan sesebuah negara harus menerima hakikat bahawa hak asasi mereka sebagai rakyat harus diiringi dengan tanggung jawab dan taat setia kepada peraturan dan perundangan yang ada di negara tersebut.

Berasas kepada penerimaan inilah maka sekiranya orang-orang tahanan di bawah Akta ini tidak menerima, dan nyata berkeras menolaknya maka lojiklah bagi mereka berhijrah ke mana-mana negara yang menepati konsep kebebasan mereka sendiri.

Kenyataan Kerajaan mengenai tawaran kepada badan-badan atau individu untuk menganak angkatkan orang-orang tahanan di bawah ISA ini bukanlah berhasrat untuk membuang mereka dari negara ini seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Penghijrahan orang-orang yang ditawarkan ini adalah bergantung kepada permintaan atau persetujuan bersama di antara kedua pihak iaitu pihak penganjur dan orang-orang tahanan yang berkenaan.

KOREAN ENGINEERING SERVICES COMPANIES—PENUBUHAN

32. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa oleh kerana dasar Kerajaan sekarang ini memandangkan ke Timur khususnya ke Jepun dan Korea Selatan, sama ada Engineering Services Companies di Korea Selatan itu dapat dicontohi dan ditubuhkan di Malaysia untuk pelaksanaan projek pembangunan negara yang berkehendakkan "institutional support for the promotion of science and teknologi" di mana kita tidak perlu sangat bergantung kepada "foreign teknologi". Jika tidak mengapa.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan akan melaksanakan kompleks-kompleks kejuruteraan berat dan separuh berat dengan tujuan mengeluarkan bahan-bahan yang diperlukan bagi pembangunan industri-industri di negara ini. Kedua-dua sektor iaitu sektor swasta dan sektor awam (terutamanya Perbadanan Industri Berat) sedang di dalam proses melaksanakan kompleks-kompleks tersebut.

Perkara kita meniru ataupun mencontohi Korea Selatan ataupun Jepun sepatutnya tidaklah dipersoalkan, oleh kerana perkara yang lebih penting ialah hakikat bahawa

kompleks-kompleks yang dimaksudkan di atas adalah sangat penting dan merupakan elemen yang perlu ada bagi pembangunan industri-industri. Dalam usaha membangunkan teknologi untuk kompleks-kompleks yang berkenaan, adalah menjadi dasar kita untuk menggunakan teknologi-teknologi yang terbaharu dan termoden yang berkemungkinan boleh didapati pada peringkat permulaannya dan jangka pendek daripada Timur, tetapi untuk masa jangka panjang, kita akan bergerak ke satu taraf dan kedudukan yang tersendiri, bebas dan berdikari di dalam aspek pembangunan kejuruteraan.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI SABAH

33. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan kenapa peruntukan bagi negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Keempat telah dikurangkan sebanyak \$953 juta berbanding dengan peruntukan yang dibuat di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, dan adakah Kerajaan akan menimbang memperuntukkan lebih banyak wang bagi pembangunan dalam negeri Sabah.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$2,798.84 juta. Peruntukan ini termasuklah \$1,464.54 juta peruntukan Kerajaan Persekutuan, \$569.35 juta peruntukan Badan-badan Berkanun serta \$764.95 juta peruntukan Kerajaan Negeri Sabah sendiri. Dalam Rancangan Malaysia Keempat pula Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$3,172.35 juta iaitu \$1,845.63 juta peruntukan Kerajaan Persekutuan, \$96.72 juta peruntukan Badan-badan Berkanun dan \$1,230.00 juta peruntukan Kerajaan Negeri Sabah sendiri. Oleh itu jelas bahawa peruntukan RME Negeri Sabah tidaklah dikurangkan tetapi sebaliknya telah bertambah sebanyak \$373.51 juta.

PROJEK PEMBANGUNAN BUKIT BENDERA/JELUTONG

34. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan jumlah amaun wang yang diperuntukkan di bawah Rancangan untuk projek-projek pembangunan dalam kawasan Parlimen Bukit Bendera dan Jelutong.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jumlah yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat bagi projek-projek pembangunan di kawasan Parlimen Bukit Bendera dan Jelutong adalah masing-masing \$35,849,660 dan \$24,100,042.

Sebanyak 18 buah projek pembangunan telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat bagi kawasan Parlimen Bukit Bendera.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 10 buah projek pembangunan telah dilaksanakan bagi kawasan Parlimen Jelutong.

KOPERASI SHAMELIN—BANTUAN KEWANGAN

35. Tuan Haji Ibrahim bin Mohamad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar Kerajaan tidak memberi pinjaman dan bantuan kewangan kepada Koperasi Shamelin, sekiranya benar, apakah tindakan Kerajaan ini terpesong dari kehendak nasional yang membantu Koperasi Bumiputera.

Datuk Sanusi bin Junid: Kerajaan ada memberi bantuan pinjaman kepada Koperasi Shamelin dan dengan itu Kerajaan tidak lari dan terpesong dari kehendak nasional dalam segi membantu Koperasi Bumiputera.

PENGISYTIHARAN HARTA PEGAWAI KERAJAAN

36. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri memberi sebab-sebab mengapa Timbalan Perdana Menteri terpaksa menunggu sehingga 12hb Februari, 1982 untuk mengeluarkan kenyataan akhbar yang

menyatakan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah salah tafsirkan arahan Perdana Menteri mengenai pengisytiharan hartabenda oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan telah memutuskan untuk membuat pengumuman pada 12hb Februari, 1982 itu setelah ia mengkaji kemajuan yang telah dicapai dalam tindakan mengarahkan pegawai-pegawai Kerajaan tertentu membuat pengisytiharan harta-harta mereka. Oleh sebab kajian itu telah menunjukkan kepada Kerajaan bahawa ada pegawai-pegawai dan kakitangannya selain daripada yang diarahkan yang terlibat dengan pengisytiharan harta dan pengisian borang-borang yang telah disediakan, yang menghadapi banyak kesulitan bagi mengisi borang-borang itu, maka pengumuman seperti Yang Berhormat telah tahu telah dibuat oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 12hb Februari, 1982, mengecualikan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan tertentu daripada mengisi borang-borang tersebut seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan.

PENGELUARAN ASAP KENDERAAN BERMOTOR

37. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan rancangan mengurangkan pengeluaran asap dari kenderaan seperti lori, motokar dan motosikal dan apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang tidak mematuhi peraturan ini.

Dato' Lee San Choon: Kerajaan akan meneruskan rancangan mengurangkan pengeluaran asap yang berlebihan dari kenderaan-kenderaan bermotor. Kaedah-kaedah kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 membolehkan Pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan, Polis dan mana-mana Pegawai yang dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk menjalankan ujian pelepasan asap dengan menggunakan "smoke meter" ke atas semua jenis kenderaan yang dikuasai oleh

injin disel, termasuk kenderaan-kenderaan perdagangan seperti lori, bas dan teksi. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan, ketika ini, mengambil tindakan menggunakan "smoke meter" tersebut untuk pemeriksaan permulaan dan biasa bagi kenderaan-kenderaan perdagangan sebelum ianya dibenar dilesenkan. Pemeriksaan mengejut di atas jalanraya dengan menggunakan "smoke meter" juga dijalankan dari masa kesemasa. Sehubungan dengan ini, Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan, juga ada menjalankan ujian-ujian pelepasan asap terhadap kenderaan-kenderaan secara mengejut di atas jalan-jalanraya. Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 membolehkan pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan, iaitu pengeluaran asap melebihi 50 Hartridge Smoke Unit. Jika dibuktikan, pihak Mahkamah boleh mengenakan denda tiada melebihi lima ratus ringgit (\$500.00) atau penjara tiada melebihi dua (2) minggu bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan-kesalahan berikutnya boleh dikenakan denda tiada melebihi satu ribu ringgit (\$1,000.00) atau penjara tiada melebihi satu (1) bulan.

PERTUBUHAN POLITIK

38. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah pertubuhan dalam negara ini sehingga akhir Januari 1982 yang telah dan dikelaskan sebagai Pertubuhan politik dan daripada jumlah ini berapakah yang memohon mendaftar sebagai pertubuhan politik dan berapa banyak yang telah dikelaskan sebagai pertubuhan politik oleh Pendaftar Pertubuhan sendiri. Berapa banyak badan yang membantah Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981.

Dato' Musa Hitam: Sehingga akhir bulan Januari 1982 terdapat sebanyak 652 buah pertubuhan yang telah dikelaskan sebagai pertubuhan politik. Pertubuhan-pertubuhan yang memohon untuk didaftarkan sebagai pertubuhan politik pula adalah sebanyak 620

buah. Hanya sebanyak 32 buah pertubuhan sahaja yang telah diperkenalkan oleh Pendaftar Pertubuhan sebagai pertubuhan politik.

Ada terdapat kira-kira 111 buah badan yang membantah Pindaan Akta Pertubuhan tersebut yang diterima oleh Kementerian ini.

JUMAAT SEBAGAI CUTI MINGGUAN

39. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menseragamkan cuti minggu pada hari Jumaat, jika ya, bila dan jika tidak mengapa?

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan sememangnya bercadang hendak menseragamkan cuti mingguan bagi seluruh negara tetapi sebelum tindakan itu diambil adalah perlu dibuat kajian yang teliti dari segi kepentingan perdagangan negara dan juga dari segi pandangan-pandangan yang diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat. Sukalah saya sebutkan di sini bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berhak menentukan hari kelepasan negeri masing-masing sebagaimana yang disebutkan di bawah perkara 74 dalam Perlembagaan Persekutuan.

JAMBATAN PULAU PINANG— TENDER

40. Tuan P. Patto minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan nama-nama penender-penender untuk membina jambatan yang menghubungkan Negeri Pulau Pinang dengan Seberang Perai; harga yang ditawarkan oleh setiap penender; sebab-sebab penender yang berjaya itu dipilih; jumlah perbelanjaan yang dianggar akan dibelanjakan untuk pembinaan; bila jambatan itu akan disiapkan untuk penggunaan orang ramai.

Datuk S. Samy Vellu: Nama-nama penender bagi membina jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai iaitu bagi bahagian (Package) 3, 4 dan 5

serta harga tawaran yang ditawarkan oleh setiap penender adalah seperti berikut. (*Sila* baca Lampiran A).

Selain daripada pemborong ini mempunyai keupayaan kewangan, teknikal dan sebagainya pemborong ini telah pernah melaksanakan projek di negara ini. Pemborong ini juga bersedia memberi kemudahan-kemudahan latihan kepada

pekerja-pekerja tempatan di samping boleh bekerja dengan baik dengan pemborong-pemborong tempatan. Pemborong ini juga adalah merupakan pemborong yang mempunyai rekod kerja yang baik dan masa yang ditetapkan oleh pemborong ini adalah satu masa yang berpatutan iaitu selama 160 minggu dan pemborong ini tidak mengenakan apa-apa syarat.

LAMPIRAN A

| No. | Penender | Lampiran A | | |
|-------|---|------------------------|------------------------|------------------------|
| | | Bahagian 3 Harga \$ | Bahagian 4 Harga \$ | Bahagian 5 Harga \$ |
| 1/16 | Hyundai Construction Co. Ltd. | 181,968,000/- | 166,999,000/- | 206,244,000/- |
| 2/16 | Strabag Bau-AG/Sitirya/Bilfinger | 316,623,370.85 | 271,847,355.60 | 288,637,079.74 |
| 3/16 | Campenon/Grand Travaux Dragages | 203,244,470.00 | 180,367,863.00 | 206,131,537.00 |
| 4/16 | Sato Kogyo/Toa Harbo/Kawasaki/Mitsui/Hashim & Ismail | — | — | — |
| 5/16 | Sato Kogyo/Toa Harbor/Mitsui/Hashim & Ismail | — | 296,500,000.00 | — |
| 6/16 | Marubeni/Taisei/Kawada/Nippon/Steel/Nisho-Iwai | 270,500,000.00 | 253,200,000.00 | 298,500,000.00 |
| 7/16 | Mitsubishi/Kajima/Penta/Hazama/Wan Sam | 378,400,000.00 | 345,590,000.00 | 469,078,000.00 |
| 8/16 | Sumitomo Construction/Wakachiku Construction/Sumitomo Heavy Industries/Sumitomo Corporation | 383,500,000.00 | 360,260,000.00 | 433,300,000.00 |
| 9/16 | Ohbayashi-Gumi/P.S. Concrete/Manong | — | 246,477,930.00 | 292,413,779.00 |
| 10/16 | Maeda/Kinloch | — | — | — |
| 11/16 | Korea Development Corporation | 151,500,000.00 | — | — |
| 12/16 | Societa Italiana | 189,629,857.62 | 171,647,985.49 | — |
| 13/16 | Volker Stevin/Ballast Nedam/Pernas | 170,993,235.00 | 144,409,000.00 | — |
| 14/16 | Christiani & Nielsen/John Laing | 316,000,000.00 | 266,000,000.00 | 319,000,000.00 |
| 15/16 | Impresa/Italian Thai Etc | 180,179,295.62 | 153,284,051.72 | 198,730,985.64 |
| 16/16 | Hindustan Construction | 305,785,933.00 | 268,669,190.00 | 314,454,620.00 |

PELAKSANAAN SISTEM 3M— KEBENARAN

41. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelaksanaan sistem 3M sekarang telah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Menteri Pelajaran dan Timbalan-timbalannya atau pun sistem tersebut dijalankan dengan sesuka hati pegawai-pegawai Kementerian sahaja.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pelaksanaan Kurikulum 3M adalah dijalankan atas arahan Yang Berhormat

Menteri Pelajaran. Oleh itu, soal sama ada pelaksanaan kurikulum ini mendapat persetujuan Menteri Pelajaran dan Timbalan-timbalannya terlebih dahulu, tidak timbul.

JABATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN NEGERI KELANTAN—TAWARAN TENDER

42. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pihak BSN Negeri Kelantan tidak buat apa-apun

selama 18 bulan setelah ia menerima aduan tentang amalan-amalan curang besar yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan dan Perubatan Negeri dalam menjual lima buah Landrover dengan harga \$17,869 yang mana harga ini merupakan tawaran (bid) yang terlalu rendah dari empat tawaran yang dibuat sementara tawaran (bid) yang tertinggi sekali adalah hampir dua kali ganda iaitu sebanyak \$30,340 dan nyatakan kedudukan sekarang siasatan yang dijalankan, ataupun sama ada pihak BSN telah pun menutup fail kes tersebut.

Perdana Menteri: Dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar dan merupakan satu dakwaan yang dibuat secara melulu.

Penyiasatan yang dijalankan oleh BSN Negeri Kelantan bersabit perkara ini menunjukkan bahawa ada 7 penender telah memasuki tender pelupusan Landrover yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan dan Perubatan Negeri Kelantan dan 4 daripada penender telah tidak dipertimbangkan langsung (termasuk penender yang tertinggi sekali iaitu sebanyak \$30,340/-) kerana masing-masing telah tidak mematuhi peraturan tawaran dalam notis tawaran bertarikh 6-12-79 yang meminta penender-pender menggunakan borang tawaran pertaruhan sebanyak \$100/-. Perkara ini telah dimaklumkan secara bertulis kepada penender yang tertinggi sekali oleh Jabatan yang berkenaan.

Lembaga Tender Jabatan telah mempertimbangkan 3 penender yang mematuhi peraturan dan memilih penender yang tertinggi dengan sebutarga sebanyak \$17,869/-.

SISTEM 3M—MENGgantUNG PELAKSANAAN

43. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan beberapa ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran seperti Y.B. Datuk Lee San Choön dan Y.B. Datuk Michael Chen telah berkata bahawa pelaksanaan sistem 3M tidak selaras dengan semangat Laporan

Jawatankuasa tersebut apakah beliau bercadang menghentikan atau menggantung pelaksanaan sistem 3M itu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kurikulum 3M adalah satu rancangan pelajaran yang selaras dengan perakuan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu, Kementerian Pelajaran tidak akan menghentikan atau menggantung pelaksanaan kurikulum ini.

PASARAN SAHAM—MEMAJUKAN

44. Tuan Chen Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah langkah-langkah yang positif yang diambil untuk memperketatkan kegiatan spekulatif yang berlebihan dan keterlaluan dalam pasaran saham, selama ini berapakah sindiket dan syarikat telah didapati melanggar undang-undang dan peraturan di pasaran saham dan apakah tindakan telah diambil terhadap mereka.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa Kerajaan sedang mengkaji Akta Perusahaan Sekuriti, 1973 dengan tujuan mengadakan peruntukan bagi memperkukuh dan memajukan lagi pasaran saham dengan lebih teratur. Kajian semula terhadap Akta tersebut dijalankan dan akan dibentangkan dalam Dewan ini kelak. Akta tersebut yang mula dikuatkuasakan pada 27hb Disember, 1976 tidak menyekat spekulasi dan Kerajaan juga tidak boleh menghalang sesiapa pun daripada membuat spekulasi dalam pasaran saham. Spekulasi akan terus wujud selagi orang ramai berhasrat untuk mendapatkan keuntungan yang cepat. Wujudnya unsur-unsur spekulasi dari semasa ke semasa dalam pasaran saham pada umumnya adalah perkara biasa. Asalkan spekulasi berkenaan tidak disebabkan oleh manipulasi harga yang disengajakan sama ada melalui "share rigging" atau lain-lain cara, maka ianya tidak melanggar mana-mana undang-undang. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat bukti yang cukup yang menunjukkan bahawa spekulasi yang terlibat adalah berikutan

daripada “market rigging” atau penyebaran maklumat yang palsu atau lain-lain bentuk manipulasi pasaran, maka tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang berkenaan. Pada masa-masa yang lepas terdapat kes-kes di mana mereka yang terlibat dalam transaksi “market rigging” dan penyebaran maklumat yang palsu telah pun dihadapkan ke-Mahkamah.

Di antara Peruntukan-peruntukan baru yang akan dicadangkan termasuk satu bab untuk menambahkan lagi kuasa Jawatankuasa Keluaran Modal (Capital Issues Committee) yang pada masa ini hanya bertindak sebagai penasihat kepada Pasaran saham dan untuk mengawal spekulasi yang berlebihan. Jawatankuasa Keluaran Modal (CIC) akan diberikan kuasa yang tertentu termasuk membuat penyiasatan terhadap perniagaan sekuriti. Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan juga menitikberatkan supaya Undang-undang dan Peraturan-peraturan Pasaran Saham akan memberi kesan yang baik kepada pasaran saham.

Mengenai syarikat-syarikat yang melanggar undang-undang dan peraturan Pasaran Saham Kuala Lumpur, telah pun ada peruntukan-peruntukan untuk mengambil tindakan bagi menggantung urusan sahah syarikat berkenaan atau syarikat tersebut dikeluarkan daripada senarai rasmi pasaran saham. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa syarikat telah pun digantung di masa-masa yang lepas oleh kerana melanggar undang-undang dan Peraturan Pasaran Saham Kuala Lumpur.

PENGISYTIHARAN HARTABENDA

45. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan nama Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang masih belum mengisytiharkan harta-benda mereka. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang gagal berbuat begitu.

Perdana Menteri: Saya telah pun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan No. 5 daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit

Bendera pada 9-3-1982. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

SISTEM “TURNKEY” BAGI PROJEK AWAM

46. Tuan Wong Hoong Keat minta Perdana Menteri menyatakan jumlahnya projek-projek awam yang baru-baru ini dianugerahkan di bawah konsep “turnkey” dan sama ada beliau sedar juru kontrek tempatan mungkin tidak akan mendapat faedah darinya juga nyatakan bantuan yang diberikan kepada juru kontrek tempatan untuk menggalakkan mereka mencebur diri dalam projek-projek “turnkey”.

Perdana Menteri: Sehingga ini Kerajaan telah melaksanakan 10 projek awam dengan menggunakan beberapa kaedah dalam sistem “turnkey”. Di antaranya Kabel Dasar Laut Kuantan-Kuching, Stesyen Satellite Bumi Melaka, Kerja-kerja Pemulihan Pelabuhan Kuantan, Pembinaan Hospital di Segamat, Kulim dan Sungai Petani, Jambatan Pulau Pinang dan projek-projek Dayabumi.

Sebelum sistem ini dilaksanakan, Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan penyertaan pemborong-pemborong tempatan secara usahasama dengan pemborong-pemborong “turnkey”. Penyertaan pemborong-pemborong tempatan di dalam mengendalikan kontrek-kontrek adalah menjadi syarat utama pemberian kontrek kepada pemborong “turnkey”. Sistem “turnkey” digunakan bagi melaksanakan projek-projek besar dan kompleks. Dengan penggunaan sistem ini, Kerajaan dapat melaksanakan rancangan dan mencapai matlamat untuk meningkatkan kemampuan teknologi industri pembinaan tempatan melalui pemindahan teknologi secara licin, bersistematik dan berkesan.

SISTEM 3M—PERBINCANGAN

47. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab pengharaman mesyuarat-mesyuarat berbincang perlaksanaan kurikulum 3M.

Adakah Menteri setuju pengharaman itu tidak sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang hampir sama telah dijawab oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 9hb Mac, 1982 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

MAS—BAYARAN PEMBATALAN PENERBANGAN

48. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah wang yang dikutip sejak diperkenalkan bayaran 25% kerana pembatalan penerbangan MAS, dengan memberikan angka-angka bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia; kadar pembatalan berbanding dengan jumlah penumpang.

Dato' Lee San Choon: Semenjak bayaran pembatalan sebanyak 25% diperkenalkan pada tahun 1979, pihak MAS telah mengutip sebanyak \$3.7 juta. Dari jumlah ini sebanyak \$293,564.71 dikutip bagi Semenanjung Malaysia; \$922,965.80 bagi Sabah dan \$400,186.80 bagi Sarawak. Yang baki sebanyak \$2,164,305 ialah dari Singapura dan Brunei. Bagi tiap-tiap penerbangan MAS, kadar pembatalan ialah diantara 15% hingga 20% dari jumlah penumpang-penumpang yang membuat penempahan.

RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK— KEROSAKAN LIF-LIF

49. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar walaupun penafian dibuat oleh Kementerianya, lif-lif yang sedia ada di Komplek Perumahan Rumah-rumah Pangsa Padang Tembak, Pulau Pinang selalu salahfungsi (malfunctioning) dan tergendala dan lif-lif tersebut tidak diselenggara dengan baik; jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang mengambil untuk membaiki keadaan tersebut.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua 27 buah lif di Rumah Pangsa Padang Tembak, sentiasa diperiksa oleh Jabatan Kilang dan Jentera Pulau Pinang mengikut jadual yang ditetapkan.

Di bawah Peraturan 31, Peraturan-peraturan (Lif Letrik Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970, tuan punya lif hendaklah membuat perjanjian dengan sesuatu firma lif yang di luluskan, untuk pemeriksaan dan penyelenggaraan lif dari masa ke semasa. Bagi lif-lif di Rumah Pangsa Rifle Range, selenggaraan dilakukan oleh Tetuan G.E.C yang telah menempatkan 5 orang Juruteknik di kawasan Rumah Pangsa tersebut.

Menurut Peraturan 31 (6) (Lif Letrik Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970, satu daftar bagi tiap-tiap lif hendaklah disimpan di dalam bangunan di mana lif itu dipasang dan dalam daftar itu hendaklah dicatitkan:

- (a) butir-butir mengenai tiap-tiap pemeriksaan, pembaikan dan keselarasan;
- (b) butir-butir mengenai apa-apa pembaikan pada lif yang dianggap perlu; dan
- (c) laporan pemeriksaan oleh orang berkebolehan sekali pada tiap-tiap 3 bulan dan oleh seorang penyelenggara sekali pada tiap-tiap bulan.

Menurut rekod penyelenggaraan firma itu, didapati bahawa sebanyak 4 hingga 8 panggilan aduan diterima oleh firma itu di Komplek tersebut pada tiap-tiap hari. Suka saya menyebutkan jenis aduan yang diterima:

- (a) pecahan gelas pintu "swing";
- (b) kebakaran butang panggilan;
- (c) mengisi muatan yang berlebihan berat; dan
- (d) menyekat atau menahan pintu lif pada sesuatu tingkat dengan sesuatu benda yang mengakibatkan lif tersebut tidak dapat digunakan oleh pengguna di tingkat-tingkat yang lain.

Apabila menerima aduan-aduan itu, firma penyelenggaraan akan memeriksa lif-lif tersebut tetapi selalu mendapati bahawa keadaannya adalah baik. Perkara seumpama ini sering berlaku.

Didapati bahawa kerosakan dan gangguan perjalanan lif-lif tersebut adalah disebabkan penggunaan yang tidak teratur, sikap suka merosakkan, (vandalism) penggunaan dengan cara mengisi muatan yang berlebihan, kerosakan ke atas butang panggilan dan lain-lainnya. Lif-lif ini adalah diselenggarakan dengan baik dan walau berapa banyak sekalipun penyelenggaraan rapi dilakukan, kerosakan masih banyak berlaku kerana sikap setengah pengguna yang tidak bertanggungjawab. Masalah gangguan dan kerosakan lif-lif di Rumah Pangsa tersebut hanya boleh diatasi oleh pengguna-pengguna sendiri jika mereka mempunyai sikap bertanggungjawab dan menghargai perkhidmatan-perkhidmatan awam.

Perjalanan harian lif-lif adalah tanggungjawab tuannya lif-lif tersebut dan Jabatan Kilang dan Jentera hanya mengesahkan keselamatan penggunaan lif-lif selepas pemeriksaan.

KEJADIAN TANAH RUNTUH (SINK HOLES)

50. Tuan P. Patto minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab berlakunya "sink-holes" sejumlah tiga diantara 3hb Disember, 1981 dan 11hb Februari, 1982 di Kampung Baru Bukit Merah di kawasan Menglembu dan sama ada kegiatan perlombongan oleh New Lahat Tin Mines berhampiran dengan Bukit Merah N/V menyumbang kepada kejadian "sink-holes". Jika ya, bolehkah kegiatan perlombongan di tempat itu diberhentikan dengan serta-merta.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Suka saya maklumkan di sini bahawa kejadian tanah runtuh atau "sink-holes" adalah merupakan suatu kejadian alam semulajadi yang berlaku khusus di kawasan-kawasan di mana batu

hamparnya ialah batu kapur. Dari segi kajibumi, "sink-holes" terjadi disebabkan hakisan dan larutan batu kapur oleh saluran air bawah tanah. Oleh yang demikian, adalah amat sukar bagi kita untuk menentukan masa dan tempat di mana sesuatu "sink-holes" itu akan terjadi.

Berhubung dengan kejadian "sink-holes" di Kampung Baru Bukit Merah di Menglembu, Jabatan Penyiasatan Kajibumi sedang mengendalikan penyiasatan yang teliti untuk menentukan sama ada paras air dan pergerakan air bawah tanah menyebabkan kejadian "sink-holes" tersebut. Setakat ini, sebanyak 32 lubang sudah digerudi, yang meliputi kawasan Kampung Baru tersebut dan sebahagian daripada kawasan perlombongan lama. Contoh tanah telah diambil dan ujian makmal juga dilakukan. Di samping itu, Jabatan tersebut juga cuba menentukan sama ada kegiatan melombong berhampiran dengan kawasan tersebut mempunyai kaitan dengan kejadian "sink-holes" itu. Berhubung dengan ini, beberapa ribu liter air laut telah dicurahkan ke atas tanah yang berhampiran dengan "sink-holes" serta menganalisa air bawah tanah yang menyalur daripada batu hampar di paras bawah lombong New Lahat Tin Mine. Akan tetapi, setakat ini belum ada apa-apa kenyataan yang dapat menunjukkan secara langsung kaitan kejadian "sink-holes" dengan lombong tersebut. Penyiasatan ini sedang dilanjutkan dan laporan muktamad dijangka dapat disiapkan pada hujung bulan ini.

Dalam hubungan ini, juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri berkenaan mengambil berat akan kesusahan yang menimpa penduduk Kampung Baru tersebut dan dengan itu suatu Jawatankuasa di peringkat Negeri telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menimbangkan langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini.

Suka juga saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya serta dengan Jabatan Kajibumi dan Jabatan Galian memandang berat terhadap kejadian-kejadian tanah runtuh atau "sink-holes" di tempat-tempat pendiaman.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima”. (10hb Mac, 1982).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kita menangguhkan mesyuarat semalam pada waktu itu yang sedang berucap ialah Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan beliau mula berucap pada jam 6.27 minit dan oleh kerana masa yang diberi pada tiap-tiap seorang yang berucap dalam Dewan ini setakat ini ialah setengah jam maka sekarang ini saya jemput Yang Berhormat itu menyambung ucapan beliau dan diberi masa dalam 27 minit lagi.

3.44 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah nyatakan bahawa dalam sektor pendidikan di negara kita kurang benar peluang yang boleh didapati oleh penuntut-penuntut dalam perkara bimbingan dan counselling. Untuk mengatasi kekurangan guru bimbingan dan counselling ini secara

memberi kursus sepenuh masa kepada guru untuk membolehkan mereka menjalankan tugas khas ini tentulah memakan masa entah berapa puluh tahun lagi baru kita dapat bilangan yang secukupnya. Oleh itu sukalah saya mengesyorkan supaya kurikulum di maktab-maktab perguruan kita dikaji semula dan dimasukkan satu lagi mata pelajaran yang membolehkan bakal-bakal guru kita itu yang keluar daripada maktab itu menjadi guru bimbingan dan counselling kerana mereka telah dibekalkan dengan pengetahuan asas dalam lapangan ini.

Kita percaya sebahagian daripada sebab yang telah menimpa penuntut-penuntut kita hingga gagal di dalam pelajaran dan terjun ke dalam lembah yang sangat merbahaya seperti menghisap dadah dan lain-lain lagi adalah disebabkan oleh sebahagian daripadanya kurangnya mereka mendapat bimbingan dan counselling atau rundingcara ini dalam masa mereka menghadapi sesuatu masalah. Oleh itu saya berpendapat urusan menolong pelajar-pelajar kita menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh mereka sangatlah perlu demi kepentingan jenerasi kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kurikulum 3M yang telah kita mulakan pelaksanaannya pada tahun ini adalah sangat memuaskan dan memberi hasil yang baik. Kita dapati murid-murid, ibu bapa dan guru-guru di semua jenis sekolah yang terlibat adalah berpuas hati dan sangat menghargai kurikulum 3M ini. Mereka menyatakan jika mereka diberi peluang memilih semula untuk menerima kurikulum yang lama mereka akan menolaknya. Walau bagaimana baik sekalipun usaha kita untuk faedah rakyat ada juga segolongan manusia memutar belitkan kenyataan untuk mengelirukan rakyat bagi faedah diri mereka dan parti politik mereka. Oleh itu saya sukacita mengesyorkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menjadikan isu ini sebahagian atau sejenis daripada perkara sensitif. Oleh itu mereka yang memutar belitkan isu 3M ini hingga mengelirukan rakyat bagi faedah diri mereka dan parti politik mereka. Oleh itu saya sukacita mengesyorkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menjadikan isu ini sebahagian atau sejenis daripada

perkara sensitif. Oleh itu mereka yang memutar belitkan isu 3M ini hingga mengelirukan rakyat yang boleh menimbulkan gangguan kepada keselamatan negara hendaklah diberikan perhatian yang serius dan diambil tindakan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menekankan betapa pentingnya mata pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah. Oleh itu sukalah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk kita mengambil tindakan segera dan berkesan bagi menelaraskan serta menyempurnakan pentadbiran serta sukatan pelajaran di semua sekolah-sekolah agama dalam seluruh negeri di negara kita ini. Saya rasa adalah amat munasabah sekolah-sekolah agama Islam di negara kita mendapat kemudahan tidak kurang daripada sekolah-sekolah Kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis Kebangsaan. Tindakan dalam masalah ini adalah amat sesuai kerana peluang akan disediakan di hadapan mata kita iaitu Universiti Islam di peringkat antarabangsa yang hendak didirikan di dalam negara kita ini merupakan satu peluang yang akan diterima oleh penuntut-penuntut kita yang mana mereka berada dalam jurusan sekolah-sekolah agama Islam itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah masalah yang dihadapi oleh petani-petani di negara kita terutama pekebun-pekebun kelapa dan koko. Kita cukup sedar bahawa Kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional telah banyak berusaha untuk meninggikan taraf hidup petani-petani. Tetapi pekebun-pekebun kelapa dan koko merasakan masalah mereka belum mendapat pembe-
laan yang secukupnya kerana harga kelapa dan koko jauh daripada tahap yang sepatutnya dari segi anggapan pekebun-pekebun tersebut khususnya pekebun-pekebun kecil. Oleh itu saya sukacita mengesyorkan supaya usaha yang lebih berkesan mesti dibuat dengan seberapa segera yang boleh. Di antara usaha-usaha yang sepatutnya kita buat ialah mengadakan perusahaan yang menggunakan kelapa atau koko untuk membuat makanan supaya dapat kita pasarkan bukan sahaja di

dalam negeri tetapi juga di luar negeri atau di peringkat antarabangsa. Dengan adanya industri jenis ini saya percaya kelapa dan koko akan mendapat nilai yang munasabah dan bolehlah memuaskan pekebun-pekebun kelapa dan koko itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau padi boleh kita beri subsidi harga \$10 tiap-tiap satu pikul melalui Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) tentulah harga kelapa dan koko juga boleh atau patut diberi pertimbangan untuk mendapatkan subsidi harga melalui FAMA. Untuk menimbangkan subsidi harga kelapa dan koko ini patut juga kita kaji antara pekebun-pekebun kecil dengan tuan-tuanpunya ladang yang besar dan luas di dalam negara kita. Dengan melancarkan satu pemberian subsidi harga kelapa dan koko melalui FAMA tentulah sistem pemasaran bahan ini dapat lebih teratur dilaksanakan oleh FAMA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak suka menggalakkan rakyat bergantung kepada bantuan dan subsidi semata-mata tetapi kita gembira melihat rakyat hidup mewah menikmati hasil titik peluh mereka diberi nilai dan penghargaan yang sesuai oleh negara yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin kita yang kita kasihi lagi bijaksana dan bertimbang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah pelaksanaan dasar pertanian bersepadu. Saya amat tertarik hati dengan hasrat pemimpin Kerajaan kita untuk melaksanakan dasar pertanian yang bersepadu kerana perkara ini adalah dipercayai boleh mendatangkan faedah kepada rakyat terutama petani-petani dan juga boleh memudahkan arus pentadbiran di antara beberapa jabatan dan badan-badan berkanun yang bertanggungjawab di dalam masalah pertanian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini pun kita telah mencuba melaksanakan dasar pertanian yang bersepadu di beberapa kawasan tertentu dalam negara ini. Satu daripadanya ialah projek Barat Laut Selangor. Walaupun projek ini di dalam pelaksanaan yang hanya baru berjalan 25% ataupun 30% sahaja tetapi hasilnya memberi kesan yang memuaskan

rakyat di kawasan yang tersebut. Apa yang kita harapkan di dalam pelaksanaan Dasar Pertanian Bersepadu ini ialah menggabungkan semua jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun yang bertanggungjawab di lapangan pertanian ini termasuklah badan-badan berkanun yang menjalankan tugas pemasaran hasil pertanian iaitu LPN, FAMA dan lain-lain lagi, kerana pemasaran ini perlu mendapat dan memberikan kerjasama di dalam pelaksanaan dasar pertanian bersepadu itu. Dengan itu segala masalah yang timbul di lapangan pertanian dan pemasaran hasilnya dapat diatasi secara lebih pantas dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja tenaga jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang mesti digabungkan di dalam pelaksanaan dasar pertanian bersepadu ini bahkan tenaga koperasi yang bercorak pertanian adalah juga mustahak dimasukkan di dalam kira iaitu pelaksanaan dasar pertanian bersepadu ini. Sebagai contohnya, koperasi yang ada di kawasan sawah telah digunakan oleh LPN untuk menjadi wakilnya membeli padi di tempat masing-masing sebelum dikumpulkan ke kompleks LPN.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Awam kerana telah memberikan kenaikan komisyen pembelian padi kepada koperasi yang mewakili LPN di perairan Tanjung Karang sebanyak 50% baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sektor pertanian ini dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan baik ada pula sistem pemasaran yang sempurna dan dapat pula subsidi harga yang menasabah tentulah perasaan petani-petani kita yang menjadi sebahagian besar rakyat negara ini berpuas hati.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul menjunjung kasih itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tuaran.

3.55 ptg.

Datuk James Peter Ongkili (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berucap. Nasib sayalah yang baik ini kerana pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya akan bertolak pukul 7.00 malam balik ke Sabah; jadi syukur diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyampaikan sedikit ucapan dan membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung di Dewan yang mulia ini pada 8hb Mac, 1982. Titah Ucapan Baginda itu sangatlah lengkap dan mengandungi aspek-aspek penting rancangan dan pelaksanaan dasar atau dasar-dasar Kerajaan Persekutuan yang bertujuan mewujudkan serta memperkukuhkan lagi satu masyarakat Malaysia yang moden dan maju. Adalah sangat kena pada tempatnya bahawa Titah Ucapan Baginda itu mengingatkan yang negara kita telah genap usia 25 tahun dan kita sedang memulakan satu suku abad yang kedua pada ketika ini. Dalam membina sebuah negara ianya memakan masa yang panjang dan pada hemat saya pengingatan ini sangatlah penting bagi kita untuk ke peringkat kedua ke suku abad yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran untuk membina sebuah Malaysia yang moden dan maju memang telah mempengaruhi banyak rakyat kita bukan sahaja di Semenanjung bahkan di Sabah dan Sarawak malah seluruh negara. Keutamaan memajukan negeri dan negara itu sudah menjadi tumpuan akrab dan tenaga pemimpin-pemimpin serta rakyat jelata kita. Kalaupun tidak 100% rakyat tentu sekali sebahagian yang besar atau majoriti yang besar daripada rakyat negara kita. Akan tetapi perlu kita sedari bahawa keutamaan mewujudkan Malaysia moden inilah yang memerlukan banyak jenis penyelesaian. Antara lain keperluan membina Malaysia moden itulah yang menyebabkan kita berhabis-habisan mencari punca kewangan untuk memajukan negeri masing-masing. Kebanyakan negeri tidak puas hati dengan peruntukan yang diperolehi daripada

Kerajaan Persekutuan di bawah rancangan-rancangan lima tahun, misalnya Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat yang sedang berjalan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kerana 13 buah negeri kita di Malaysia itu tamak, di sebaliknya mereka hanya mahu mengejar kemajuan yang cepat supaya Malaysia moden dan maju itu tercapai dengan segera dan seberapa seimbangnyanya di seluruh negara. Dengan itu maka seharusnya Kerajaan Persekutuan jangan bengis atau terus kedekut terhadap desakan-desakan Kerajaan-kerajaan Negeri meminta bantuan peruntukan yang lebih dan memadai bagi meneruskan program dan projek-projek pembangunan di negeri masing-masing. Walau macam manapun, apalah gunanya negeri kalau tidak ada peruntukan. Apalah gunanya Kerajaan kalau tidak ada kemajuan? Semuanya ini adalah kenyataan, Tuan Yang di-Pertua. Dan kita mampu menghindar semuanya atau mengenyepikan demi mencapai Malaysia moden dan maju itu. Malangnya kadangkala permohonan-permohonan kita itu tidak ditunaikan ataupun peruntukan yang kita pohon dipotong dengan begitu teruk, dipotong dengan begitu drastic sehingga projek-projek yang telah dirancang di peringkat negeri terpaksa dimansuhkan atau dibekukan bertahun-tahun lama dengan begitu sahaja. Apabila projek-projek tidak dapat dilaksanakan maka Kerajaan negeri disalahkan oleh rakyat dan dikatakan Kerajaan negeri tidak aktif atau tidak berkebolehan memajukan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa ada negeri, Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan yang telah diberi peruntukan tetapi projek tidak dapat dilaksanakan ataupun tergendala kerana dengan sebab-sebab yang tertentu akan tetapi pada umumnya yang gagal itu tidak banyak. Semenjak kita merdeka suku abad lamanya pada hemat saya tidak sampai 20% daripada jumlah program dan projek-projek yang betul-betul telah gagal atau betul-betul tergendala. Pada hakikat dan pada pendapat saya lebih 80% daripada jumlah projek-projek selama ini besar dan kecil telah berjaya dan kini telah dinikmati oleh rakyat negara kita. Jadi, daripada hakikat itu maka

seharusnyalah negeri-negeri sentiasa diberi galakan dan bantuan yang diperlukan dan dipinta menurut dasar, menurut program yang telah disusun, yang telah diperakui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri dengan jujur dan tekunnya. Janganlah permohonan-permohonan itu dipotong sana sini seolah-olah dengan sekelip mata sahaja terutama kerana projek-projek itu telah dirancang lebih awal dengan teliti dan dengan pertimbangan yang lanjut di peringkat negeri sebelum ianya disarankan ke Persekutuan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Sabah telah merancang program dan projek-projek yang memerlukan peruntukan sejumlah \$8,000 juta ataupun \$8 billion, malangnya apabila Rancangan Malaysia Keempat telah diselesaikan, Sabah hanya mendapat \$3.2 billion atau \$3,200 juta. Daripada \$3,200 juta itu di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebenarnya hampir separuh iaitu \$1,327 juta atau 39% (hampir 40%) adalah diminta supaya Sabah sendiri mengeluarkan perbelanjaannya, jadi hanya 61% yang sebenarnya dibelanja atau dikeluarkan oleh Persekutuan. Ini sangat-sangatlah merosot kerana untuk lain-lain negeri kecuali Trengganu peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat itu yang dimasukkan adalah hampir segenap yang dibiayai dan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam kes Trengganu diminta membayar \$150 juta daripada jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, tetapi di Sabah kita kena membayar 39% daripada jumlah itu.

Tuan Yang di-Pertua, bertentangan dengan pendapat dan sangkaan setengah-setengah rakyat kita, sebenarnya Sabah tidak lumayan, Sabah tidak kaya. Menurut taksiran yang dibuat—ini satu contoh sahaja, oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri semasa beliau melawat Sabah dalam bulan November lalu—1981 lebih 80% daripada penduduk Sabah masih hidup di bawah garis kemiskinan (below poverty line) apabila garisan kemiskinan itu ditentukan \$400 pendapatan seorang—sekelamin kerana keadaan inflasi dan kos hidup yang tinggi di

Sabah. Jadi, sebenarnya bagi negeri Sabah kita sangat-sangat rumit dan kekurangan peruntukan, terutama bila kita fikir baik-baik Titah Ucapan Baginda mengenai betapa pentingnya membina sebuah Malaysia yang moden dan maju.

Walau bagaimanapun Kerajaan Parti Berjaya telah berjuang dan berusaha memajukan negeri Sabah selama hampir 6 tahun yang lalu. Sungguhpun begitu banyak rintangan dan kerumitan, sungguhpun begitu banyak batu penghalang, sungguhpun kadangkala ada ranjau sepanjang jalan dalam usaha mentadbir negeri Sabah akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Parti Berjaya sebagai komponen Kerajaan Barisan Nasional telah bersungguh-sungguh merancang dasar dan program jangka panjang dan jangka pendek untuk memajukan Sabah. Syukur selepas 6 tahun memegang tampuk Kerajaan Berjaya telah berjaya membawa kesedaran yang mana diperkatakan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Ucapan Baginda. Berjaya telah dapat membawa kesedaran perubahan dan kemajuan yang konkrit kepada rakyat jelata kita di sana dalam 6 tahun yang lalu. Maka adalah dengan hasrat dan keazaman memajukan negeri Sabah itu kita merasa keciwa apabila permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat itu dipotong dan dikurangkan dengan begitu ketara dan merosotnya daripada \$8 billion kepada \$3.2 billion dan sebenarnya tidak pun sampai, hanya melebihi \$2 billion apabila yang 39% dibiayai oleh negeri Sabah itu ditolak. Walau bagaimanapun, adalah menjadi harapan kita supaya menjelang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat pada tahun hadapan mudah-mudahan permohonan asal Sabah itu dapat dipertimbangkan dan mudah-mudahan peruntukan itu yang ada setakat ini dapat ditambah supaya negeri kita itu betul-betul dapat berganding bahu dalam mencapai cita-cita murni memajukan dan mendapat satu negara Malaysia yang moden dan maju itu.

Di samping itu pada masa ini punca utama revenue negeri Sabah iaitu cukai royalty daripada kayu balak ini pula telah mengalami harga rendah yang berlarutan lamanya. Keadaan kemelesetan ekonomi ini yang telah melanda Malaysia kita turut serta

mengurangkan jumlah pendapatan yang mana sangat-sangat diperlukan bagi meneruskan usaha pembangunan Sabah dalam Malaysia moden dan maju itu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya berkata seperti tadi itu saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jangan agaknya salah sangka. Sebenarnya Kerajaan Negeri Sabah penuh taat setia kepada dasar Kerajaan Persekutuan. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Harris Mohd. Salleh telah berucap di Dewan yang mulia ini pada 30hb Oktober, 1981 di mana dan bilamana beliau antara lain menyeru supaya Kerajaan Persekutuan mengambil peranan yang lebih luas terutama dengan mengambil alih pentadbiran Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang lazim dan sepatutnya dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam negeri Sabah seperti Lembaga Letrik Sabah sepatutnya dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara, Lembaga Padi Sabah yang sepatutnya diambil sepenuhnya oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan usaha pembangunan tanah oleh FELDA di Sabah. Semuanya ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bukti keinginan Kerajaan Negeri bekerjasama dengan erat dan sentiasa dengan berkekalannya dengan Kerajaan Persekutuan. Tidak ada apa-apa selisih faham di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Kita bersama terus satu dan teguh dalam Kerajaan Barisan Nasional, hanya Pembangkang dan puak-puak kecil yang tertentu yang cuba mengelirukan rakyat jelata dari masa ke masa tetapi segala dakyah dan putar belit itu memang sentiasa gagal.

Tuan Yang di-Pertua, supaya salah faham dan kekeliruan itu tidak berlaku atau senang terjadi adalah sangat penting supaya rakyat Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya, terutama sekali pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab atas nasib rakyat supaya cukup tahu antara satu sama lain, cukup fahaman sebagai pemimpin-pemimpin. Kelonggaran penggunaan paspot di antara Semenanjung Sabah dan Sarawak mulai pada permulaan tahun ini adalah satu langkah

yang positif dalam usaha kita menghapuskan benteng-benteng kurang perhubungan di kalangan rakyat jelata negara kita.

Sebagai satu lagi langkah positif untuk mengurangkan salah faham dan kekeliruan itu dan supaya pengalaman kita antara satu sama lain dalam negara kita kian bertambah saya mengesyorkan supaya Ahli-ahli Parlimen dari Semenanjung diberi peluang yang luas untuk melawat Sabah dan Sarawak, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini dari Semenanjung, supaya bilamana sahaja isu-isu, masalah-masalah Sarawak dan Sabah, terutama Sabah yang saya ketahui ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini maka kesemuanya Ahli Yang Berhormat akan insaf dan faham secukupnya latar belakang dan pentingnya masalah-masalah yang dibawa ke Dewan yang mulia ini. Oleh kerana kebanyakan Ahli Yang Berhormat jarang melihat Sabah dan Sarawak, ada yang barangkali belum pernah menjejak bumi Sabah atau Sarawak dan oleh kerana perbelanjaan untuk melawat ke sana perbelanjaan itu adalah agak mahal, maka saya menyeru supaya perbelanjaan untuk melawat Sabah dan Sarawak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu untuk menambah pengalaman supaya belanja itu dibiayai oleh Parlimen sendiri, tidak semestinya Tuan Yang di-Pertua, tetapi Parlimen sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Adakanlah satu majlis di sana menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat!

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong usul yang ada pada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat terlalu ramai hendak bercakap dan kita hanya ada hari ini dengan esok, maka saya hadkan masa bercakap seseorang tak lebih daripada 20 minit. Jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

4.19 ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sum (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih terhadap Titah Ucapan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin menyentuh dalam perkara mengenai 3M yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat penegasan yang sungguh kukuh bahawa:

- (a) Kerajaan tidak ada niat sekalipun untuk melaksanakan Fasal 21(2) Akta Pelajaran yang mana diberi kuasa kepada Menteri Pelajaran menukar Sekolah Rendah Cina atau Tamil kepada Sekolah Kebangsaan;
- (b) Bahasa Pengantar untuk mengajar dalam Bahasa Melayu, Cina dan Tamil di sekolah-sekolah rendah hendaklah dikekalkan.

Penegasan ini adalah kena pada tempatnya dan sangat menggalakkan. Adalah menjadi keadaan semula jadi iaitu setiap bangsa mencintai kebudayaan bangsanya sendiri dan juga pelajaran dalam bahasanya sendiri yang mana orang Melayu, orang Cina ataupun orang India tidak dikecualikan.

Apa yang sebenarnya orang Cina berasa bimbang dan apa yang mereka mahu di bawah sistem 3M? Mereka berasa bimbang bahawa dalam proses 3M ini akan menukar bentuk atau watak sekolah-sekolah rendah Cina dalam segi bentuk bahasa penghantar dan watak kandungan kebudayaannya. Dalam keadaan ini maka mereka merayu supaya Kerajaan menentukan bahawa:

- (a) Bahan-bahan mengajar untuk sekolah-sekolah rendah Cina disediakan dalam bahasa Cina.
- (b) Selain daripada Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris dalam lain-lain mata pelajaran hendaklah dibuat dalam bahasa Cina.
- (c) Kandungan mengenai kemanusiaan dan pelajaran di dalam alam sekitar dan muzik hendaklah mencerminkan identiti kebudayaan tradisi mereka.
- (d) Waktu-waktu untuk bahasa Inggeris hendaklah ditambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya setengah-setengah perkara yang

ditimbulkan oleh masyarakat Cina adalah kebanyakan dalam segi teknikal. Saya berharap dan saya yakin juga perkara-perkara ini boleh diatasi atau diperbaiki jika diberi masa.

Satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan adalah mengenai permit kerja untuk penduduk-penduduk yang tinggal tetap. Saya berharap Kerajaan akan dapat memikirkan sedikit dalam perkara ini. Ini memandangkan keadaan buruh yang tidak cukup yang mana kita hadapi di masa ini.

Kita terpaksa mengimport buruh-buruh dari negara lain. Kita sudah tentu berkehendakkan penduduk-penduduk yang tinggal tetap untuk bekerja di sini. Mengikut peraturan sekarang, penduduk yang tinggal tetap cuma boleh mendapatkan permit kerja melalui bakal majikan mereka dan tidak mereka sendiri mendapatkannya. Dalam amalan biasa majikan-majikan tidak bersungguh-sungguh memberi masa untuk memohon permit kerja mereka. Pada setengahnya pula mengambil kesempatan atau mengeksploitasi mereka secara memberi gaji yang sungguh-sungguh rendah. Dalam keadaan ini saya berharap pihak Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk:

- (a) Memansuhkan sistem permit kerja: atau
- (b) Mengubahsuaikan cara permohonan untuk memberi permit kerja secara tahunan kepada mereka yang memohonkannya.

Jika saya tidak salah tentu ada bilangan besar penduduk-penduduk yang tinggal tetap dalam golongan ini dan sekiranya pertimbangan dilakukan untuk menolong mereka sangatlah dihargai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

4.24 ptg.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Ahli Yang Berhormat dari Dungun untuk menjunjung kasih Kebawah

Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen awal minggu ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Seri Paduka Baginda menyampaikan ucapan Baginda di Dewan ini, saya amat tertarik hati bagaimana majlis atau istiadat itu dijalankan di mana 29 orang para hakim, Ketua Hakim telah ditempatkan di tengah-tengah Dewan ini dan ini mungkin menggambarkan suatu simbol bagaimana kedaulatan undang-undang akan terus dijalankan atau ditegakkan di negara ini seperti pada masa-masa lalu, tetapi saya terlihat Mufti Wilayah duduk dihujung, di belakang sana dan saya harap pada masa akan datang Dato' Mufti akan dapat duduk bersama-sama dengan para hakim, kedudukan beliau sebagai mufti kepada Agama Islam, agama rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda menjelaskan bahawa dengan secara yang positif Baginda sendiri telah mengakui bahawa Kerajaan Baginda belum mencapai kejayaan sepenuhnya. Walaupun negara ini telah mencapai kemerdekaan selama 25 tahun masuk kepada suku abad yang kedua, tetapi Duli Yang Maha Mulia sedar bahawa ada rancangan-rancangan yang masih belum dapat dipenuhi. Tetapi dalam hal-hal ini jelaslah bahawa seperti Titah Baginda juga bahawa kita mestilah bersyukur ada kejayaan-kejayaan besar yang telah dicapai dan ada kejayaan-kejayaan yang membolehkan kita bangga sebagai satu bangsa Malaysia dan sebagai sebuah negara Malaysia.

Di Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membukakan satu perkara yang agak penting di negara kita ini bahawa sejak ambillah kepimpinan negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan beliau, saya dapati bahawa kebebasan akhbar di Malaysia begitu meriah. Kemeriahan ini jelas bagaimana akhbar-akhbar telah dibenarkan bergerak dan membuat pendedahan-pendedahan dalam kehidupan negara kita ini dan inilah satu perkara yang menyeronokkan saya sebagai anggota Parlimen kerana negara yang mempunyai kebebasan akhbar adalah satu negara yang jelas hidup di mana penyelewengan dapat didedahkan secara terbuka.

Saya teringat apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada awal Januari lalu. Inilah caranya yang sebaik-baik bila akhbar-akhbar dapat memberikan pendapat, gambaran, tafsiran dan laporan dengan penuh minat. Menurut beliau bahawa Kerajaan 2M mempunyai tanggapan (assumption) iaitu orang-orang akhbar yang begitu rapat dengan rakyat dapat tahu keadaan yang sebenar dan dengan cara yang positif memberitahu kita dan inilah yang dapat diambil dari maklumat balas tindakan-tindakan yang akan dapat dibuat oleh Kerajaan. Tetapi Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan bahawa tanggungjawab ini terpulanglah kepada akhbar-akhbar untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka untuk memenuhi hasrat rakyat kerana tugas mereka yang sebenarnya sebagai sebuah organisasi, sebagai alat yang begitu berpengaruh mestilah berasaskan kepada kepentingan negara dan bukan berasaskan kepada kepentingan membuat untung sahaja. Walaupun ini tidak dapat dielakkan kepada akhbar-akhbar di negara ini tetapi tanggungjawab mereka mestilah diimbangkan di antara keperluan-keperluan sendiri dengan keperluan negara. Kalau tidak mereka mestilah didedahkan juga dengan tanggungjawab yang berat dan undang-undang negara boleh diambil terhadap apa juga yang mereka buat tanpa meletakkan kepentingan negara di atas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan perkembangan akhbar-akhbar di Malaysia kerana sekurang-kurangnya pelajaran kebangsaan negara kita telah dapat memberikan sumbangan yang besar sebagaimana akhbar berbahasa Malaysia telah dapat mencapai pengeluaran yang begitu tinggi sekali. Ini adalah satu tanda bagaimana pelajaran kebangsaan telah memberikan rakyat, kalau dahulu umpamanya akhbar-akhbar berbahasa Inggeris sahaja dapat menguasai fikiran dan penjualan akhbar di dalam negara kita ini, tetapi sekarang akhbar-akhbar Bahasa Malaysia telah dapat meningkat dan telah menguasai kira-kira satu juta pembaca. Dengan jalan demikian kalau kita bercakap tentang perpaduan negara, kalau kita bercakap elemen tentang perpaduan negara pada masa lalu bahasa

sebagai alat, maka sekarang jelaslah bahawa Bahasa Kebangsaan telah dapat menguasai sekurang-kurangnya 1 juta fikiran rakyat di Malaysia setiap hari yang membaca satu penerbitan seperti *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya tertarik hati dengan apa yang disebutkan oleh Menteri Penerangan baru-baru ini terhadap penubuhan ethika kewartawanan yang disarankannya semata-mata dari kesedaran bahawa akhbar-akhbar kecil yang telah menyebabkan ethika itu patut diwujudkan. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri itu haruslah sedar bahawa ethika itu sepatutnya diadakan lebih awal dalam ertikata bahawa dunia wartawan kitapun pada masa lalu telah menjalankan beberapa perkara yang melibatkan umpamanya penggunaan akhbar dalam gerakan subversif negara kita yang melibatkan seorang pengarang yang telah ditangkap, terlibat dengan gerakan komunis bersama-sama dengan dua orang Timbalan Menteri. Jadi, apabila kita bercakap tentang ethika kewartawanan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah mentafsirkan bahawa ia tidak akan mengkongkong apa yang dipanggilkan pendedahan kalau berlaku penyelewengan dalam negara kita ini kerana peranan mass media ialah membina kesedaran untuk memajukan atau merangka dasar-dasar kebangsaan untuk rakyat dan bukan setakat itu ia boleh membantu Kerajaan umpamanya dalam membuat laporan yang mendengar akan suara minoriti dan suara pembangkang. Inilah keseronokan sebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai demokrasi seperti ini, demokrasi di mana apa yang dibuat oleh pembangkang mendapat tempat dalam akhbar-akhbar kita dan apa dicakapkan dan diperjuangkan oleh minoriti juga mendapat tempat. Apabila keadaan ini berlaku tentulah kita dapati akan dapat mengelakkan sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

Hasrat dan harapan kita bagi masa hadapan tidak mungkin tercapai jika kita sebagai satu bangsa tidak berdisiplin, jika rakyat tidak mempunyai sikap dan nilai yang wajar terhadap kerja; jika kita mementingkan diri lebih daripada

masyarakat; jika kita memikirkan apa yang kita boleh dapat, bukan apa yang kita boleh sumbangkan; jika rakyat kurang azam, pentadbir kurang cekap, pemimpin kurang jujur dan jika kita perpecah-belah.

Dengan adanya peranan begini rupa dalam negara kita tentulah kita akan dapat cuba mengelakkan kejadian umpamanya rakyat telah dipesongkan, pentadbiran kurang cekap, pemimpin kurang jujur dan sebagainya.

Jadi, oleh kerana peranan media masa dalam negara kita ini begitu boleh memainkan peranan dan seperti yang dikatakan oleh James Reston dari *New York Times* yang mengatakan bahawa abad ke-19 adalah dunia para novelis tetapi abad ke-20 adalah dunia moden para wartawan. Oleh yang demikian, kita harap peranan yang akan dimainkan oleh akhbar-akhbar negara kita seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehlah terus dijalankan dalam membantu dan mendorong rakyat supaya mereka dapat bersatu-padu dan dapat bergerak untuk membina masa depan yang lebih cerah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi.

4.36 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam usul ini untuk menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu perkara yang hendak dibincang tentang begitu tepat seperti pelaksanaan sistem 3M di sekolah rendah Cina dan Tamil. Pelaksanaan sistem 3M di sekolah rendah Cina dan Tamil merupakan ujian pertama yang besar parti Kerajaan di bawah pimpinan 2M tentang sama ada Kerajaan benar-benar menghormati hak rakyat Malaysia untuk menerima pendidikan dalam bahasa ibunda mereka. Masyarakat Cina terkejut dengan pelaksanaan 3M di 62 buah sekolah rendah Cina kerana

pelaksanaan 3M itu akan lambat laun akan mengubah ciri sekolah rendah kebangsaan Cina, ini disebabkan kerana bahan-bahan pelajaran dikarang pada awalnya dalam Bahasa Malaysia dan kemudian diterjemahkan ke bahasa Cina. Ibubapa-ibubapa tidak dapat menerima isu ini kerana hendaklah dihargai penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah Cina bukan sahaja bermakna mempelajari bahasa Cina semata-mata sahaja tetapi juga sistem nilai dan falsafah hidup masyarakat Cina. Sistem 3M ini dijalankan tanpa mengadakan perbincangan dengan guru-guru dan lembaga sekolah rendah Cina seperti Tung Chung Chiao Chung dan lebih-lebih lagi ibubapa. Pelaksanaan sistem 3M di sekolah rendah Cina dalam bentuknya sekarang hendaklah digantung sama sekali dan saya menyeru Kerajaan menyahut bantahan-bantahan yang dibuat oleh masyarakat Cina dalam perkara ini.

Di sini saya ingin melahirkan rasa keciwa saya dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam menolak permohonan yang dibuat oleh Dewan Perhimpunan Cina Selangor untuk mengadakan satu mesyuarat yang dihadiri oleh pertubuhan dan persatuan Cina untuk membincangkan 3M itu di Kuala Lumpur.

Pada 14hb Februari, 1982 saya juga bantah keras syarat yang dikenakan oleh pihak Polis yang melarang isu 3M dibincangkan dalam Majlis Jamuan Makan Malam anjuran Cawangan DAP Sungei Besi pada 14hb Februari yang lalu. Tindakan pihak Polis itu adalah bertentangan dengan komitmen pemimpin baru 2M untuk mengadakan sebuah Kerajaan yang terbuka dan demokrasi di mana rakyat dibenarkan menyuarakan pendapat-pendapat mereka. Apa yang mendukacitakan ialah sebelum pimpinan 2M selesai memegang teraju Kerajaan selama setahun tekanan-tekanan sudahpun dibuat untuk melenyapkan demokrasi rakyat di negara ini.

Tuan Speaker, Kerajaan Barisan Nasional telah melaung-laungkan bahawa akan menjadi hasratnya untuk menunjukkan the house-owning democracy juga masih jauh dari mencapai matlamatnya. Peristiwa baru-baru

ini di Kuchai di mana beribu-ibu orang telah beratur untuk mendapatkan borang permohonan rumah kos rendah jelas membuktikan kegagalan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah rumah untuk rakyat. Kerajaan hendaklah memberi keutamaan ke arah membina lebih banyak lagi rumah-rumah pangsa dan kos rendah untuk menampung permintaan untuk rumah. Adalah lebih baik dan manfaat sekiranya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dari berkejar ke sana-sini untuk menghadiri majlis-majlis MCA. Dalam pada ini, ingin saya menarik perhatian Kerajaan terhadap masalah kekurangan perumahan yang teras di bandaraya Kuala Lumpur. Bandaraya Kuala Lumpur dengan penduduknya yang berjumlah lebih 1 juta tidak dapat menampung permintaan untuk rumah, persepsi Dewan Bandaraya dalam hal ini tidaklah menggalakkan akibat penghijrahan orang-orang luar bandar ke bandar selama 10 tahun lalu disebabkan Dasar Ekonomi Baru dan memandangkan Kuala Lumpur telahpun mempunyai bilangan penduduk yang padat, maka bolehlah dikatakan masalah kekurangan perumahan sudah sampai ke tahap krisis, satu dasar yang dalam dan satu rancangan raksaksa hendaklah dilancarkan untuk membina rumah-rumah pangsa dan kos rendah.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa Dewan Bandaraya untuk memberi keutamaan kepada orang-orang yang telah menetap di Kuala Lumpur berpuluh-puluh tahun dalam pembahagian rumah-rumah pangsa dan pembahagian itu juga hendaklah mencerminkan komposisi kaum di bandaraya Kuala Lumpur. Orang-orang yang berpendapatan rendah yang telah menetap untuk beberapa dekad di Kuala Lumpur masih tidak berjaya mendapat rumah-rumah pangsa, sementara pendatang-pendatang baru yang berhijrah dari luar bandar ke ibu negara kita diperuntukkan rumah-rumah pangsa dengan begitu mudah. Saya tidak mahu disalahfahamkan atau diputarbelitkan apa yang dinyatakan oleh saya ini, tetapi saya rasa dalam pembahagian rumah-rumah pangsa keutamaan hendaklah diberi kepada mereka yang telah menetap di

Kuala Lumpur begitu lama, janganlah mengwujudkan ketidakadilan baru apabila ketidakadilan lama tidak diatasi.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang telah menimbulkan kemarahan ialah perkara menyaman pengusaha-pengusaha industri kecil di Kuala Lumpur. Pengusaha-pengusaha ini yang terjejas akibat Plan Induk Kuala Lumpur sering disaman oleh pihak Dewan Bandaraya. Menteri Wilayah Persekutuan telah dalam satu jawapan yang diberikannya kepada saya dalam mesyuarat Dewan yang lalu berjanji bahawa tindakan tidak akan diambil buat sementara waktu terhadap pengusaha-pengusaha industri kecil yang terjejas akibat Plan Induk Kuala Lumpur, akan tetapi jaminan Menteri itu tidak ditepati. Ramai pengusaha-pengusaha yang berkenaan masih terus disaman dan saya sering menerima aduan mengenai perkara ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan menepati janjinya itu supaya pengusaha-pengusaha yang berkenaan yang di antara mereka telah menjalankan perniagaan mereka lebih dari 10 tahun tidak akan diganggu dan disaman oleh pihak Dewan Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang menyebabkan ketiadaan pembantuan negara ialah penjenisan rakyat kita kepada bumiputera dan bukan bumiputera, bukan sahaja orang-orang dewasa yang merasai akan kesan-kesan penjenisan ini bahkan murid-murid sekolah pun sudah mula tahu apakah itu perkataan bumiputera dan bukan bumiputera demi bantuan digalakkan akan menggalakkan perpecahan sesama sendiri.

Saya mendesak Kerajaan dengan hati yang ikhlas supaya menghentikan penjenisan rakyat kita ini kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Akhirnya, Tuan Speaker, baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri kita telah mengemukakan bahawa orang-orang asing dan pertubuhan-pertubuhan seperti Amnesty International bolehlah mengambil tahanan-tahanan politik kita dengan suara mereka ini iaitu tahanan politik ini tidak boleh kembali ke negara ini. Pengumuman ini adalah tidak logik dan tidak dapat diterima akal sama sekali. Orang-orang tahanan adalah warganegara

Malaysia dan mereka berhak berada di tanahair mereka walaupun pandangan dan fahaman mereka adalah berbeza dengan pandangan Kerajaan. Namun Kerajaan mestilah menerima hakikat ini, apa lagi apabila ia melaung-laungkannya yang ia adalah sebuah Kerajaan yang berjaya dalam konsep demokrasi berparlimen.

Saya menggesa Kerajaan membebaskan tahanan politik yang tinggal di kem-kem tahanan di Kamunting dan Batu Gajah tanpa syarat atau sekiranya Kerajaan benar-benar mempunyai bukti yang mereka ini merupakan ancaman kepada negara, hadapkan mereka di mahkamah. Saya juga minta Kerajaan menetapkan hak keselamatan dalam negeri kerana undang-undang tersebut telah disalahgunakan untuk menangkap dan menahan orang-orang yang tidak berhubung langsung dengan pihak komunis. Saya dan rakan saya dari Batu Gajah telah menjadi mangsa akibat undang-undang tersebut bukan kerana kami ini komunis, tetapi disebabkan kami ialah memperjuangkan pelajaran bahasa ibunda yang terjamin oleh Perlembagaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

4.48 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh sahabat saya dari Dungun di atas Titah Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka telah menyentuh berbagai-bagai segi baikpun di segi pembangunan, kerohanian dan keselamatan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara, satu daripadanya di segi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu di segi pembangunan yang menjadi asas kepada kemakmuran, pendapatan rakyat ialah tiga. Banyak perkara salah satu daripadanya ialah jalan-jalan, baikpun jalan Lebuh raya iaitu jalan yang besar daripada

utara ke selatan, timur ke barat, begitu juga jalan-jalan luar bandar, bekalan air dan api elektrik.

Saya berharap sebagaimana dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, walaupun kita telah merdeka 25 tahun, banyak yang kita dapat, tetapi masih ada beberapa perkara lagi yang ketinggalan. Jadi, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya di negeri saya Perlis. Perlis ini soal billion tidak lebih, cuma setakat angka sejuta sahaja. Misalnya, dalam peruntukan Rancangan Malaysia Keempat untuk jalan-jalan luar bandar di Perlis yang saya dapati daripada pihak yang berkenaan ialah sebanyak 37 jalan-jalan kecil yang berjumlah batunya 63.2 batu, jadi maklumlah negeri Perlis hanya mempunyai 316 batu persegi. Tetapi yang mendukacitakan saya, setahu saya daripada pihak-pihak yang berkenaan yang boleh dipercayai peruntukan yang didapati oleh Negeri Perlis pada tahun 1982 ini tidak lebih daripada \$1.6 juta yang bererti \$1,600,000 tidak lebih peruntukannya untuk mengerjakan sukat dan sebagainya. Jadi kalaulah peruntukan 37 jalanraya yang dianggarkan tadi sebanyak \$20 juta yang memakan masa sampai tahun 1985 agak saya, kalaulah dalam masa suku Rancangan Malaysia Keempat baru \$1.6 juta bererti rancangan ini tidak dapat berjalan \$20 juta tidak lebih daripada suku rancangan.

Dengan sebab itu saya berharaplah pihak Kementerian Pusat atau pihak Kerajaan sebagaimana yang diucapkan oleh kawan saya dari Sabah tadi, Timbalan Ketua Menteri Sabah kata \$4 billion tetapi saya harap angka juta. Saya berharap sangat-sangatlah penambahan ini patut dilipatgandakan sekurang-kurangnya suku daripada anggaran Rancangan Malaysia Keempat iaitu 5 tahun pada rancangan pertama. Itu harapan saya sebagai kehendak rakyat Negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua mengenai bekalan air. Bekalan air ini adalah satu perkara yang amat sulit. Datang sahaja musim timur tentulah terpaksa memberi air dengan lori dan sebagainya walhal kalaulah bekalan air ini cukup bukan sahaja rakyat mendapat kesenangan bahkan Kerajaan juga akan mendapat faedah. Buktinya, oleh sebab

bekalan air di Perlis pada tahun ini telah tambah meningkat, hampir \$1 juta hasil daripada cukai air telah dapat dipungut oleh Pejabat Bekalan Air. Jadi saya berpendapat kalaulah peruntukan yang dikehendaki oleh rakyat Perlis semua dibekalkan dengan air, saya anggap keuntungan kepada rakyat mendapat kesenangan, kepada Kerajaan pula mendapat cukai air yang bertambah. Saya berharap sangat-sangatlah rayuan saya ini dapat perhatian daripada Kerajaan kerana ini benda yang tepat dan benar.

Juga dari segi elektrik, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana selalu saya bercakap Kerajaan Negeri Perlis adalah satu Kerajaan yang miskin, negerinya kecil, amat sedikit lagi yang tidak ada elektrik. Tetapi dengan sedikitnya inilah yang selalu dikacau, kalau benda itu banyak orang tidak kacau, jauh tidak nampak. Tetapi kalau tempat itu sendiri di kiri kanan dan di hadapan belakang ada elektrik tiba-tiba tentang tengahnya tidak ada, ini menjadi satu masalah yang rumit. Ini selalu dihadapi oleh rakyat di Perlis, apatah lagi kepada Wakil-wakil Rakyat di Perlis. Saya berharap sangat-sangatlah memandangkan kepada negeri yang kecil, boleh dikatakan di utara Malaysia yang kita sama-sama tahu, perhatian patutnya dilipatgandakan. Kalau boleh saya berharaplah kalau ada pilihanraya, sebelum pilihanraya itu patutlah dilaksanakan, kalau tidak pun ke arah itu dimulakan misalnya projek menanam tiang dan sebagainya; kalau hendak laksanakan sekali gus agak saya harus memakan masa. Jadi ini saya berharap sangat-sangat. Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga saya bercakap di segi pelancung. Walaupun ada barang-barang yang diimport, dikenakan cukai dan sebagainya, begitu juga yang dieksport, kita berharap ada perkara-perkara misalnya baju, pakaian tidur buatan negeri China yang terpaksa diimport dari Negeri Thai, benda ini bila dibawa masuk terpaksa pula bawa satu kenyataan lagi untuk dieksport ke tempat-tempat lain. Kadang-kadang untuk hendak dijual dalam Malaysia pun terpaksa dibuatkan satu borang lain. Jadi untuk memajukan pelancungan saya berharap sangat-sangatlah negeri-negeri yang berhampiran dengan

sempadan baikpun Padang Besar, begitu juga di Betong, Changloon dan sebagainya, tempat ini patut diberi kemudahan untuk menarik pelancung di antara kedua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada segi kerohanian. Saya amat berbangga kerana sejak Kerajaan memerintah hingga hari ini baik pun daripada Perikatan juga sampai kepada Barisan Nasional, untuk meninggikan taraf ugama Islam khususnya kita sangat-sangat berbangga.

Saya berpendapat bagi orang yang tidak mahu tengok sahaja tidak mengakui kenyataan ini tetapi bagi orang yang mahu tengok di segenap segi baikpun segi pembangunan untuk menegakkan agama, begitu juga cara siberan am, kalau orang mengkaji dengan teliti, dengan kenyataan, ini tidak boleh dinafikan. Sebagaimana asas untuk menegakkan agama, masjid dan surau misalnya, saya tidak tahulah di tempat lain, di tempat saya sendiri yang saya masih ingat masjid masih ada dalam kawasan Kangar yang kecil itu 49 buah dengan tahun ini yang baru dibuat, suraunya ada 75 buah, di segi agama selain daripada sekolah 26 buah, sekolah menengah 6 buah dan balai polisnya 5 buah. Ini semua saya ingat dan saya selalu tengok tempat-tempat yang berkenaan sedangkan masjid-masjid yang ada masa sebelum merdeka tidak ada, begitu juga surau. Ini sudah menjadi kenyataan, membuat surau dan masjid ini adalah satu tempat, misalnya macam kita buat Parlimen untuk mesyuarat Dewan Parlimen membuat undang-undang, kalau membuat masjid dan surau ini adalah untuk menegakkan Islam. Ini cara bangunan dan di segi siberan am menarik orang masuk Islam dan sebagainya.

Saya amat tertarik satu ketika Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah sendiri menyatakan kepada saya pada bulan dua tahun 1980 sahaja dia menarik orang-orang yang bukan Islam masuk Islam seramai 2,000 orang termasuklah yang menjadi ketua-ketua negara, Yang di-Pertua Negeri dan sebagainya. Ini satu kenyataan dan akhirnya ini membanggakan kita lagi disuarakan oleh Kerajaan khasnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri setelah melawat ke Timur Tengah yang mana salah

satu tujuan besarnya ialah untuk mengadakan satu Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia. Saya berpendapat patut rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam berbangga dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu. Ini patut kita berbangga, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu kemegahan bagi rakyat Malaysia apatah lagi bagi umat Islam. Saya berdoa agar rancangan ini dapat dilaksanakan dengan secepatnya.

Cuma satu harapan saya, kita akan menyediakan satu-satu tempat biarlah persediaannya daripada bawah. Kalaulah tidak silap saya bahasa penghantar yang akan digunakan oleh Universiti Islam Antarabangsa ini adalah bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Ini amat tepat sebagaimana alasannya kerana bahasa Arab walaupun kita tidak nafikan yang tidak tahu bahasa Arab banyak yang alim dan warak tetapi kita tidak nafikan sembahyang dan Quran kita berbahasa Arab. Itu amat tepat. Bahasa Inggeris adalah bahasa yang besar dalam dunia. Saya berharap kalau boleh sebagai permulaan sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah Agama yang masih ada dalam negara kita Malaysia hari ini sepatutnya kita melebihi bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Setahu saya, saya ini tidaklah fasih sangat tetapi sedikit sebanyak saya juga belajar bahasa Arab tetapi sebelum daripada itu menggunakan bahasa Arab dan Inggeris, kalau ada bahasa Melayunya pun terlampau sedikit tetapi akhir-akhir ini setahu saya kalau tidak silap ramai murid-murid yang masuk belajar sekolah Arab tetapi tidak boleh berbahasa Arab.

Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat sebagai persediaan kita ke tempat itu patutlah dan saya mencadangkan supaya sekolah-sekolah agama khususnya sekolah-sekolah Arab misalnya di Perlis ada sekolah agama di Arau, begitu juga kalau tidak silap saya di Kelantan, namanya saya lupa tetapi sangat masyhur dan banyak lagi sekolah-sekolah Arab yang ada. Jadi saya berharap sangat-sangat sebagaimana yang saya katakan tadi banyakkah bahasa Arab dan bahasa Inggeris walaupun Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan jangan kita ketepikan.

Saya takut seperti kata orang ini tidak menjadi mustahil walaupun Universiti Islam Antarabangsa itu akan ditegakkan di Malaysia, itu harapan kita, tetapi sebagai bahasa penghantar yang digunakan ialah tetap bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Kalau sebagai asasnya akan pergi ke tempat itu walaupun belum tahu lagi bahasa Arab dan Inggeris, ia boleh masuk tetapi untuk menghafal, untuk belajar amat lama masanya sebelum ia akan dapat tangkap di segi-segi pelajaran yang lain. Oleh sebab itu, kita berharap dua kita hendak sekali. Satu, kemegahan sebagai taraf Islam, Universiti Islam Antarabangsa yang ada di Malaysia itu sebagai kemegahan kita bersama tetapi buat kata orang, janganlah bila diadakan Universiti Islam Antarabangsa yang peratusnya daripada Malaysia amat berkurangan.

Saya harap sebagaimana saya katakan tadi kalaulah pelajar-pelajar kita tadi diutamakan bahasa Arab dan Inggeris, kita bukan tamak, tetapi amat pelik kalau diadakan di negara kita sedangkan pelajar di Malaysia hendak masuk syaratnya tidak mencukupi dan ditepati. Dengan sebab itu, saya berharap sangat rayuan yang saya minta ini dapat dipertimbangkan oleh pihak berkenaan bila Universiti Islam Antarabangsa itu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi yang saya hendak bercakap secara ringkas iaitu Sibaran Am. Sibaran Am ini amat penting. Walau bagaimana kita buat kebaikan dan pembangunan tanpa diketahui oleh rakyat perkara ini tidak dapat difahami oleh rakyat, dengan sebab itu berbangkit berbagai salah faham. Misalnya, 3M hari ini. Kalau mengikut keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berpendapat tidak patut ada golongan dalam rakyat Malaysia yang tidak puas hati lagi. Benda ini sudah nyata. Kerajaan kita sebagaimana dikatakan oleh kawan-kawan saya yang lain kita berjalan mengikut tamaddun, kalau hendak ikut cara agamapun ikut cara agama yang cukup baik. Dalam ayat, kalau tidak silap saya dari Surah Hudjrat, ayat 13 yang bermaksud: "sesungguhnya Kami telah ciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan

bersuku puak supaya kamu berkenalan beramah mesra di antara satu dengan lain". Ini dasar Kerajaan kita sebagai mana kata **Yang Amat Berhormat**. Inilah yang nyata kepada kita. Kita hendak berbaik antara satu dengan lain, di antara satu puak dengan satu puak, di antara satu kaum dengan satu kaum. Kita tidak ada tindih-menindih. Saya yakin kalau satu golongan itu faham betul-betul, perkara-perkara tidak diingini tidak akan berlaku dan saya berharap sangat-sangat sebagai seorang rakyat yang setia kepada negara dan ingin kepada perdamaian dan perpaduan juga kepada keselamatan, kepada parti-parti yang masih ada dalam negara kita baik parti Pembangkang patut kita sama-sama insaf, gunakanlah penerangan dan dakyah-dakyah kita itu kepada yang membawa kepada perpaduan walaupun kita ingin dapat kuasa atau dapat tempat. Saya bimbang kalau menggunakan cara perkauman dan **menggunakan keagamaan dan sebagainya** dengan menarik orang kampung, ini saya amat takut.

Biarlah saya bercakap dengan terus terang dengan seikhlas hati saya, saya suka ada setengah parti Pembangkang. Kalau tiada parti Pembangkang negara kita juga tidak seronok sebagaimana Tuan Yang di-Pertua biasa menjadi Tuan Pengerusi, bila senyap segala-galanya lengang . . .

Tuan Yang di-pertua: Jangan dikaitkan saya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tarik balik. Saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua biasa kata bukan suka, ada parti Pembangkang seronok kadang-kadang

Tuan Yang di-Pertua: Ialah, untuk menguatkan hujah, janganlah dikaitkan saya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, maksud saya kita sebagai satu negara yang mengamalkan demokrasi ada tegur-menegur. Ini ada satu kebaikan tetapi janganlah tegur-menegur seperti setengah parti Pembangkang yang sanggup mendakyah di segi perkauman hingga membawa fahaman setengah masyarakat jauh daripada hendak Allah dan kehendak perpaduan. Saya mengalu-alukan kalau ada pilihanraya, patutlah kita mendakyah di

antara satu dengan lain cara perpaduan, cara yang baik tetapi jangan kita sanggup asalkan aku akan jadi Wakil Rakyat, aku akan mengambil tempat, apa hendak jadi, jadilah. Ini saya harap dan merayu kerana saya yakin sebagai Kerajaan kita yang demokrasi kita ada perlembagaan, andai kata perkara yang tidak diingini akan berlaku kita tentu rugi, kita yang mendakyah akan rugi. Sebagai contoh yang berlaku pada 13 Mei, 1969 kerana dalam Perlembagaan kita Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada kuasa kalau difikirkan keadaan darurat dan sebagainya disebabkan oleh setengah daripada dakyah yang membawakan huru-hara maka di kala itu saya percaya pihak-pihak berkenaan akan menyesal. Sebagai kata pepatah, "sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna".

Dengan sebab itu saya harap dakyah secara **perkauman dan cara agama** yang membawa pecah-belah ini sama-samalah kita jauhkan. Kita mainlah politik yang betul-betul cara gentleman untuk membawa kepada perpaduan, tunjukkan kenyataan-kenyataan yang benar yang setakat boleh kita bawa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap satu lagi tentang keselamatan. Saya amat dukacita kerana saya lihat baru-baru ini seorang daripada polis biasa kena tembak. Ini walaupun dijawab oleh Timbalan Menteri tadi akan mengadakan secara special macam mana kita selalu lihat dalam TV dan sebagainya, saya berharap rancangan ini diadakan seberapa segera yang boleh. Walaupun rancangan polis kalau tidak silap Kementerian Dalam Negeri akan adakan rancangan dalam jangka masa 10 tahun 110,000 pegawai keselamatan, tetapi saya harap sangat-sangat, kalau perkara ini mustahak tidak usah ditunggu sampai berpuluh tahun. Adakan daripada sekarang ini seberapa segera yang boleh kerana apa yang kita lihat pada hari itu seorang yang tidak berdosa dibunuh. Ini adalah salah satu daripada sebab kalau seperti kata Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi ada pengapit dan sebagainya seperti radio-car dan sebagainya perkara itu dapat dikesan dengan serta-merta tetapi kalaulah, cakap orang Perlis 'tercangak-cangak' maknanya seorang sahaja yang mengawal, apa yang berlaku itu

akan berlaku lagi. Saya harap pegawai keselamatan ini patut dilipat-gandakan seberapa yang boleh begitu juga sebagai RELA sepatutnya dibesarkan dan ditimbangkan kedudukannya semula.

Saya amat dukacita, saya tahu baru-baru ini kursus pegawai RELA yang telah diadakan di Kuala Lumpur oleh seluruh RELA Malaysia, saya dapat tahu pegawai-pegawai ini elauannya tidak lebih daripada buruh ataupun lebih sedikit daripada itu. Tentang namanya 'Pegawai RELA Daerah', elauannya tidak sampai \$500, penolong pegawainya tidak sampai \$400. Saya berharap dan merayu pihak berkenaan patutlah timbang semula kedudukan mereka dan kalau boleh RELA yang berkawal patut kita buat kajian. Janganlah kita selalu merayu kepada pihak rakyat berkorban kerana negara tetapi tentang kita sendiri, minta maaf, selalu saya katakan, tiap-tiap kali elau masyarakat kita ada dan elauun berbagai-bagai. Saya berharap sangat kepada orang yang begini patut kita mengkaji. Begitu juga untuk menstabilkan keselamatan, sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bukan sahaja askar kita hendak, fahaman kepada rakyat, dengan sebab itu di segi perpaduan sivik patut dititikberatkan dan kalau boleh di segi Rukun Tetangga juga patut dilipat-ganda seboleh-bolehnya, biar ditiap-tiap tempat di negara kita ini patut diadakan Rukun Tetangga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang akhirnya, saya pergi kepada Sibaran Am dan juga TV. Saya amat bangga dengan sibaran am hari ini khasnya TV Malaysia yang mengadakan bacaan Quran tiap-tiap kali permulaan TV dan juga penutupnya. Dengan itu saya harap sangat-sangat kalau boleh banyakanlah sedikit surah dan ayat yang dibaca, maknanya jangan selalu diulang-ulang dengan 3, 4 ayat. Kalau tidak silap saya tidak lebih daripada 5, 6 surah ini selalu dibaca. Kalau boleh rakam banyak sedikit surah yang patut dibaca.

Kedua, kebetulan pada 22hb Januari, saya berada di hospital. Saya dapat mendengar kutbah yang dibacakan dari Masjid Negara

melalui radio. Saya amat tertarik, kalaulah rancangan-rancangan lain boleh diulang, saya berharap rancangan ini juga patut diulang kerana orang yang pergi masjid, ada setengah tidak dapat dengar, kalau dia dengar perkara-perkara semacam ini menambahkan semangat di segi takwa dan sebagainya. Ini barulah sesuai dengan kehendak Kerajaan kita, kebendaan dan kerohanian, keselamatan sama-sama kita tegakkan untuk menjadikan satu negara yang aman damai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.10 ptg.

Tuan Racha Umong (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh dengan penghargaan ribuan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8hb Mac, 1982 yang lalu.

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu adalah menyeluruh kerana Baginda berucap peringkat demi peringkat bahawa beliau mengutamakan dengan segala pujian-pujian kepada nama Allah kerana ia melimpahkan segala kuasa dan kurnianya kepada seluruh negara kita Malaysia, seterusnya kepada Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat serta Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat. Maka di sini saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk mengingatkan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu sekali lagi yang mana menyatakan bahawa tahun ini kita menyambut suku abad yang pertama sebagai negara yang merdeka dan yang berdaulat dan seterusnya melangkah ke suku abad yang kedua dengan hasrat dan harapan yang tidak kurang tinggi nilainya daripada hasrat dan harapan yang mendorong pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu ketika berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara kita ini supaya kerjasama tiap-tiap lapisan Yang Berhormat

Menteri-menteri dan setiap lapisan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan setiap lapisan pejabat ataupun pegawai masing-masing harus bekerjasama tolong menolong satu sama lain untuk melaksanakan segala bidang projek pembangunan negara kita agar tidak timbul lagi perkauman di antara suku kaum di negara kita ini dan supaya aman damai terus menerus.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ini adalah merupakan satu jaminan untuk menghapuskan kemiskinan bagi semua kaum dengan tujuan melancarkan rancangan-rancangan lebih-lebih lagi giat untuk memenuhi kesilapan-kesilapan yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa di sini juga saya merayu kepada semua pihak pejabat, pekerja dengan persatuan kerana bekerja dengan tiada perbuatan iaitu kosong.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru begitu supaya pejabat-pejabat yang bertanggungjawab bekerja dengan perbuatan bukan dengan tidak perbuatan, kerana telah disebut dalam andai kata kerja dengan tiada perbuatan iaitu kosong.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa di sini saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan kita telah melancarkan berbagai-bagai projek pembangunan di sana-sini di dalam negara kita ini dengan giat dari bandar ke bandar dan lebih-lebih lagi untuk rakyat bumiputera yang terpencil di luar bandar yang sedang mengalami kemiskinan. Kerajaan telahpun melancarkan dan sedang melancarkan projek pembangunan umpamanya perumahan kos rendah ataupun murah, skim-skim tanaman-tanaman di beberapa negeri di dalam negara kita ini. Tetapi adakah Kerajaan atau Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada sebilangan besar lagi penduduk-penduduk rakyat luar bandar yang miskin dan yang kediaman mereka di ulu-ulu sungai, di pergunungan-pergunungan yang perlu Kerajaan melancarkan projek pembangunan dengan secepat mungkin seperti di Ulu Kelantan iaitu Gua Musang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu rombongan terdiri dari beberapa Ahli Yang

Berhormat atau Wakil Rakyat yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah Persekutuan untuk melawat satu projek yang besar-besaran di Ulu Kelantan iaitu Gua Musang. Bahawa di tempat-tempat tersebut sungguhlah menarik, pandangan yang luas dan alam sekitar dan skim perumahan murah untuk orang-orang yang susah atau miskin dan bermacam-macam skim tanam-tanaman di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa di sini saya merayu kepada Kerajaan atau Menteri yang berkenaan untuk mengingat serta membetulkan atau menggenapkan keadaan kesilapan-kesilapan yang sudah-sudah. Umpamanya di Sarawak dan di Sabah dan di tempat-tempat lain di Semenanjung yang sejauh-jauhnya dengan Ulu Kelantan iaitu Gua Musang dari bandar atau lebih dekat lagi dari itu yang penduduk-penduduknya terdiri dari rakyat-rakyat bumiputera yang miskin. Kenapa? Kerajaan terlupa, tidak mengadakan projek seperti di Gua Musang untuk Sarawak dan Sabah dan di tempat-tempat lain yang jauh di ulu umpamanya di Sarawak di Long Sukang, Long Semadoh, di Bakalalan, Bario, Long Jaweh dan sebagainya barangkali mungkin terlupa atau silap. Saya harap jangan tersilap sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di tempat tersebut saya minta Kerajaan untuk menghubungkan dengan jalan-jalanraya seperti Gua Musang dengan secepat mungkin di Sarawak seperti yang saya sebutkan dalam andai kata beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Laksanakanlah projek dan jalanraya sedikit demi sedikit tiap-tiap tahun jadi juga bukit, hujung-hujung pun jadi gunung. Barangkali soalnya kepada Kerajaan sukar dibuat. Tetapi kenapa, jalanraya-jalanraya dari bandar Kelantan dapat dihubungkan dengan Gua Musang. Sebenarnya rakyat lebih sukar jikalau tidak dihubungkan dengan jalanraya, kerana mereka tidak boleh membawa hasil dari tempatnya ke bandar untuk dijual.

Untuk mengakhiri ucapan saya, agar menjadi hasilnya untuk Sarawak dan Sabah lawatan kami ke Gua Musang itu, saya mohon Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah saya harap melawat di Sarawak

dan Sabah untuk meninjau tempat yang tersebut tadi dapatlah dibuat projek, dapatkah dibuat jalanraya atau tidak, tidak juga patut kalau tidak dibuat kerana saya sudah melihat di Gua Musang sebegitu jauh. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

5.21

Tuan Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 8hb Mac, 1982.

Sesungguhnya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memang disanjung tinggi oleh seluruh rakyat jelata kerana ia memberikan manfaat dan pandangan serta nasihat yang sangat berguna kepada seluruh lapisan masyarakat majmuk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara yang mana pada anggapan saya sangat perlu diberi perhatian oleh Kerajaan memandangkan keadaan semasa yang berlaku di negara ini. Memandangkan masalah keselamatan merupakan priority kepada pertahanan negara maka sudah tentu sesuatu perlu dibuat untuk mengisi kekosongan tersebut. Ini bukan sahaja memastikan kita mempunyai anggota yang mencukupi tetapi mempunyai senjata yang lengkap dan sophisticated. Justeru itu pada pendapat saya kita janganlah sentiasa bergantung kepada negara-negara luar sahaja bagi mendapatkan alat-alat peperangan kita. Kita mestilah memperhitungkan keperluan jangka panjang kita. Meskipun kita mempunyai anggota yang cukup cekap serta berdisiplin tinggi ia masih tidak mencukupi jika kita masih bergantung untuk membeli senjata daripada luar. Perbuatan bergantung dengan negara asing amat membahayakan semasa peperangan atau darurat kerana ia boleh disabotage pada bila-bila masa sahaja.

Tauladan amat jelas apa yang berlaku di Timur Tengah bila ia terlalu mengharapkan bantuan senjata dari luar dan akibatnya

negara itu sentiasa dalam keadaan kalah dalam peperangan. Kita perlu mempunyai kilang sendiri sekurang-kurangnya dari jenis ringan seperti machine-gun ataupun membuat bom tangan atau senjata-senjata kecil-kecilan.

Kalau negara Singapura yang mempunyai kira-kira dua juta penduduk dapat mencipta senjata ringan sendiri, saya tidak nampak mengapa Malaysia tidak mampu berbuat demikian. Mungkin berbagai alasan akan diutarakan, mengapa kita tidak boleh berbuat demikian tetapi alasan-alasan itu tidak perlu kerana kepentingan negara adalah perlu diutamakan terlebih dahulu. Ini tidak bermakna kita mesti berasingan dengan negara jiran tetapi apa yang perlu kita mesti bersiap sedia menghadapi apa-apa kemungkinan memandangkan dunia sentiasa bergelora. Di samping itu, saya juga meminta pasukan keselamatan kita terus memperhebatkan rondaan di Lautan Sulu bagi menjaga keselamatan di Sabah. Namun demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan kerana telah berjaya menumpaskan serangan lanun di Lautan Sulu itu sejak kebelakangan ini sedikit benar berlaku keadaan serupa.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa yang mendapat sokongan daripada negara-negara Islam memang dialu-alukan oleh setiap umat Islam di negara ini dan ia merupakan satu langkah positif untuk melaksanakan undang-undang Islam peringkat berperingkat di negara ini.

Langkah Malaysia untuk menubuh pasaran baharu logam bagi menggantikan pasaran logam London memang dialu-alukan, kerana ia merupakan langkah yang positif untuk memerdekakan ekonomi negara-negara **pengeluar bijih timah.** Kementerian Perusahaan Utama perlulah mengambil daya usaha yang positif agar cadangan yang amat baik itu akan menjadi reality. Malaysia dalam perkara ini perlu mengambil sikap lebih berani lagi agar semua bahan-bahan utama kita seperti getah juga dapat dipasarkan. Dengan sistem pasaran sendiri itu, saya percaya dengan wujudnya pasaran terus dari pengeluaran kepada pengguna ia lebih

menguntungkan kepada para petani terutama para penoreh getah akan menikmati harga yang lebih lumayan.

Dengan ini sekali lagi saya menyokong Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

5.27 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membincangkan usul yang dikemukakan oleh wakil dari Dungun untuk mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya pada Dewan ini.

Seri Paduka Baginda telah mengingatkan kita pada detik-detik sejarah yang dilalui oleh negara kita selama 25 tahun ataupun suku abad negara kita mencapai kemerdekaan. Dan ingatan ini adalah satu perkara yang patut kita teliti sebagai satu pengajaran tentang peristiwa-peristiwa penting yang dihadapi oleh negara kita supaya kesilapan-kesilapan yang telah kita lakukan dan pencapaian-pencapaian yang kita hasilkan dapat dijadikan panduan yang berguna untuk kita menjangkau di masa-masa hadapan bagi negara dan rakyat Malaysia.

Kalau kita hendak ulang kaji peristiwa-peristiwa penting itu maka kita dapati terdapat juga kesilapan-kesilapan yang sungguh menyayat hati akibat daripada percaturan-percaturan politik yang mementingkan sesuatu penyelesaian yang tidak mendalam dan keputusan-keputusan yang mendarat terhadap sesuatu persoalan politik yang menentukan masa hadapan kita. Di antara perkara-perkara itu sudah lalu tidak dapat dibincangkan kerana ia sudah disenaraikan di dalam perkara-perkara yang sensitif dan bagaimanapun berhaknya sesuatu golongan daripada masyarakat Malaysia untuk mempersoalkan tentang perkara itu dan bagaimana benar pun haknya itu tetapi

apabila ia telah disenaraikan sebagai perkara-perkara sensitif ia akan dianggap sebagai pelampau, ia akan dianggap sebagai penjenayah dan ia akan dianggap dan diberi gelaran-gelaran yang tidak siapa pun menyukainya. Bagaimanapun kita harus dapat mengulangi bahawa pembentukan ataupun kemerdekaan negara kita ini adalah hasil daripada suatu tawar-menawar yang mana tawar-menawar itu ialah di antara bumiputera negara ini dengan kaum-kaum pendatang yang telah bersetuju untuk menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara baru dan negara yang akan menuju kepada suatu identiti yang tersendiri.

Di dalam tawar menawar itu walaupun pemimpin-pemimpin yang lalu daripada bumiputera telah mementingkan soal quantity daripada quality, mengambil harga tembaga dan menyerahkan harga emas untuk mengakui satu reality yang wujud dalam masyarakat kita, namun demikian untuk mengakui reality masyarakat itu mereka telah menyerahkan hak-hak yang paling berharga kepada kaum-kaum pendatang dengan jaminan bahawa kaum-kaum pendatang itu akan dapat menerima hakikat dan akan dapat memenuhi inspirasi bahawa suatu bangsa Malaysia yang mempunyai identiti yang tersendiri akan dapat menjamin kestabilan dan juga kesejahteraan bagi seluruh rakyat negara ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Penerimaan itu adalah dalam bentuk suatu jaminan ataupun dalam bentuk janji yang menunjukkan bagaimana kesilapan kita di dalam politik dunia moden bahawa kita tidak menerima suatu hakikat kekuatan politik dalam dunia moden dan kestabilan di dalam menuju kepada suatu matlamat yang tinggi dalam dunia moden ini tidak sangat bergantung kepada janji dan jaminan, bahkan ia mestilah bergantung dengan erat dan kuat kepada hak dan kedaulatan yang diakui dan diperolehi serta dijadikan sebagai suatu tenaga yang dapat menjalankan keadilan bagi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pergantungan kita kepada janji dan jaminan itulah menyebabkan timbulnya suatu keadaan yang sungguh tidak diinginkan di dalam Dewan ini tentang sifat dan keadaan ataupun tentang

tabiat masyarakat Malaysia di masa hadapan, apakah ianya hendak dikekalkan sebagai suatu masyarakat majmuk ataupun ianya akan menuju kepada suatu perkembangan yang akan mewujudkan suatu bangsa yang mempunyai identiti yang tersendiri dan berpijak dan di dalam suasana yang wujud dalam negara kita ini berdasarkan sejarahnya, bukan berdasarkan kepada sejarah negara-negara lain atau masyarakat yang lain.

Kalau dahulunya orang-orang Cina memberi kepercayaan kepada MCA sewaktu di saat-saat kita mencapai kemerdekaan dan pemimpin-pemimpin MCA di waktu itu memberi janji dan pengakuan bahawa mereka akan menuju kepada matlamat yang ditetapkan itu, iaitu mewujudkan suatu bangsa Malaysia yang mempunyai identiti yang tersendiri tetapi sepertimana yang saya katakan tadi bahawa politik tidak boleh bergantung hanya kepada janji dan jaminan tetapi ia hendaklah bergantung kepada hak dan kedaulatan. Apabila hak-hak ini telah ditukarkan kepada janji semata-mata atau dengan lain perkataan pergantungan rakyat bumiputera ini kepada hak ditukarkan kepada pergantungan kepada janji, maka janji itu boleh berubah.

Kita lihat bahawa masyarakat Cina telah memberi kepercayaan berdasarkan kepada majority yang dicapai kepada parti yang lain, iaitu kepada DAP. Sekarang ini apabila pertukaran itu berlaku maka janji tadi telah dilupakan dan kita lihat suatu tuntutan baru, suatu kehendak baru yang disuarakan oleh wakil dari Petaling, iaitu bahawa ia mahu mengekalkan masyarakat majmuk dan tidak menerima bahawa masyarakat majmuk ini suatu fenomena yang sementara yang akan berakhir kepada suatu bentuk masyarakat yang mempunyai identiti yang sendiri, ini adalah suatu perkembangan. Bagi saya adalah suatu perkembangan yang jauh surut ke belakang setelah 25 tahun kita mencapai kemerdekaan.

Dengan penjelasan itu bermakna bahawa perkembangan yang tidak sihat telah berlaku dikalangan masyarakat Cina, iaitu sudah lagi tidak mengakui tentang jaminan dan janji mereka bahawa mereka hendak menuju kepada suatu matlamat, iaitu suatu pembentukan sebuah masyarakat Malaysia

yang bersatu padu dan mempunyai identiti yang tersendiri bahkan mereka hendak mengekalkan suatu keadaan yang jauh daripada apa yang hendak dicapai dan apa yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Saya rasa bahawa tuntutan itu tidak akan timbul melainkan setelah mereka merasakan adanya kekuatan yang tertentu yang dapat mereka merungkaikan janji dan jaminan yang dahulu dan kalau inilah yang hendak diteruskan oleh rakyat dan oleh kaum Cina saya rasa kita sedang menuju kepada masa hadapan yang tidak menentu dan meragukan. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu peristiwa yang patut kita mengkaji dengan teliti dan dengan secara yang insaf dan adil.

Yang kedua, peristiwa yang besar yang berlaku dalam masa 25 tahun kita mencapai kemerdekaan—saya terpaksa menggambar secara simbolik sedikit iaitu peristiwa bagaimana kita melepaskan Singapura sebagai sebahagian daripada Malaysia. Sesuatu perhitungan politik yang boleh dikatakan seorang yang henuak menjadi bomoh untuk mengubati orang yang dirasuk hantu, syaitan dan iblis yang dibela oleh penjajah

Tuan Yang di-Pertua: Yang dibela oleh siapa hantu, syaitan itu?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Dibela oleh penjajah.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, oleh penjajah!

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: dan untuk menjadikan kita seorang bomoh yang kuat, yang berkebolehan, kita membela hanturaya ataupun sanggup membela hanturaya. Hanturaya seperti mana dalam kepercayaan khurafat orang-orang yang lama dia memakan telur. Sekali hanturaya itu hendak telur kita beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak percaya?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang terhormat tidak percayakah? Kalau tidak percaya tidak payah cakaplah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ini dalam cerita "mithos".

Tuan Yang di-Pertua: Ialah. Kalau tidak percaya tidak usah cakaplah. Sila teruskan. Ibarat yang lain pula.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Jadi itu yang tepatnya di dalam 'Mithos' ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Jadi, setiap kali hanturaya itu berkehendakkan makanan diberinya telur tetapi apabila sudah tidak ada telur lagi yang hendak diberi maka hanturaya sendiri yang akan memakan tuannya dan inilah suatu keadaan dan keputusan politik yang berdasarkan cara ini iaitu bahawa apabila sesuatu keadaan yang kita hendak mengubah sejarah, kita mencari sesuatu perkara yang tidak diperhitungkan secara teliti lalu apabila kita memikunya dan tidak dapat memikunya berlaku sesuatu ketegangan kitapun mengambil suatu keputusan yang remeh, suatu keputusan yang cetek, suatu keputusan yang kita sanggup memberikan apa sahaja hak kita dengan tidak ada sedikitpun rasa sayang kepada apa yang kita miliki. Dan kalaulah keadaan politik ini diteruskan nescaya pada suatu masa esok satu kawasan dan daerah di mana ada berlaku pergolakan maka kita juga akan mengambil suatu sikap yang sama iaitu kita akan memotong bahagian itu kerana kita tidak sanggup menanggung risikonya. Akhirnya kita akan menjadi mangsa kepada suatu sikap dan suatu gelombang yang boleh diibaratkan sebagai sikap hanturaya kalaulah sekiranya kita berpolitik secara ini terus menerus.

Jadi, pimpinan yang sekarang ini saya tidak mahu membincangkan sama ada pimpinan UMNO atau PAS atau DAP atau sebagainya, tetapi ialah pimpinan kepada masyarakat Malaysia seluruhnya mestilah menyedari dan mestilah mempelajari daripada sejarah ini bahawa kita hendaklah menghargai hak lebih daripada rasa takut dan lebih daripada andaian-andaian masa hadapan yang belum tentu terjadi sebagaimana andaian-andaian yang kita buat kerana ini adalah melibatkan soal tanggungjawab kita, melibatkan soal nasib masa hadapan kita, melibatkan orang-

orang yang kita pimpin dan juga melibatkan sejarah bangsa dan sejarah negara serta tamaddun sesuatu bangsa dan tamaddun sesuatu kebudayaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini suka menyentuh tentang hasrat Kerajaan untuk menarik perhatian kepada negara-negara Timur sebagai suatu inspirasi bagi menggerakkan tenaga pembangunan menuju kemajuan yang lebih pesat. Saya rasa bahawa langkah yang demikian mestilah dijelaskan dengan lebih terang dan nyata, apakah ianya sebagai suatu trend ataupun sebagai suatu konsep. Apakah ianya hanya melibatkan soal-soal pemindahan teknologi semata-mata ataupun dasar ataupun dasar itu melibatkan soal-soal yang lebih luas dalam usaha-usaha kita untuk membentuk sebuah masyarakat yang lebih bertamaddun dan mencapai suatu peringkat kemajuan yang lebih tinggi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada masa seminit lagi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya rasa kalaulah sekiranya untuk membentuk suatu kemajuan dan tamaddun yang lebih tinggi sama ada kita pergi ke Timur atau ke Barat bukanlah ia menjadi faktor yang terpenting tetapi yang lebih penting daripada itu ialah apa yang berlaku dalam masyarakat kita.

Persediaan-persediaan yang wujud dalam masyarakat kita kerana jika sekiranya kita menghantar misalnya pelajar-pelajar kita ke Jepun dan sebagainya tetapi apabila kita kembali ke dalam negara kita dalam suatu suasana yang sama, orang yang kembali daripada Jepun atau daripada manapun akan mempunyai suatu keupayaan yang terbatas dan terhad seperti mana dahulu apabila orang-orang kita pergi ke England atau ke manamana negara Eropah, tetapi dengan pemikiran atau sikapnya itu sebagai 'anak' kepada tanah jajahannya. Apabila ia kembali ke tanah air ia tidak dapat mewujudkan suatu perubahan yang sebenarnya kerana perkembangan yang ada di dalam negara kita itu terus dikongkong oleh suatu sikap, oleh suatu pemikiran yang tidak dapat menerima

apa-apa yang baik yang datang daripada Timur ataupun Barat terutamanya dalam negara kita sekarang ini di mana tenaga-tenaga yang kita harapkan untuk menjadi tenaga berfikir dikongkong dan untuk menulis artikel misalnya mengemukakan pendapat terpaksa meminta kebenaran sepertimana yang wujud, yang dicatitkan atau yang diperuntukkan dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej.

Di dalam suasana yang terkongkong ini walaupun kita mengambil, walaupun kita latih orang dari Amerika atau dari England atau dari Jepun atau dari Korea, tetapi apabila kita kembali dan meletakkan mereka di bumi Malaysia, mereka tidak akan bergerak sebagaimana orang-orang Jepun ataupun orang-orang Korea kerana yang lebih penting ialah suatu keadaan yang dapat mencetuskan perubahan yang ada di dalam negara kita ini. Inilah yang perlu terlebih dahulu dibentuk. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Alor Setar.

5.50 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai Titah Di-Raja yang disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaian sidang Parlimen.

Amatlah mengembirakan mendengar daripada Titah Di Raja bahawa walaupun terdapat kemerosotan yang berlanjutan di negara-negara membangun dengan itu menyebabkan kejatuhan harga barang seperti timah, getah dan pengeluaran-pengeluaran daripada kayu-kayuan di pasaran dunia tetapi sebaliknya masih ada terdapat perkembangan ekonomi yang membanggakan di dalam negeri kita manakala diperbandingkan dengan negara-negara yang lain. Walaupun demikian, Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa negara kita mesti berbanding bahu dengan negara-negara Asean mengkoordinasikan dasar-dasar perdagangan mereka untuk melindungi hak-hak nasional dan kawasan mereka oleh sebab adanya terdapat perkembangan bukti-bukti

yang terlindung diamalkan oleh negara-negara perindustrian. Negara-negara membangun pada amnya dan negara-negara Asean khususnya mesti mengambil sesuatu tindakan secara terang-terangan bagi menghalang dasar: "Heads I win, tails you lose", atau kepala saya menang, ekor anda kalah diamalkan oleh negara-negara yang telah maju. Tujuannya harga-harga timah di pasaran dunia inilah satu-satu tauladan yang amat jelas sekali di mana-mana negara yang maju boleh mempermainkan harga barang-barang dengan cara yang bijak bagi faedah mereka tetapi merugikan negara-negara membangun.

Sukar untuk dipercayai bahawa Pegawai-pegawai Pasar Saham Logam London agar mengambil tindakan langsung bagi menahan jualan-jualan singkat yang berleluasa itu oleh pedagang-pedagang mereka yang mana mewujudkan ketidakstabilan di pasaran tetapi sebaliknya dengan serta-merta menukar peraturan-peraturan untuk menimba keluar penjual-penjual singkat itu. Kerosakan pasaran timah ini mewujudkan perpecahan kepada Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Kelima (ITA) dan ini telah mewujudkan kesangsian yang serius sekiranya Perjanjian Timah Antarabangsa keenam akan bermula seperti yang telah dijadualkan pada 1hb Julai.

Kita semua tahu bahawa negara-negara Asean sebagai satu kumpulan pengeluaran dan mengekspor sekurang-kurangnya 60% pengeluaran-pengeluaran perdagangan kepada negara-negara yang telah maju dan dalam masa yang sama negara-negara Asean mengimport sebahagian besar perdagangan negara-negara perindustrian. adalah rasa sedih untuk menyatakan bahawa negara-negara Asean masih berkehendak kepada kordinasi yang cukup bagi mengambil langkah bersama untuk melindungi hak-hak mereka di sisi nasional dan kawasan yang besar.

Saya berharap dengan ikhlasnya bahawa Kerajaan kita akan mengepalai pimpinan untuk merumuskan suatu dasar perdagangan Asean supaya ianya boleh berdagangan sebagai suatu kumpulan dengan negara-negara perindustrian. Satu lagi faktor yang merumitkan yang diambil oleh negara-negara

yang telah maju ialah menukar peraturan-peraturan jika negara tidak dapat berasingan dengan negara-negara membangun.

Saya merujuk kepada pertukaran Peraturan-peraturan Pasaran Saham London menyusuli Kerajaan dengan dini hari mengambilalih syarikat Guthrie. Saya yakin bahawa Kerajaan kita akan meneruskan mengamalkan arahan iaitu sekalian tawaran-tawaran termasuk penawaran British berkehendakkan kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri supaya mereka dapat mengubahkan dasar kepala saya menang, ekor anda kalah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya telah menyentuh dasar-dasar perdagangan negara kita dengan lain-lain negara. Saya ingin membuat komen-komen berkaitan dengan arahan-arahan diberi oleh Kementerian Kerajaan. Ada sebutan pada amnya di antara orang-orang kita bahawa tiada ada kesenangan di beberapa negeri-negeri berkenaan dengan arahan diberi oleh Kementerian Persekutuan. Ada suatu arahan diberi oleh Kementerian Kewangan pada suatu masa dalam tahun 1980 supaya diberi kompensasi bagi mengangkut tanah merah daripada tempat asal ke tempat kerja pembekal-pembekal swasta yang menjalankan kontrak-kontrak Kerajaan akibat kenaikan harga bahan api disel pada ketika itu. Walau bagaimanapun, ada negeri-negeri yang tertentu yang telah membayar kompensasi itu kepada kontraktor tetapi banyak kontraktor di negeri Kedah, khususnya kontrak diperbuat dengan Jabatan Parit dan Taliair yang masih menunggu untuk mendapat kompensasi mereka. Saya yakin Kerajaan akan meneliti masalah ini supaya terdapat kesenangan berkenaan dengan arahan-arahan Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Titah Ucapan Di Raja yang telah disampaikan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.55 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Titah

Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di Dewan ini, saya percaya tidak ada siapa yang harus memperkecil-kecilkan akan seruan, harapan dan garis panduan yang diberikan oleh Baginda untuk menjadi landasan bagi Kerajaan dan seluruh rakyat negara ini bagi mencapai kejayaan dan seterusnya berjaya dari semasa ke semasa.

Titah Baginda yang meliputi seluruh aspek pembangunan ekonomi, masyarakat, pentadbiran, agama dan sebagainya itu adalah mencerminkan satu hasrat dan keazaman Baginda dan Kerajaan ke arah satu aspirasi baru yang harus Kerajaan laksanakan di negara ini bagi dapat disempurnakan segala yang belum sempurna dan seterusnya melengkapkan yang sedia ada serta mencorak dan melaksanakan sesuatu yang lebih manfaat ke arah kesejahteraan rakyat dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah intisari yang harus difahami dan disedari oleh kita semua, terutama pihak yang membuat dasar, pihak yang melaksanakan dasar dan juga pihak yang menerima dasar itu sendiri. Saya berkata begini adalah kerana persoalan yang akan dihadapi oleh kita ialah apakah segala harapan dan hasrat dan keazaman yang tinggi dan mulia itu dapat diwujudkan dengan sebaik-baiknya dan dapat dilaksanakan dengan sebetul-betulnya dan dapat pula diterima dengan jayanya oleh seluruh rakyat dan negara. Bagi setiap orang yang berjiwa luhur dan tidak mementingkan diri sendiri serta tidak kesempitan pandangan dan lebih memikirkan demi kepentingan negara seluruhnya, sudah pastilah berkeyakinan bahawa sesuatu yang baik itu harus diterima dijayakan dengan sebaik-baiknya untuk faedah rakyat dan negara. Bagi kejayaan matlamat pembangunan sesebuah negara ianya pasti melalui tiga peringkat iaitu peringkat yang membuat dasar, peringkat perlaksanaan dasar dan peringkat kekesanan dasar ataupun penerimaan dasar itu. Saya percaya bahawa dari garis panduan yang diberikan dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini jelas ternyata bahawa dasar harus dibuat dan akan dibuat oleh Kerajaan adalah sesuatu yang baik dan

akan dapat memuaskan. Apa yang akan timbul kemudiannya adalah apakah segala perancangan dasar itu akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dapat pula diterima dari berkesan baik kepada rakyat dan negara seluruhnya? Hal inilah yang menjadi persoalan dan tandatanya dan hal ini jugalah yang harus dititikberatkan jika benar-benar berharapan untuk mencapai kejayaan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila diperkatakan tentang pembangunan mungkin senang dimengertikan bahawa ianya adalah sesuatu usaha peningkatan kemajuan yang dilaksanakan meliputi berbagai bidang maksud pembangunan itu sendiri, tetapi apa yang harus menjadi harapan kepada matlamat pembangunan itu pula ialah supaya segala usaha kepada peningkatan pencapaian matlamat kemajuan itu merupakan segala sesuatu yang dapat dinikmati dan memberi manfaat kepada masyarakat dan rakyat dan bukan sebagai lambang keindahan semata-mata. Dari itu adalah menjadi harapan saya agar segala perancangan dasar pembangunan di negara ini dapat dikaji dengan teliti oleh pihak perancang dasar supaya segala perancangan yang dilaksanakan kelak akan benar-benar dapat dikenalpasti serta dapat disertai dan dilibati oleh rakyat ke arah memberi manfaat dan nikmat terhadap mereka. Jika tidak maka kepesatan pembangunan yang berlaku, rakyat miskin akan terus ketinggalan dan terus di dalam kesempitan buat selama-lamanya.

Kita tidak rela kemajuan dari pembangunan hanya diterima oleh segolongan kaum atau sekumpulan rakyat sahaja sedangkan kumpulan yang tidak kemampuan hanya melihat dan menderita. Jentera pelaksanaan dasar-dasar yang dirancang haruslah juga memahami segala harapan dan matlamat pencapaian dan kekesanan dasar-dasar hasil dorongan dari hasrat dan inspirasi dari rakyat untuk rakyat. Jika jentera pelaksanaan tidak memahami matlamat sebenarnya maka mungkin akan berlaku penyelewengan-penyelewengan dan akhirnya membawa kepada kegagalan dan kehampaan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa setiap strategi yang dirancang dan didasarkan bagi pelaksanaan itu ianya juga bergantung kepada kejayaannya jika keadaan negara dalam keadaan aman dan kestabilan. Untuk keamanan dan kestabilan rakyat dan negara, saya menyetujui bahawa ianya tidak hanya terletak kepada Pasukan Keselamatan dan Angkatan Tentera semata-mata, tetapi juga oleh setiap rakyat di negara ini sendiri. Tetapi inilah yang sungguh mendukacitakan saya kerana apabila pihak Pembangkang membangkitkan perkara tindakan Anggota Pasukan Keselamatan kita yang menjalankan tugasnya di Mengkarak baru-baru ini membuktikan bahawa ianya semata-mata untuk melemahkan tugas-tugas operasi Pasukan Keselamatan yang kadangkala jiwa raga mereka sendiri menjadi cagarannya. Pihak Pembangkang sanggup mengutuk tindakan tegas Pasukan Keselamatan kerana menjalankan tugasnya dengan tegas dan betul, tetapi tidak sedikitpun mengutuk pihak pegganas yang menembak Anggota Pasukan Keselamatan kita di tempat yang sama pada sehari sebelum itu, iaitu sebelum tindakan operasi Pasukan Keselamatan kita itu bermula.

Apakah sikap sebenar Pembangkang terhadap negara ini? Apakah semata-mata untuk mencari pengaruh sedangkan isu begini dibangkitkan dan ianya adalah semata-mata untuk mengelirukan dan tidak menurut kenyataan dan hal sebenarnya. Sebenarnya tindakan operasi yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan kita di Mengkarak itu adalah setelah seorang anggota Pasukan Keselamatan kita telah ditembak dan dalam operasi tersebut beberapa kenyataan-kenyataan telah dijumpai di dalam kawasan keselamatan tersebut yang bermakna ada di antara orang-orang awam khasnya di tempat tersebut memberi kerjasama kepada pegganas-pegganas komunis di tempat itu. Di atas hal demikian maka adalah wajar tindakan-tindakan tegas Pasukan Keselamatan kita yang dijalankan itu kerana tindakan tersebut adalah semata-mata demi kepentingan keselamatan rakyat dan negara daripada ancaman pegganas yang tidak berperni kemanusiaan ini.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai masa depan bangsa dan negara, saya percaya bahawa tidak dapat dinafikan bahawa kalangan generasi-generasi belia sekarang dan akan datang adalah merupakan kalangan yang akan menerima amanah bagi mewarisi bangsa dan negara seluruhnya. Oleh itu, saya rasa perlulah satu persediaan dan satu dasar belia negara yang lebih nyata dan berkesan bagi dapat dilaksanakan ke arah membentuk dan membimbing kalangan belia-belia di negara ini sekarang dan akan datang agar ianya benar-benar akan menjadi orang yang bertanggungjawab terhadap diri, terhadap bangsa dan juga negara seluruhnya. Hal ini adalah amat perlu diberi perhatian oleh Kerajaan sekarang ini kerana di dalam kumpulan belia-belia yang sedang membesar di negara kita sekarang terdapat tiga peringkat kumpulan:

- (i) Kumpulan yang mempunyai pelajaran yang mencukupi dan mendapat peluang pekerjaan.
- (ii) Kumpulan yang mempunyai pelajaran yang sederhana dan tidak mempunyai pekerjaan tetap.
- (iii) Kumpulan yang keciciran dan mempunyai pelajaran yang amat minima yang tidak mempunyai peluang pekerjaan.

Kumpulan pertama masalahnya akan selesai, kumpulan kedua dapat dibimbing ke arah kerjaya yang diminati, tetapi kumpulan yang ketiga adalah masih terbiar. Perkara ini perlu diberi perhatian segera oleh Kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan agar sesuatu dasar dan sesuatu latihan kemahiran di seluruh daerah bagi meletakkan masa depan masyarakat belia yang sudah masak yang suatu masa kelak akan menjadi masyarakat dewasa dan menerima amanah masa depan negara dengan persediaan yang sempurna, teguh dan berketahanan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Kerajaan di bawah pimpinan baru 2M ini telah diperkatakan sebagai berorientasikan pentadbiran cekap, licin dan bersih, saya amat mengalu-alukan hasrat dan keazaman menjadikan pentadbiran sedemikian, tetapi

kesempatan ini saya ingin menarik perhatian Kerajaan mengenai sejauh manakah pencapaian maksud cekap, licin dan bersih itu sekarang, kerana saya tidak mahu slogan itu hanya pada kata-kata, tetapi tidak pada kenyataan.

Satu contoh dapat saya berikan di dalam kawasan saya sendiri iaitu di mana telahpun dimasukkan senarai projeknya diluluskan peruntukannya dan wangnyapun telah ada bagi pemasangan elektrik kepada beberapa buah kampung yang mana menurut projek tersebut akan dijalankan pada awal tahun 1981, tetapi sehingga hari ini papan tanda projek itupun belum terbayang lagi walaupun sudah masuk tahun 1982 hingga bulan Mac ini. Ini baru satu contoh banyak lagi hal-hal yang bukan cekap dan licin, tetapi lemah dan leceh. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan perlu menubuhkan segera sebuah badan petugas bagi mengkaji dan meneliti jentera pelaksanaan serta mengikuti segala perancangan di setiap agensi jentera pelaksanaan dari masa ke semasa bagi memastikan setiap perancangan dilaksanakan seberapa segera dan benar-benar menurut yang dirancang di dalam jangka masa yang sewajarnya. Hal ini adalah perlu kerana jika sesuatu projek lambat dan lewat dilaksanakan maka kos atau nilai projek tersebut juga akan meningkat dari masa ke semasa yang kelak membawa pertambahan dikehendaki dan merupakan juga sebagai pembaziran terhadap keulewatannya.

Tuan Yang di-Pertua, melihat atas hasrat dan usaha Kerajaan kepada memberi keutamaan kepada perkembangan perusahaan-perusahaan kecil di luar-luar bandar supaya taburan pembahagian kemajuan ekonomi negara dapat turut dinikmati oleh masyarakat miskin di luar bandar, saya berasa ianya adalah sesuatu usaha yang amat baik dan perlu mendapat perhatian dan penyertaan ramai. Tetapi suatu masalah timbul di kalangan penduduk-penduduk luar bandar ialah tentang pengetahuan dan apakah jenis usaha yang dapat dilaksanakan oleh mereka dari kesempitan pengetahuan dan pengalaman yang ada pada mereka. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan di sini supaya pihak Kerajaan

dan Kementerian-kementerian yang berkenaan dapat menubuhkan sebuah badan perunding yang dapat memberi pengetahuan tentang jenis-jenis projek yang sesuai dilaksanakan bagi sesuatu tempat berasaskan bahan-bahan mentah ataupun pengeluaran-pengeluaran setempat yang meliputi pengetahuan-pengetahuan teknik, asas-asas usahawan, pemasaran dan jaminan-jaminan yang boleh diperbantukan supaya setiap hasrat bagi menjalankan perusahaan-perusahaan kecil itu dapat jaminan dan berjaya. Oleh kerana pada masa ini banyak agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai berbagai bidang tugas dan peranan berasingan telah dan sedang menjadi agen penasihat kepada penduduk-penduduk luar bandar dalam melaksanakan berbagai-bagai programnya, maka adalah wajar sekiranya tugas-tugas badan perunding yang saya maksudkan tadi dapat ditubuhkan atau digabungkan dari agensi-agensi tersebut menjadi sebuah badan petugas menyempurnakan peranan-peranan yang tersebut dengan lebih bertanggungjawab dan kemampuan yang lebih sempurna ke arah pencapaian matlamat yang tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sukalah mengambil kesempatan ini turut menyokong di atas saranan yang dikemukakan oleh wakil dari Tuaran dan juga wakil dari Sarawak yang banyak memperkatakan tentang penyalarsan-penyalaran yang harus dibuat oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri-negeri tersebut. Hal ini adalah benar-benar dikehendaki kerana saya sendiri telah melihat keadaan-keadaan yang ada di negeri itu sendiri semasa lawatan saya ke sana dahulu kerana kita dapati kemiskinan yang ada di Sabah di kawasan luar bandar boleh dikatakan masih tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Kedudukan yang ada pada masa ini kemiskinan di luar bandar di Sabah dan Sarawak meningkat kepada 85%. Jadi dengan ini adalah perlu yang Kerajaan Pusat kita juga bertanggungjawab terhadap Kerajaan Negeri di Sabah dan Sarawak selain daripada Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia Barat ini kerana sekarang ini negeri-negeri tersebut boleh dikatakan hanya bergantung bulat kepada Kerajaan kita di Pusat ini.

Akhirnya, saya sukacitalah dengan ini menyokong penuh di atas Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah sudi memberi ucapan perasmian di Dewan ini 2 hari yang lalu. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.12 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8hb Mac, 1982.

Di samping menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ingin saya di sini menyentuh satu dua perkara sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat Malaysia untuk melahirkan penyertaan penuh antara kaum dalam usaha-usaha pembangunan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Malaysia. Duli Yang Maha Mulia telah menyeru rakyat Malaysia, dari segenap lapisan rakyat di seluruh negara untuk berusaha dengan lebih gigih, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu-padu untuk mewujudkan negara Malaysia supaya dapat lebih berprogresif dan kukuh di masa hadapan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli dari parti DAP dalam Dewan ataupun di luar Dewan yang mulia ini. Maka saya berasa kesal kerana tujuan ucapan ahli-ahli dari parti DAP itu telah meminta sistem 3M ini akan ditarik balik dari sekolah rendah Cina. Ini satu slogan parti DAP supaya pengundi-pengundi di negara ini yang kurang faham telah menyokong parti DAP. Tetapi dalam beberapa hari yang lalu dan semalam juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup jelas bercakap dalam Dewan ataupun di luar Dewan yang mulia ini merayu kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia janganlah khuatir ataupun bimbang dengan sistem 3M. Kerajaan sentiasa menimbangkan dan mengkaji dengan teliti dan Kerajaan sentiasa menyelesaikan mengikut Perlembagaan yang ada sekarang. Kepada pihak kami yang

mewakili rakyat yang datang dari kawasan luar bandar Sarawak, pendirian kami menyokong penuh atas sistem 3M ini walaupun 3M ini baru dan kami rakyat Sarawak berharap bahawa sistem 3M ini akan dapat mempercepatkan pelajaran murid-murid di sekolah rendah Kerajaan, di bandar ataupun di luar bandar.

Kita semua sedia maklum bahawa sebelum pilihanraya dalam tahun 1978 pihak parti DAP mengeluarkan soal Universiti Merdeka untuk slogan parti mereka, tetapi soal Universiti Merdeka itu tidak diterima oleh tiap lapisan rakyat di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, pada mesyuarat kali ini parti DAP juga mengeluarkan soalan 3M dalam Dewan ini untuk slogan parti mereka. Adakah tujuan parti DAP itu betul menjadi parti yang demokrasi menolong negara ini? Pada pendapat kami Ahli-ahli dari Sarawak, tujuan parti DAP itu mengeluarkan soalan 3M ini untuk mereka memancing undi sahaja, ataupun mengelirukan perpaduan rakyat di negara ini dan kami sebagai wakil rakyat dari Sarawak berharap bahawa pengundi-pengundi di seluruh negara khasnya pengundi-pengundi kaum Cina di Sarawak janganlah terpengaruh oleh parti DAP.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu ingin juga saya menyentuh berkaitan dengan pertanian. Kerajaan Pusat telah membasmikan kemiskinan rakyat di seluruh negara akan tetapi bagi kami kaum bumiputera Sarawak masih lagi ketinggalan untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kaum terutama sekali di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah sekarang ini tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar masih tidak dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan Pusat perlulah menyasiat dengan teliti supaya agihan-agihan peruntukan untuk membantu pertanian di kawasan luar bandar akan dapat dipertimbangkan kerana saya dapati bahawa kaum petani di kawasan luar bandar Sarawak masih pesat dan jauh ketinggalan di dalam bidang Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Latihan-latihan dan gunaan-gunaan semula perkerjaan di bidang pertanian perlulah dipercepatkan di kawasan luar bandar untuk memodenkan pertanian. Sektor pertanian

amat perlu dikaji semula supaya permodenan pertanian akan dapat meninggikan taraf hidup mereka sama ada di sektor pertanian ataupun di sektor perdagangan di mana penyertaan kaum bumiputera yang terdapat kurang baik.

Selain dari itu ingin juga saya di sini menyentuh harga padi di Sarawak supaya dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Semenjak Sarawak merdeka dalam Malaysia hampir 19 tahun, maka harga padi dibeli oleh Kerajaan tidak kurang dari \$24 pada satu pikul dan tidak ada kritik-kritik dari orang ramai selama itu. Pada tahun 1982 ini bila Tuan Pegawai Daerah bahagian saya bersama-sama melawat ke kawasan pertanian, saya banyak menerima syor-syor dari orang ramai khasnya kaum petani mengenai harga padi yang dibeli oleh agensi-agensinya Kerajaan.

Harga padi pada hari ini dibeli oleh agensi-agensinya sebanyak \$17 pada satu pikul berbanding dengan harga dahulunya \$24 pada satu pikul. Ini sudah pasti bahawa harga padi satu pikul telah turun kepada \$7 pada satu pikul. Perkara ini telah mengelirukan dan memberi kebimbangan kepada kaum petani. Saya sendiripun berasa khuatir kerana kalaulah harga padi di Sarawak ini dibandingkan dengan harga padi di Semenanjung, di Sarawak sangat murah. Walaupun Kerajaan telah mengadakan subsidi-subsidi dengan \$10 pada satu pikul tetapi pandangan orang ramai harga padi pada hari ini jauh murah dari harga padi di Semenanjung Malaysia.

Namun demikian saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya perkara ini akan dapat dikaji dengan teliti untuk memuaskan hati kaum petani yang penghidupan mereka itu mendapati hasil dari penanaman padi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana peruntukan untuk perumahan ditambahkan daripada \$5 juta kepada \$15 juta dalam tahun 1982 ini. Walaupun peruntukan ini telah disalurkan dengan berlipatganda, saya percaya masih banyak lagi permohonan dari orang ramai untuk mendirikan rumah kos

rendah. Oleh yang demikian saya yakin bahawa pihak yang berkenaan perlulah mengambil tindakan yang tegas untuk mengkaji dengan teliti di mana kawasan itu amat perlu khasnya kepada permohonan yang telah hampir 4-5-6 tahun yang lalu. Perkara ini patutlah diambil perhatian dengan segera.

Selain dari itu, berhubung dengan polisi Kerajaan untuk memberi loan kepada satu-satu unit, pada masa ini Kerajaan akan dapat memberi loan sebanyak \$5,000 sahaja kepada satu-satu unit. Cara memberi loan ini ialah dengan dua cara: yang pertama untuk membaiki rumah mereka dan cara yang kedua untuk menyiapkan rumah mereka. Oleh kerana pemberian loan ini terlampau kecil maka saya di sini merayulah kepada Menteri Perumahan supaya peruntukan yang diberikan kepada rakyat yang ingin meminjam wang dari Kerajaan akan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan dan saya berharap bahawa peruntukan di bawah Kementerian Perumahan ini akan dapat ditambah dengan lebih banyak pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat.

6.20 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam menyokong usul ini saya ingin mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengan polisi Kerajaan yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda. Kita tahu bahawa Penggal Keempat Parlimen Kelima ini adalah penggal yang penghabisan. Bagi persidangan kali ini dan mungkin juga ada di antaranya yang tidak dipilih. Namun begitu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengemukakan setinggi-tinggi terima kasih

kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinetnya, seorang yang cekap lagi dedikasi dalam menjalankan tugasnya mentadbirkan negara ini dan perubahan memang nyata yang boleh disaksikan dengan nyatanya.

Saya rasa kepujian harus diberi kepadanya kerana sikapnya yang tegas lagi berani serta mempunyai disiplin yang kuat yang berpandangan jauh. Sekiranya jentera pentadbiran ini dapat dikekalkan, saya percaya ianya akan bertambah lebih efficient lagi pada masa yang akan datang.

Perdana Menteri Singapura seorang yang berpandangan jauh juga memberi kata-kata pujian ke atas pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, satu jenerasi muda yang telah membawa banyak perubahan dan kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kedaulatan undang-undang, saya ingin menarik perhatian Jabatan Peguam Negara agar meneliti dan mengkaji sekiranya perlu akan sebab-sebab atau implikasi pindaan Perlembagaan yang dibuat sedikit masa dahulu yang menyebabkan kebebasan bercakap tidak dapat diberi sepenuhnya di dalam kedua-dua Dewan Parlimen. Walaupun undang-undang ada mempunyai beberapa interpretasi, namun hakikat yang nyata ialah membawa sesuatu perkara yang dibangkitkan di sini sekiranya ia dianggap oleh setengah pihak sebagai sensitif, maka jika ada pihak yang melaporkan kepada polis maka ianya akan menjadi satu kes untuk disiasat. Sedangkan ucapan-ucapan yang dibuat di dalam Parlimen ini adalah ucapan-ucapan politik yang sepatutnya tidak dikenakan apa-apa sekatan asalkan ianya tidak menyalahi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dibuat oleh manusia maka apa yang difikirkan tidak sesuai tidak semestinya ia tidak boleh dikaji atau dipinda semula untuk diubahsuai dengan keadaan masa. Saya menyentuh ini hanyalah berkaitan dengan ucapan yang dianggap sensitif. Pada pandangan saya sekiranya ucapan itu tidak menyalahi Peraturan Tetap Mesyuarat ataupun tidak ditahan oleh Speaker, maka pada anggapan saya ianya tidak seharusnya

boleh diseret ke Mahkamah. Ini perlu mendapat perhatian dan renungan bersama daripada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara khususnya pada pendapat saya kebebasan bercakap di dalam kedua-dua Dewan Parlimen tidaklah seharusnya disekat sehingga ianya boleh disabitkan satu-satu tuduhan kesalahan peraturan, sama ada membenarkan ataupun tidak adalah terletak di atas kuasa dan budibicara Speaker, maka sudah sewajarnya ia diberi perhatian yang khusus mengenai perkara ini.

Kita sedia maklum bahawa sedikit demi sedikit kita menempuh beberapa dugaan dan cabaran. Dugaan dan cabaran terhadap Dasar Ekonomi Baru telah banyak diperkatakan baikpun dari pihak Kerajaan mahupun pihak Pembangkang khususnya DAP dan rakan-rakannya yang sering kali membangkit-bangkitkan perkara tersebut walaupun tujuan besarnya ialah untuk menyusun semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru. Tetapi apa yang disarankan oleh DAP dan rakan-rakannya ialah berlainan daripada gambaran yang sebenarnya seolah-olah Kerajaan hanya memberi keutamaan kepada orang-orang Melayu sahaja sedangkan pada hakikatnya ialah bahawa orang-orang bukan Melayu yang mendapat lebih nikmat daripada segala rancangan yang dijalankan.

Satu perkara yang selalu dibangkitkan ialah rancangan FELDA. DAP dan rakan-rakannya selalu membangkitkan rancangan ini. Orang-orang Melayu tidak pernah membangkitkan kedudukan New Village yang dahulunya dibuka masa darurat, tetapi sekarang tanah sudah menjadi hakmilik mereka. Kawasan tersebut juga dimajukan dengan perusahaan moden dengan berbagai infrastruktur. Hakikat ini perlu diingat oleh mereka iaitu bahawa rancangan FELDA dibuka kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan. Ini selepas mereka bersara dengan menyabung nyawa kerana mempertahankan negara. Dengan adanya Pasukan Keselamatan maka taukeh-taukeh besar dan ahli-ahli perniagaan boleh hidup dengan aman dan dengan demikian mereka dapat tidur dengan nyenyak. Oleh kerana pengorbanan mereka inilah maka keutamaan

rancangan ini diberi kepada mereka dari hasil pendapatan negara.

Mengikut statistik pembukaan rancangan ini memberi faedah yang besar kepada orang bukan Melayu. Seperti kilang proses getah, pemasaran, pengangkutan, import, eksport, agensi kewangan, semuanya adalah dikuasai oleh orang-orang bukan Melayu. Ini boleh dikatakan lebih dari 80%. Ini tidaklah disadari dan mahu diungkit-ungkitkan lagi.

Sebagai contoh iaitu dalam tahun 1980 jumlah bantuan tanam semula getah FELDA iaitu sebanyak \$1,227.6 juta, bilangan pekebun kecil bumiputera 248,024 orang dan bilangan pekebun kecil bukan bumiputera 146,311 orang.

Jumlah bantuan kepada bumiputera \$5,027.9 juta dan jumlah bantuan kepada bukan bumiputera ialah \$6,009.7 juta. Ini bermakna rancangan yang mendapat bantuan bagi bumiputera ialah 57% manakala bantuan kepada bumiputera ialah cuma 43% sahaja. Ini jelaslah bahawa apa yang diungkit-ungkitkan oleh mereka itu adalah tidak betul dan salah.

Bagi saya mengungkitkan hak ini adalah sebagai satu jarum yang paling merbahaya di dalam negara kita dan ianya tidak sepatutnya diungkit-ungkitkan lagi hatta di mana-mana sekalipun.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Amanah Saham Nasional. Kita tahu ianya memberi erti yang besar kepada orang-orang Melayu dan bumiputera. Dalam pelancaran yang dibuat sedikit masa dahulu ianya adalah di luar dugaan kita. Sambutannya sungguh menggalakkan dan hasilnya telah sama-sama kita ketahui. Namun begitu tumpuan yang besar haruslah kita tumpukan kepada kakitangan Kerajaan yang berjumlah lebih 750,000 orang yang menjadi tulang belakang pemerintahan negara. Kebanyakan cerdik pandai kita ini berada dalam sektor awam. Sekiranya kita tidak memberi perhatian yang khusus, saya khuatir sambutan yang diharapkan itu tidak sebegitu. Apa yang menyedihkan kita ialah sambutan dingin kakitangan Kerajaan mengenai potongan gaji bulanan. Sepatutnya simpanan melalui potongan gaji ini adalah lebih mudah dan

lebih berkesan sekiranya ia dijalankan secara teratur dan mungkin akan mendapat sambutan dan galakan daripada mereka yang berkenaan. Tentulah ada sebabnya mengapa kakitangan yang seramai itu sangat dingin menyambut seruan Kerajaan semenjak dilancarkan dahulu. Walaupun begitu, saya percaya potongan yang paling senang bolehlah dibuat melalui simpanan yang dibayar terus kepada Bank-bank atau Pejabat Pos. Ianya dihantar terus ke Pejabat Pos yang berkenaan. Tidaklah sepertimana sekarang ini di mana ianya dihantar terus ke Pejabat ANGKASA di mana potongan gaji dibuat

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat banyak lagi hendak berucap?

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Banyak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu, oleh sebab masa sudah cukup maka saya minta Yang Berhormat sambung pada hari esok. Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang ini masa sudah cukup, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang, hari jumaat, 12-3-1982.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.